**Selasa, 13 September 2022** | 16 Safar 1444H | Tel: 1 300 22 6787 | PP 414/10/2012 (030686) | **RM2**

*Wadah Pembaharuan*

# BH BeritaHarian

*Diterbit sejak 1957* www.bharian.com.my

## Juruterbang helikopter terputus hubungan dengan pusat kawalan trafik udara ditemui maut terhempas di Bidor

*Nasional* 14



# Siap siaga hadapi banjir besar

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) semalam memutuskan pelbagai langkah bagi mendepani kesan Monsun Timur Laut yang dijangka membawa hujan lebat dan banjir besar bermula November ini hingga Mac tahun depan.

- Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah diaktifkan segera
- JKM akan aktifkan 6,010 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) bagi menempatkan 1,620,855 mangsa dengan kemudahan bilik mandi dan tandas
- 79,549 anggota agensi keselamatan dan penyelamat dengan sokongan pelbagai aset

→ *Nasional* 2

# Sultan Selangor tarik balik darjah kebesaran Najib, Rosmah

**Oleh Norzamira Che Noh**
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menarik balik darjah kebesaran yang membawa gelaran Datuk dan Datuk Seri, yang dikurniakan kepada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, pada 1992 dan 2004, berkuat kuasa semalam.

Selain itu, gelaran Datin Paduka Seri yang dikurniakan kepada isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansor, pada 2005 turut ditarik balik.

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Haris Kasim, ketika mengumumkan tindakan diambil Sultan Selangor, berkata penarikan darjah kebesaran itu dibuat selepas baginda berunding dengan Dewan Diraja Selangor.

Beliau berkata. Najib dikurniakan Keahlian Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) Kelas Pertama yang membawa gelaran Datuk Seri pada tahun 2004 dan Darjah Kebesaran Datuk Paduka Mahkota Selangor (DPMS) Kelas Kedua yang membawa gelaran Datuk pada tahun 1992.

"Beliau didakwa di Mahkamah Tinggi di atas beberapa pertuduhan yang melibatkan kes salah guna kuasa, pecah amanah dan pengubahan wang haram ke atas dana SRC International Sdn Bhd.

"Pada 23 Ogos lalu, Mahkamah Persekutuan mengekalkan sabitan dan hukuman terhadap beliau yang sudah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur sebelum ini.

*Nasional* 4



## Kabinet setuju naikkan kos bina, baik pulih rumah PPRKM elak projek terbengkalai

*Nasional* 16




## Syarikat tak berlesen tidak patuh etika, peraturan pengiklanan MOTAC

*Nasional* 8

# Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah diaktif segera

## Peranan di semua lokasi bencana diperkasa hadapi musim tengkujuh

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) yang dipengerusikan Pegawai Daerah diarah diaktifkan segera dan peranannya di semua lokasi bencana diperkasa bagi menghadapi musim tengkujuh yang dijangka pada November hingga Mac depan.

Mengumumkan demikian, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata keputusan mengaktifkan JPBP itu dicapai pada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) yang dipengerusikannya, semalam.

"JPBD mempunyai fungsi yang penting untuk melaksanakan kerja menyelamat serta penyampaian bantuan di kawasan bencana, manakala Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) menyelaras pada peringkat pusat serta negeri.

"Bagi aspek pengurusan mangsa, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bersiap sedia mengaktifkan 6,010 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di seluruh negara yang mempunyai kapasiti menempatkan 1,620,855 mangsa," katanya dalam kenyataan.

Mesyuarat berkenaan turut dihadiri Menteri Besar dan Ketua Menteri; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah; Setiausaha Kerajaan Negeri selaku pengerusi JPBN serta agensi berkaitan.

Perdana Menteri berkata, menurut laporan kesiapsiagaan Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), fasa peralihan monsun akan bermula pertengahan September sehingga November ini, manakala Monsun Timur Laut bermula November hingga Mac tahun depan.

"Kelantan, Terengganu dan Pahang dijangka mengalami hujan lebat monsun bermula November hingga Disember ini, manakala Johor, Sabah dan Sarawak dijangka hujan lebat bermula Disember ini hingga Januari depan," katanya




*Ismail Sabri mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat di Putrajaya, semalam.* (Foto BERNAMA)

### Naik taraf kemudahan asas

Selain itu, Ismail Sabri berkata, kerajaan memperuntukkan RM2.59 juta untuk menaik taraf kemudahan asas dan fasiliti di semua PPS seperti penyediaan bilik mandi serta tandas.

Kementerian Pendidikan (KPM) pula diarah supaya asrama sekolah tidak dihuni pelajar ketika bencana untuk digunakan orang ramai yang terjejas khususnya warga emas, anak kecil dan wanita.

"JKM perlu menyediakan makanan *retort* (makanan diawetkan yang boleh disaji segera) dalam tempoh 24 jam pertama, keperluan bayi dan warga emas seperti lampin pakai buang untuk mangsa bencana yang dipindahkan ke PPS," katanya.

Beliau berkata, dalam menghadapi banjir NADMA juga sudah mengagihkan 59,350 kit makanan dan 127,272 khemah kubikel bagi memastikan kelancaran pengurusan penempatan di PPS dan kebajikan mangsa apabila berlakunya bencana.

"JPBN dan JPB daerah perlu bersedia lebih awal bagi memastikan bantuan bekalan sampai di semua lokasi bagi mengelakkan keadaan lebih sukar sekiranya jalan terputus dan sebagainya.

"Sebanyak RM8 juta diperuntukkan untuk Pengurusan Pengoperasian Bencana monsun timur laut kepada JPBN untuk kegunaan di 160 daerah.

"Kerajaan turut memperuntukkan RM4.8 juta bagi menyediakan 320 bot fiber bersama dengan enjin untuk daerah yang terbabit sebagai usaha memperkasa peranan komuniti sebagai tindak balas awal ketika bencana," katanya.

### 22,622 aset air digerakkan

Ismail Sabri berkata, 22,622 aset air seperti bot, treler bot dan jet ski milik semua agensi dari seluruh negara digerakkan untuk menghadapi musim monsun ini, dengan semua aset perlu dikoordinasi dengan sebaik mungkin supaya kerja menyelamat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

"JPBN dan JPBD juga perlu pastikan sistem amaran awal bencana, terutama di lokasi sering dinaiki air berfungsi dengan baik.

"Mesyuarat bersetuju bunyi amaran awal berbeza dengan bunyi siren lain seperti ambulans dan kereta peronda polis bagi mengelakkan kekeliruan.

"Pengumuman berpindah akan turut dibuat pihak berkuasa dari semasa ke semasa melalui sistem pembesar suara.

"Seluruh rakyat khususnya yang tinggal di kawasan rendah dan terdedah risiko banjir diminta sentiasa peka dengan amaran awal bencana dan berpindah dengan kadar segera sekiranya mendapat arahan daripada pihak berkuasa," katanya.

Beliau berkata, semua agensi terbabit khususnya pada peringkat negeri dan daerah bencana diarah memastikan kelancaran bantuan kepada Keluarga Malaysia yang terjejas penyelarasan komunikasi yang cekap dan efisien.

Secara keseluruhannya katanya, 79,549 pegawai dan anggota agensi keselamatan serta penyelamat di semua peringkat berada dalam keadaan bersiap siaga sepenuhnya dengan sokongan pelbagai aset.

"Dalam usaha memantapkan kesiapsiagaan Keluarga Malaysia, 155 program Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) yang membabitkan 12,534 perserta yang terdiri daripada ketua komuniti, belia dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)," katanya.

# Air pasang besar di Kuala Kedah jejas 30 rumah, gerai



*Anggota APM Kota Setar memantau kawasan Kuala Kedah yang dinaiki air, semalam.* ( Foto Ihsan APM

**Alor Setar:** Fenomena air pasang besar yang melanda Kuala Kedah semalam, menyebabkan sekurang-kurangnya 30 rumah dan gerai sekitar kawasan itu ditenggelami air laut.

Kejadian air pasang besar yang berlaku sekitar jam 1.30 tengah hari itu, tidak membimbangkan kerana air laut surut sejam kemudian, malah tiada hujan atau angin kencang ketika paras air laut meningkat.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah Kota Setar, Kapten Norlizawati Ismail, berkata hasil pemantauan yang dilakukan anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Kota Setar di Jeti Kuala Kedah, Pasar Kampung Seberang Kota dan Jalan Tok Pasai mendapati kawasan itu dinaiki air pada paras sekitar 0.1 hingga 0.3 meter berikutan peningkatan air laut.

Beliau berkata, bacaan paras air laut semalam meningkat sedikit iaitu mencecah 2.91 meter, berbanding bacaan ramalan iaitu 2.9 meter pada jam 1.45 tengah hari hingga 2.30 petang.

"Paras air menunjukkan sedikit peningkatan kesan dari air pasang besar.

"Anggaran sebanyak 30 rumah dan gerai di kawasan itu terjejas disebabkan masalah perparitan dan bertembung dengan air pasang besar," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Norliza berkata, penduduk Kuala Kedah turut memaklumkan air pasang besar semalam sedikit menurun berbanding kelmarin dan Sabtu lalu.



Advertorial

# Malaysiaku tercinta

Tahun ini, kita menyambut Hari Kebangsaan yang ke-65 dan Hari Malaysia ke-59.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk meneruskan perbualan yang kita mulakan tahun lepas dengan berkongsi beberapa buah fikiran tentang negara kita yang dicintai.

Kita hidup dalam zaman yang penuh ketidakpastian. Walaupun Malaysia dan seluruh dunia sudah beralih ke fasa endemik, COVID-19 masih menjadi satu ancaman.

Ketegangan antara Amerika Syarikat dan China semakin membimbangkan, manakala peperangan di Ukraine telah mengganggu rantaian bekalan global.

Inflasi yang melambung tinggi dan jurang perbezaan pendapatan yang kian meluas menjadikan kita terus mundur menentang arus kemajuan. Oleh itu, adalah amat penting bagi kita selaku rakyat Malaysia untuk bertindak segera dan seiringan demi mengatasi cabaran global ini.

Kita perlu meneliti di mana kita berada pada masa ini, ke mana hala tuju kita, dan bagaimana kita berhasrat untuk sampai ke destinasi itu.

Izinkan saya mengetengahkan beberapa perkembangan positif yang berlaku sepanjang 12 bulan yang lalu.

Sebagai contoh, Memorandum Persefahaman (MoU) bersejarah yang ditandatangani oleh Perdana Menteri dan gabungan pembangkang Pakatan Harapan mula membuahkan hasil dari segi reformasi sistem politik kita.

Undang-undang anti lompat parti telahpun diwartakan. Rang undang-undang pembiayaan politik pula bakal dibentangkan tidak lama lagi.

Peranan pihak Parlimen berkembang secara lebih tulus dan bebas selaras dengan pelaksanaan mekanisme semak dan imbang.

Namun, apa yang lebih penting adalah pemikiran unik *(out of the box)* yang mencetus pelaksanaan MoU itu, di mana ia berjaya memperkenalkan konsep "bersaing sambil bekerjasama" ke dalam sistem politik kita.

Ia mewujudkan suasana kestabilan yang banyak membantu pentadbiran negara. Kita memerlukan lebih banyak idea sedemikian untuk terus bergerak maju ke hadapan.

Kerajaan juga berjaya mengurangkan kesan paling teruk akibat peningkatan kos sara hidup rakyat Malaysia, terutama bagi mereka yang berada dalam kategori B40.

Namun, pelaksanaan tindakan ini ternyata tidak mampan kerana memakan kos yang sangat tinggi: hampir RM80 bilion dalam bentuk subsidi.

Walaupun langkah sementara *(stopgap)* ini telah memberikan kelegaan sementara, apa yang kita benar-benar perlukan ialah dasar jangka panjang yang wajar, koheren dan bersepadu untuk meningkatkan tahap produktiviti dan pendapatan rakyat.

Seperti yang dikatakan oleh pemenang Hadiah Nobel Keamanan iaitu mendiang Desmond Tutu, "Akan tiba masanya di mana kita perlu berhenti daripada hanya menarik orang keluar dari sungai secara membuta. Kita harus pergi ke hulu untuk mengetahui kenapa mereka jatuh ke dalam sungai".

### Khuatir pentingkan politik

Walau bagaimanapun, seperti kebanyakan rakyat Malaysia, saya khuatir sesetengah pihak berkuasa kelihatan lebih mementingkan politik berbanding polisi.

Kita semua sedar akan rintangan yang dihadapi dalam usaha membina masa depan yang lebih cerah, progresif, inklusif dan mampan untuk negara kita.

Ia penting untuk kita mengakui desakan untuk mengukuhkan perpaduan nasional kita. Kepelbagaian kita adalah suatu unsur kekuatan yang memperkasa kita sebagai sebuah negara dan bukannya sesuatu yang memecahbelahkan kita.

Kita semua mesti cuba sedaya upaya untuk mengatasi budaya toksik yang mempengaruhi perhubungan sesama kita dari sudut kaum, agama dan budaya.

Seterusnya, izinkan saya untuk menyentuh mengenai pendidikan. Bukan lagi rahsia bahawa sistem pendidikan kita memerlukan penambahbaikan secara besar-besaran.

Melainkan kita menangani cabaran ini dengan segera, kita akan mengazabkan anak-anak kita dan negara kita ke arah masa depan yang penuh kemiskinan dan kesengsaraan.

*"Ia penting untuk kita mengakui desakan untuk mengukuhkan perpaduan nasional kita. Kepelbagaian kita adalah suatu unsur kekuatan yang memperkasa kita sebagai sebuah negara dan bukannya sesuatu yang memecahbelahkan kita"*



Dalam dunia globalisasi, persaingan yang dihadapi oleh anak kita bukan sahaja berpunca daripada pelajar di meja sebelah, tetapi dari seluruh pelosok dunia.

Dalam konteks ini, saya amat bimbang apabila mendapati bahawa tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan anak muda Malaysia semakin merosot.

Sudah tentulah Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan kita dan kita harus menguasainya. Namun, Malaysia ialah sebuah negara perdagangan.

Bahasa Inggeris adalah bahasa perantaraan utama, justeru kelemahan dari segi ketidakfasihan berbahasa Inggeris mungkin menjadi halangan utama dalam usaha kita untuk memastikan Malaysia terus makmur.

Malahan, lebih banyak bahasa yang kita kuasai, lebih banyak peluang yang boleh kita terokai dalam dunia globalisasi ini.

Malaysiaku yang tercinta.

Tahap kebimbangan masyarakat Malaysia terhadap gejala rasuah makin meruncing, di mana ianya dikatakan telahpun menjadi endemik di negara ini.

Tidak perlulah saya ulas secara terperinci. Anda semua sedia maklum akan berita dan skandal yang meliputi isu rasuah. Jika kita terus membutakan mata dan menulikan telinga tanpa mengambil serius usaha membasmi rasuah hingga ke akar umbi, negara kita pasti akan musnah.

Sebagaimana kanser menyerang badan dari dalam, rasuah adalah penyakit yang boleh memusnahkan negara dan masyarakat dari dalam. Keputusan membiarkan rasuah bermaharajalela bagaikan perbuatan menyuntik racun ke dalam badan sendiri.

Kegiatan rasuah adalah jalan dua hala yang melibatkan pihak pemberi dan juga penerima. Usaha memerangi rasuah memerlukan bukan sahaja undang-undang yang kukuh yang dilaksanakan tanpa rasa takut atau pilih kasih, bahkan juga perubahan dari segi pemikiran dan budaya dalam kalangan kita semua.

Keputusan baru-baru ini, oleh mahkamah mengenai kes rasuah telah memberikan segunung harapan kepada rakyat Malaysia.

Pemerkasaan integriti institusi badan kehakiman merupakan satu perkembangan yang memberangsangkan dalam usaha bersama memerangi rasuah.

Kita juga harus sentiasa beringat bahawa sesambil kita menangani isu politik dan sosioekonomi ini, kita juga mesti melakukan sesuatu untuk menangani isu perubahan iklim yang mengancam kelangsungan hidup manusia.

Pelaksanaan agenda pembangunan mampan bukan lagi satu pilihan, tetapi satu keperluan yang mendesak.

Arah pandu sudahpun tersedia. 17 Matlamat Pembangunan Mampan atau SDG, yang dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 2015 membentangkan pelan perlaksanaan yang holistik dan komprehensif.

Tetapi usaha merealisasikan 17 SDG bukanlah tanggungjawab kerajaan sematamata. Ia memerlukan komitmen daripada setiap lapisan masyarakat - sektor swasta, ahli akademik, masyarakat sivil dan setiap individu.

***Kita teguh bersama.***

*Tan Sri Dr Jeffrey Cheah*
*Warganegara Malaysia yang prihatin*

# Gelaran ditarik balik berkuat kuasa semalam

Dari Muka 1

"Maka dengan ini, atas sabitan dan hukuman yang dijatuhkan, keahlian beliau sebagai penyandang Darjah Kebesaran SPMS yang membawa gelaran Datuk Seri dan DPMS Kelas Kedua yang membawa gelaran Datuk adalah ditarik balik dan dibatalkan berkuat kuasa hari ini," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Haris memaklumkan, Darjah Seri Paduka Mahkota Selangor SPMS Kelas Pertama yang membawa gelaran Datin Paduka Seri yang dikurniakan pada Rosmah pada 2005 turut ditarik balik.

Katanya, Rosmah didakwa di mahkamah atas tiga pertuduhan yang melibatkan kesalahan meminta dan menerima rasuah.

"Pada 1 September lalu, Mahkamah Tinggi telah mensabitkan dan menjatuhkan hukuman terhadap beliau atas semua pertuduhan yang dihadapkan kepadanya.

"Maka dengan ini, atas sabitan dan hukuman yang sudah dijatuhkan terhadapnya, keahliannya ditarik balik dan dibatalkan berkuat kuasa pada 12 September," katanya.

Pada 2018, pasangan terbabit telah dilucutkan gelaran masing-masing di Negeri Sembilan. Bagaimanapun, kedua-duanya masih mempunyai banyak gelaran Datuk Seri daripada negeri lain.

Najib mempunyai sembilan darjah kebesaran dari Pahang, Perak, Melaka, Kedah, Pulau Pinang, Perlis, Sabah dan Sarawak. Rosmah pula mempunyai gelaran dari Pahang, Melaka, Kedah, Sabah dan Sarawak, yang membawa gelaran Datuk Seri atau yang setaraf dengannya.

Sementara itu, dalam kenyataan sama, Haris memaklumkan darjah kebesaran yang dikurniakan pada Mohd Arif Abd Rahman turut ditarik balik.

Katanya, Mohd Arif dikurniakan Darjah Kebesaran Datuk Sultan Sharafuddin Idris Shah (DSIS) yang membawa gelaran Datuk pada 2005; Darjah Kebesaran Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (SIS) Kelas Ketiga pada 2003 dan Darjah Kebesaran Ahli Mahkota Selangor (AMS) Kelas Keempat pada 2001.

"Beliau disabitkan dan dijatuhi hukuman di Mahkamah Sesyen atas pertuduhan rasuah dan pada 23 Januari 2021, Mahkamah Tinggi sudah mengekalkan sabitan dan hukuman terhadapnya yang telah diputuskan oleh Mahkamah Sesyen sebelum ini.

"Maka dengan ini, atas sabitan dan hukuman yang telah dijatuhkan terhadap beliau, keahliannya ditarik balik dan dibatalkan berkuat kuasa pada 12 September," katanya.

Beliau berkata, penarikan balik dan pembatalan keahlian ketiga-tiga individu berkenaan selaras dengan kuasa prerogatif baginda di bawah Perkara XXXVIII dan Perkara XXXIX Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959 serta Statut Darjah Kebesaran yang berkaitan dan konvensi yang diamalkan di Selangor.

## Ibadat & Fadilat

Rasulullah SAW bersabda: "Tidaklah tumbuh daging dari makanan haram, kecuali neraka lebih utama untuknya." (HR Tirmidzi)

| KAWASAN | SUBUH | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|
| Kangar | 6:01 | 1:17 | 4:22 | 7:21 | 8:30 |
| Alor Setar | 6:01 | 1:17 | 4:21 | 7:21 | 8:30 |
| P. Pinang | 6:02 | 1:19 | 4:18 | 7:22 | 8:32 |
| Ipoh | 6:00 | 1:15 | 4:16 | 7:18 | 8:27 |
| Kuala Lumpur | 5:58 | 1:12 | 4:13 | 7:15 | 8:24 |
| Shah Alam | 5:58 | 1:12 | 4:13 | 7:15 | 8:24 |
| Johor Bahru | 5:50 | 1:04 | 4:07 | 7:06 | 8:15 |
| Kuantan | 5:52 | 1:07 | 4:07 | 7:09 | 8:18 |
| Seremban | 5:57 | 1:11 | 4:11 | 7:14 | 8:23 |
| Bandar Melaka | 5:56 | 1:10 | 4:11 | 7:13 | 8:21 |
| Kota Bharu | 5:54 | 1:10 | 4:13 | 7:14 | 8:19 |
| K. Terengganu | 5:51 | 1:06 | 4:08 | 7:09 | 8:19 |
| Kota Kinabalu | 5:00 | 12:15 | 3:18 | 6:19 | 7:28 |
| Kuching | 5:25 | 12:39 | 3:41 | 6:41 | 7:50 |

# Laksana proses pengampunan ikut lunas Perlembagaan

### Sultan Selangor seru rakyat pelihara nama baik, kebebasan badan kehakiman

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah proses pengampunan perlu dilaksanakan mengikut lunas undang-undang dan prosedur yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan serta undang-undang berkaitan.

Sultan Selangor menerusi kenyataan yang ditandatangani baginda menyeru rakyat agar sentiasa menghormati kedaulatan undang-undang dan kebebasan badan kehakiman (*Judiciary*) yang menjadi teras dan paksi kepada kedaulatan sistem Demokrasi Raja Berperlembagaan yang diamalkan di negara ini.

Sultan Sharafuddin turut menzahirkan sokongan terhadap titah ucapan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, baru-baru ini, berkaitan kuasa prerogatif pengampunan yang tidak boleh dilaksanakan sewenang-wenangnya demi kepentingan pihak tertentu.

Titah baginda, Perlembagaan Persekutuan meletakkan martabat institusi kehakiman pada satu tahap yang tinggi sebagai sebuah badan kehakiman yang bebas serta berwibawa dan ia benteng terakhir yang perlu dipertahankan bagi memastikan pentadbiran keadilan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

"Rakyat perlu mengambil maklum bahawa Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas mendapat nasihat daripada Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja seperti mana peruntukan Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan.

"Malah, Perdana Menteri sebelum memberikan nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong berkaitan dengan lantikan seseorang hakim hendaklah terlebih dahulu berunding dengan Ketua Hakim Negara dan perlu mendapat pengesyoran daripada Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman.

"Proses lantikan seseorang hakim perlu melalui proses yang teliti. Ini menunjukkan badan kehakiman berbeza dengan institusi kerajaan yang lain dan menggambarkan betapa pentingnya peranan badan kehakiman dalam sistem pentadbiran negara," titah baginda.

**Amal kesamarataan**

Sultan Sharafuddin bertitah, kebebasan kehakiman membawa pengertian bahawa hakim yang mengadili sesuatu kes dapat mentafsirkan undang-undang bersandarkan semata-mata kepada fakta dan keterangan tanpa rasa takut, pilih kasih dan bebas daripada sebarang pengaruh yang tidak diingini.

Seorang hakim sudah mengangkat sumpah untuk mengamalkan kesamarataan, memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan serta bebas daripada segala bentuk tekanan dalaman dan luaran.

"Perlembagaan Persekutuan dengan jelas memperuntukkan bahawa semua rakyat adalah sama rata di sisi undang-undang.

"Ini bermakna bahawa rakyat tidak mengira status, jawatan, bangsa dan keturunan tertakluk dan bertanggungjawab kepada undang-undang yang sama.

"Setiap rakyat di negara ini berkehendakkan keadilan, kesaksamaan serta ketelusan daripada badan kehakiman atas sesuatu kes yang diadili.

"Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk sentiasa memelihara nama baik badan kehakiman agar ia tidak tercemar daripada sebarang bentuk pengaruh dan tekanan," titah baginda.

Dalam titah kenyataan itu, baginda turut mengingatkan pihak Eksekutif agar sentiasa mendukung penuh prinsip kebebasan kehakiman dan mengelak daripada sebarang cubaan untuk mempengaruhi proses pentadbiran keadilan badan kehakiman.

Titah baginda, kebebasan badan kehakiman memerlukan sokongan, dukungan, kefahaman dan iltizam daripada semua pihak terutama Eksekutif.

"Sehubungan itu, beta menyeru semua pihak berganding bahu dengan mengambil langkah ke arah mempertahankan dan menjamin kebebasan badan kehakiman demi kesejahteraan dan kemakmuran negara.

"Rakyat perlu memberi sepenuh kepercayaan kepada sistem kehakiman negara tanpa perlu melemparkan tohmahan yang tidak berasas tanpa mengetahui fakta dan alasan-alasan penghakiman terhadap sesuatu kes," katanya.








Ismail Sabri bersama Dr Adham (dua dari kanan) dan Mohd Shafik (dua dari kiri) ketika melancarkan DBN 2.0 di WTCKL, semalam. (Foto BERNAMA)

# Gabungan Pusat Penyelidikan Bioteknologi laksana DBN 2.0

### Tiga tunjang utama ditetapkan dalam usaha perkasa sektor

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Gabungan Pusat Penyelidikan Bioteknologi Malaysia ditubuhkan bagi merealisasikan Dasar Bioteknologi Negara 2.0 (DBN 2.0).

Mengumumkan perkara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata gabungan itu membabitkan semua institusi dan institut penyelidikan berasaskan bioteknologi yang mengendalikan dan mengemudi penyelidikan berdasarkan permintaan industri serta kepentingan strategik negara.

"Justeru, satu badan penasihat pakar bioteknologi akan diwujudkan menerusi gabungan ini.

"Badan penasihat ini bagi menggerakkan agenda negara dengan lebih berfokus dan berasaskan kekuatan negara, seperti mendalami kekayaan biodiversiti negara yang boleh memperkasa tiga sektor bioteknologi seperti termaktub dalam DBN 2.0," katanya ketika melancarkan DBN 2.0 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Mohd Shafik Abdullah.

Ismail Sabri berkata, tiga tunjang utama ditetapkan bagi memperkasakan sektor bioteknologi melalui pelaksanaan DBN 2.0.

Katanya, tiga tunjang utama itu adalah bioteknologi pertanian dan jaminan makanan; penjagaan kesihatan dan kesejahteraan serta bioteknologi perindustrian dan ekonomi kitaran.

"DBN 2.0 akan menambah baik strategi dalam Dasar Bioteknologi Negara yang terdahulu selaras dengan perkembangan aliran pada peringkat global.

"DBN 2.0 juga akan memastikan bidang bioteknologi berkembang pesat dan maju selaras aspirasi menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi menjelang 2030.

"Dasar ini juga akan memperkukuhkan ekosistem bioteknologi sedia ada serta menjadi katalis dalam menyelesaikan cabaran negara berkaitan sekuriti makanan, pengurusan pandemik dan krisis perubahan iklim menerusi kaedah penyelesaian bioteknologi tempatan," katanya.

Ismail Sabri berkata, kerajaan akan meningkatkan penggunaan sumber asli tempatan secara mampan untuk input pertanian, ternakan dan hasil marin, serta akuakultur bernilai tinggi.

Katanya, ekosistem makanan masa depan dan produk bernilai tinggi dengan menggunakan teknologi baharu dan terkini akan dibangunkan seperti superfood dan penghasilan makanan baharu yang lebih lestari.

"Bioteknologi turut memainkan peranan penting bagi sekuriti kesihatan negara untuk mengatasi penyakit berjangkit dan penyakit tidak berjangkit," katanya.

**Transformasikan Malaysia**

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, DBN 2.0 bakal memacu momentum yang telah digariskan di bawah Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030 untuk mentransformasikan Malaysia daripada negara pengguna teknologi kepada negara pembangun teknologi.

"Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan terus menjalin kerjasama erat semua pihak berkepentingan termasuk kementerian dan agensi kerajaan serta pihak industri berasaskan bio dan masyarakat bagi menjayakan sasaran utama DBN 2.0," katanya.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, kerajaan memperuntukkan RM5 juta bagi menggalakkan perkembangan syarikat tempatan dalam industri bioteknologi menerusi program Bio-based Accelerator (BBA).

Beliau berkata, kelulusan itu selaras dengan perbincangan antara Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Kewangan yang mengadakan sesi konsultasi berhubung perkara itu.

Katanya, BBA yang dilaksanakan oleh Bioeconomy Corporation amat signifikan memandangkan MOSTI mempunyai ekosistem yang kondusif bagi menyokong pembangunan industri bioteknologi negara untuk kesejahteraan Keluarga Malaysia.

"Satu lagi permintaan MOSTI akan ditunaikan dan kerajaan meluluskan peruntukan RM2 juta bagi membolehkan Pameran BioMalaysia dianjurkan pada 2023.

"Adalah diharapkan dengan peruntukan ini, pameran itu dapat jayanya dan menarik lebih ramai pemain industri serta pelabur asing dan tempatan," katanya.

**DASAR BIOTEKNOLOGI NEGARA 2.0**

- Menggerakkan bioteknologi bagi menyasarkan Malaysia ke arah negara berteknologi tinggi.
- Memperkukuh lagi ekosistem bioteknologi sedia ada serta menjadi katalis dalam menyelesaikan cabaran negara berkaitan keselamatan makanan, pengurusan pandemik dan krisis iklim menerusi kaedah solusi bioteknologi tempatan.
- Bioteknologi akan mentransformasi Malaysia kepada sebuah negara bioinovasi berteknologi tinggi yang progresif, makmur, inklusif dan mampan pada 2030.
- Diformulasi berdasarkan konteks aspirasi pembangunan negara sedia ada, iaitu pertumbuhan inklusif dan pembangunan mampan sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan Wawawasan Kemakmuran Bersama 2030.
- Membuka jalan untuk penciptaan, pengaplikasian dan penggunaan biosains molekur serta penumpuan kepada teknologi asal dan tempatan, supaya Malaysia dapat beralih dari status negara pengguna teknologi kepada status negara pencipta dan pengeksport teknologi.
- Memacu negara ke arah bioinovasi bagi menjana kekayaan, kesejahteraan sosial dan pembangunan mampan.

# Kerajaan kaji moratorium khas bantu PMKS

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kerajaan akan mempertimbangkan mengenai pemberian moratorium khas untuk sektor Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS).

Katanya, untuk itu, sesi perbincangan akan diadakan dengan pelbagai kementerian termasuk Kementerian Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi serta Kementerian Kewangan.

"Kita akan bincang ...saya tidak boleh cakap sekarang, kita kena berbincang dengan Kementerian Keusahawanan dan Koperasi serta Kementerian Kewangan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas majlis pelancaran Dasar Bioteknologi Negara 2.0 (DBN 2.0) di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), semalam.

Ismail Sabri mengulas kenyataan Pengerusi Majlis Pemulihan Negara, Tan Sri Muhyiddin Yasin, yang mencadangkan perkara itu memandangkan sektor itu masih belum pulih sepenuhnya dan ditambah dengan peningkatan Kadar Dasar Semalaman (OPR).

Muhyiddin dilaporkan berkata, sektor PMKS kini menanggung beban hutang yang lebih tinggi dan mengambil masa yang lebih lama untuk pulih.

"Sektor PMKS penting kerana ia mewakili hampir 96 peratus kegiatan ekonomi negara.

"Ramai rakyat yang bergantung kepada sektor ini untuk bekerja dan mencari sumber pendapatan. Hampir 50 peratus tenaga kerja di Malaysia bekerja dalam sektor ini," katanya.



Radzi melawat pameran selepas Majlis Transformasi Pendidikan: Infrastruktur Pendidikan yang Selamat dan Kondusif di Sekolah Alam Shah, semalam. (Foto BERNAMA)

# 30 peratus pemilikan tanah di lebih 2,000 tapak sekolah selesai

## KPM bekerjasama dengan kerajaan negeri tangani isu status, hak milik

**Oleh Rafidah Mat Ruzki**
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Hampir 30 peratus pemilikan tanah daripada lebih 2,000 tapak sekolah bermasalah di seluruh negara, sudah diselesaikan.

Ia dilakukan Kementerian Pendidikan (KPM) melalui proses pemutihan ke atas pemilikan tanah yang digunakan untuk pembinaan sekolah di seluruh negara.

Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin, berkata semakan mendapati ada bayaran premium bagi sesetengah tanah berkenaan sudah diselesaikan sejak 1980-an, namun kerajaan belum menerima geran daripada pemilik asal, menyebabkan pemilikan tidak ditukar.

"KPM sudah selesaikan hampir 30 peratus. Bila saya masuk ke KPM, kita cuba memahami masalah asal mengapa projek (pembangunan) sangkut dan kita dapati antara komponen yang ada adalah isu membabitkan pemilikan tanah belum selesai.

"Kami putuskan untuk melakukan pemutihan tanah ini dan ia dilaksanakan di seluruh negara, membabitkan lebih 10,000 sekolah.

"Daripada jumlah itu, lebih 2,000 sekolah berdepan masalah status tanah," katanya pada sidang media selepas Majlis Transformasi Pendidikan: Infrastruktur Pendidikan yang Selamat dan Kondusif, di Sekolah Alam Shah, di sini, semalam.

Beliau berkata, ada isu membabitkan tanah diwakafkan pemilik sudah lama meninggal dunia tanpa pemindahan hak milik tanah teratur, menyebabkan timbul masalah.

### Elak perkara berbangkit

Justeru, Radzi berkata, KPM bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi menyelesaikan semua masalah berkaitan pemilikan tanah, terutama yang sudah selesai pembayaran sewajarnya.

"Ia bagi memastikan semua perkara berbangkit tidak wujud pada masa depan dan pembinaan sekolah serta bangunan baharu dapat dilaksanakan dengan teratur.

"Kita mahu menyusun sistem ini bagi memudahkan perancangan masa depan," katanya.

Radzi menjelaskan, pihaknya kini menerapkan konsep pembangunan kondusif terhadap pembinaan bangunan sekolah baharu atau tambahan bagi mengoptimumkan peruntukan yang digunakan.

Beliau berkata, ia bakal membabitkan reka bentuk yang lebih praktikal dengan mengambil kira semua maklum balas yang diterima dari lapangan, termasuk isu reka bentuk tandas yang sering dibangkitkan ibu bapa dan murid kerana kemudahan sedia ada yang tidak selesa.

Katanya, tandas sekolah sedia ada ketika ini berkonsepkan tandas basah dan tidak mempunyai pengudaraan yang baik, menyebabkan ada pelajar yang mengelak makan di sekolah supaya tidak perlu ke tandas sepanjang sesi persekolahan.

Sementara itu, Radzi berkata, pihaknya sedang memperincikan garis panduan mengenai program motivasi yang dijalankan di sekolah kerana melihat ketirisan yang ada dalam sistem sedia ada dan memperincikan apa pendekatan yang boleh diambil untuk memanggil penceramah motivasi dari luar.

Katanya, ketika ini ada lebih 10,000 sekolah bawah KPM yang menggunakan pelbagai pendekatan untuk program motivasi murid masing-masing.

Pada masa sama, katanya, KPM tidak terlepas daripada kritikan sesetengah pihak yang mengatakan ia tidak bersedia memberikan kuasa autonomi kepada sekolah untuk membuat keputusan.

"Kami menyedari perkara ini dan sedang memperincikan garis panduan berkaitan pemilihan mereka (pakar motivasi)," katanya.

# JPA selaras Elaun Sara Hidup pelajar

**Putrajaya:** Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan menyelaraskan kadar Elaun Sara Hidup (ESH) pelajar berikutan peningkatan kos sara hidup, terutama di luar negara.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah, berkata JPA sentiasa berbincang mengenai perkara itu dengan Kementerian Kewangan (MoF) dalam mencari penyelesaian untuk manfaat pelajar.

"JPA sentiasa mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan untuk meneliti kadar yang bersesuaian untuk pelajar tajaan JPA di luar negara, khususnya di United Kingdom (UK) yang mengalami peningkatan kos sara hidup berikutan Brexit.

"Perubahan kos sara hidup juga dipengaruhi tekanan inflasi dan kenaikan harga minyak mentah," katanya kepada *BH*.

### Kurangkan beban pelajar

Sabtu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mengumumkan kerajaan bersetuju menaikkan kadar ESH pelajar dalam dan luar negara tajaan MARA dalam usaha mengurangkan beban kos sara hidup.

Beliau dilaporkan berkata, kadar ESH sedia ada dan baharu bagi yang mengikuti pengajian akan diselaraskan bersesuaian dengan peningkatan kos dan inflasi serta keperluan pelajar.

Mohd Shafiq berkata, penyelarasan ESH bagi pelajar tajaan JPA akan dilakukan selepas mendapat kelulusan MoF.

Mengulas pengumuman Perdana Menteri Sabtu lalu, beliau berkata, ia dibuat berdasarkan kajian kos sara hidup yang meningkat di dalam dan luar negara.

"Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Perdana Menteri atas keprihatinan terhadap isu kos sara hidup pelajar tajaan MARA dan JPA.

"Ketika ini ESH bagi pelajar tajaan JPA di UK yang sangat memerlukan peningkatan ESH bersesuaian dengan keadaan semasa berikutan situasi di negara itu.

"JPA juga menaja pelajar pada peringkat ijazah pertama sahaja, berbanding MARA yang turut menaja sehingga ke peringkat doktor falsafah," katanya.

# Pelajar tajaan MARA sambut baik kenaikan

**Putrajaya:** Pengumuman kenaikan Elaun Sara Hidup (ESH) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum ini dapat meringankan beban yang terpaksa dihadapi pelajar di luar negara.

Ia terutama di negara yang mempunyai tukaran mata wang tinggi berbanding Malaysia seperti di United Kingdom (UK).

Pelajar peringkat doktor falsafah di University of Exeter, UK, Syahmi Amri, 39, berkata pengumuman itu sangat ditunggu-tunggu oleh pelajar tajaan MARA di negara berkenaan.

Beliau berkata, perkara itu sudah disampaikan dalam beberapa pertemuan bersama MARA di Kuala Lumpur dan London.

"Pengumuman ini sangat dinantikan lebih-lebih lagi musim sejuk akan bermula di UK dalam tempoh kurang sebulan, yang pastinya meningkatkan penggunaan kos utiliti harian seperti gas dan elektrik.

"Pengumuman ini sememangnya akan membantu meringankan beban dalam membiayai penginapan, utiliti dan keperluan harian kami serta membolehkan kami lebih fokus dalam pembelajaran," katanya kepada *BH*.

Kenaikan ESH untuk pelajar tajaan MARA itu juga memberi khabar gembira kepada pelajarnya yang melanjutkan pelajaran dalam negara.

Pelajar perubatan tajaan MARA di Universiti Kuala Lumpur Royal College of Medicine Perak (UniKL RCMP), Nur Fitriah Kamelia Mohd Sharif Hajasri, 21, berkata ekonomi semasa susulan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini turut menjejaskan pelajar di tanah air.

### Kos program tinggi

Beliau berkata, seperti pelajar lain di luar negara, mereka juga mengalami situasi sama, terutama bagi pelajar perubatan kerana kos program perubatan di Malaysia sangat tinggi.

Katanya, mereka mesti membeli pelbagai buku perubatan yang harganya mencecah ratusan ringgit senaskhah.

"Walaupun ebook boleh digunakan, penggunaan buku fizikal masih menjadi keutamaan. Selain itu, pelajar perubatan juga perlu membeli pelbagai peralatan sendiri seperti stetoskop, scrub dan kit jahitan yang membabitkan belanja agak banyak.

"Saya percaya pelajar program lain turut terjejas dengan situasi ekonomi sekarang, ditambah pula dengan keperluan untuk membeli barang pembelajaran dan perbelanjaan harian satu beban kepada pelajar dan ibu bapa," katanya.



# Khairy berseloroh mahu tanding kerusi di Kedah

**Langkawi:** "Hari ini (semalam) saya berada di sini untuk berbincang dan berunding (bertanding kerusi Parlimen) dengan Menteri Besar Kedah," kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata demikian secara berseloroh selepas diminta mengulas sama ada ada mana-mana negeri telah menawarkan beliau bertanding Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Katanya, tidak mustahil perkara itu berlaku kerana ibunya berasal dari Kedah.

"Mak saya dari Kedah," katanya pada sidang media selepas Majlis Pecah Tanah Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Sultanah Maliha di sini, semalam.

Majlis perasmian itu disempurnakan Sultan Kedah, Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah dan Sultanah Kedah, Sultanah Maliha Tengku Ariff.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor yang berada di sisinya pada sidang media itu turut mencelah dengan berkata, "dialu-alukan... tadi dengar (Khairy) sebut Aloq Setaq, Aloq Setaq, cakap Kedah elok dah."

Khairy kemudian dilihat tidak mahu memanjangkan isu itu dan menamatkan sidang media dengan berkata "Tak apalah."

Baru-baru ini, Khairy mengesahkan tidak akan mempertahankan kerusi Parlimen Rembau sebagai memberi laluan kepada Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan.

### Naik taraf HSM

Sementara itu, Khairy juga berkata HSM akan dinaik taraf sebagai hospital pakar utama dalam tempoh tiga tahun lagi, bagi memberi perkhidmatan lebih baik kepada pesakit.

Katanya, hospital itu memenuhi kriteria dan syarat diperlukan selepas bangunan tambahan bernilai RM515 juta siap sepenuhnya kelak.



Sultan Sallehuddin diiringi Sultanah Maliha berkenan merasmikan Pecah Tanah Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Sultanah Maliha di Langkawi, semalam. Turut hadir, Khairy; Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Muhammad Sanusi. (Foto BERNAMA)

Beliau berkata, kos pembinaan bangunan itu membabitkan RM425 juta, manakala pembelian peralatan lebih RM75 juta dibuat bawah Rolling Plan Ketiga (RP3) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

"HSM juga akan menjadi hospital awam pertama di negara ini memiliki wad kelas ketiga yang dilengkapi pendingin hawa untuk keselesaan pesakit, keluarga yang menemani dan warga kerja hospital.

"Saya juga akan mohon semua hospital baharu selepas ini, mempunyai wad kelas ketiga dilengkapi kemudahan sama," katanya.

Mengulas lanjut, Khairy berkata, pembinaan bangunan baharu menggunakan kaedah Sistem Binaan Berindustri (IBS) itu bakal memuatkan 220 katil, sekali gus menjadikan keseluruhan katil hospital itu meningkat kepada 330.

"Untuk fasa seterusnya, permohonan akan diajukan kepada Kementerian Kewangan bagi mewujudkan Jabatan Forensik, (ketika ini) bila ada kematian di luar hospital, bedah siasat (mayat) terpaksa dihantar ke Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) Alor Setar.

"Saya juga meluluskan peruntukan mewujudkan ambulans laut dalam tempoh terdekat untuk kemudahan penduduk Pulau Tuba membawa pesakit ke hospital," katanya.

Beliau berkata, bagi kes kecemasan pula, Jabatan Bomba dan Penyelamat akan menyediakan perkhidmatan penerbangan 'Medical Evacuation' ke tanah besar bagi pesakit di HSM.

# Kerajaan disaran terus beri subsidi, ubah dasar import

## Langkah elak lonjakan harga barang berulang, kurangkan risiko kenaikan inflasi

**Oleh Alzahrin Alias**
zahrin@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan perlu meneruskan subsidi dan mengubah dasar produk import negara bagi mengelak lonjakan harga barang berulang, sekali gus meningkatkan inflasi.

Ringgit ketika ini menyusut berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) dan ditambah dengan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) oleh Bank Negara Malaysia (BNM), baru-baru ini.

Penganalisis ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata penyusutan ringgit tidak dapat dinafikan berkaitan dengan kenaikan OPR.

Katanya, kenaikan OPR terpaksa dilaksanakan oleh BNM berikutan perubahan pasaran kewangan global kesan dari Bank Pusat AS menaikkan kadar faedah bagi menangani kadar inflasi yang tinggi di negara itu.

"Dua keadaan ini menaikkan harga barang import Malaysia. Kenaikan harga barang import terutama makanan menjadi masalah utama kepada kita kerana dahulunya berjumlah RM55 bilion setahun, sebelum naik sehingga RM63 bilion tahun lalu.



Aimi Zulhazmi

"Kini ia dijangka terus naik selari kemerosotan ringgit yang mencecah RM4.50 berbanding dolar AS," katanya.

Aimi berkata, kadar inflasi negara juga mencapai 4.4 peratus pada Julai, kadar tertinggi tahun ini.

Katanya, kadar itu dijangka meningkat mencapai 11 peratus jika kerajaan tidak memberikan subsidi.

Bagi menangani isu itu, katanya, kerajaan perlu mengubah import barangan dalam nilai dolar AS kepada yang lebih stabil seperti Yen atau Yuan.

"Kita boleh membuat perjanjian perdagangan dengan negara lain, terutama barang import dgn mata wang lain dari dolar AS atau sistem *barter trade*.

"Kerajaan juga perlu menggalakkan pertanian domestik untuk bekalan makanan negara distabilkan. Beri galakan insentif seperti pengecualian cukai untuk pelaburan individu dan perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada individu dan syarikat.

"Syarikat GLC yang mengeksport pula perlu menukar penerimaan wang mereka serta merta dalam ringgit untuk menguatkan mata wang kita," katanya.

### Amal perbelanjaan berhemat

Sementara itu, Penganalisis Ekonomi Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff melihat kenaikan OPR secara teorinya akan menurunkan kadar inflasi.

Beliau berkata, kemerosotan ringgit akan menyebabkan harga barang import menjadi lebih mahal, sekali gus boleh menyebabkan kenaikan harga barang import yang dijual di pasaran tempatan dan juga barang tempatan yang menggunakan barang import sebagai satu komponen barang itu.

"Tindakan pantas yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengawal kenaikan inflasi ialah meneruskan subsidi sedia ada, di samping mengurangkan kebergantungan kepada barang import dengan memperkasa pengeluaran domestik.

Bagi orang ramai pula, sentiasa mengamalkan perbelanjaan berhemat dan mengikut kemampuan masing-masing," katanya.

# Tangani isu kenaikan harga barang

**Putrajaya:** Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi akan melihat semula aspek kaedah rantaian bekalan makanan dan pengedaran serta mencari sumber alternatif barangan makanan import bagi mengurangkan kenaikan harga dan kos dalam usaha menangani inflasi.

Pengerusi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa, berkata ia antara syor yang dikemukakan syarikat penyelidikan IPSOS Sdn Bhd dalam pembentangannya kepada jawatankuasa itu semalam, untuk dipertimbangkan.

Beliau berkata, IPSOS dalam pembentangannya mengenai inflasi dan kesan terhadap dunia termasuk Malaysia, mengemukakan beberapa cadangan dalam bidang sekuriti makanan serta corak perbelanjaan yang menyumbang terus kepada pemulihan ekonomi negara.

"Contohnya ayam dari sumber tertentu harus mula melihat kepada negara lain untuk mengurangkan kos," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi di sini, semalam.

BERNAMA

# MOTAC beri notis 197 syarikat tak berlesen tawar pakej umrah

## Tindakan undang-undang bakal menyusul jika tak daftar ikut tempoh ditetapkan

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sudah mengeluarkan notis kepada 197 syarikat tidak berlesen yang menawarkan pakej pelancongan termasuk umrah.

Semua syarikat itu juga berdepan tindakan undang-undang jika gagal mendaftar dengan MOTAC dalam tempoh ditetapkan.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata adalah menjadi kesalahan bagi syarikat menawarkan pakej pelancongan namun tidak berdaftar dengan MOTAC.

Katanya, tindakan ke atas semua syarikat berkenaan boleh diambil mengikut Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482), yang memperuntukkan hukuman maksimum denda sebanyak RM500,000 atau 10 tahun penjara atau kedua-duanya.

"Apabila sesebuah syarikat menjalankan aktiviti pelancongan, namun tidak berdaftar dengan MOTAC, perkara itu akan dimaklumkan kepada orang ramai.



Nancy pada majlis program Malaysia Tourism Quality Assurance (MyTQA) versi baharu di Kompleks Kraftangan, Kuala Lumpur, semalam. (Foto ihsan MOTAC)

"Tindakan itu bertujuan memberi maklum kepada orang ramai supaya berhati-hati kerana ada syarikat yang sudah berdaftar dan lebih telus," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas majlis pelancaran program Malaysia Tourism Quality Assurance (MyTQA) versi baharu di Kompleks Kraftangan di sini, semalam.

Nancy mengulas laporan muka hadapan *BH* semalam, mengenai 197 syarikat tidak berlesen menawarkan pakej pelancongan termasuk umrah.

Syarikat terbabit berada dalam Senarai Amaran Entiti yang Melanggar Akta Industri Pelancongan 1992 dengan 20 daripadanya dikemas kini pada 10 Ogos lalu.

### Daftar mudahkan operasi

Nancy menegaskan, semua syarikat berkenaan perlu berdaftar dengan MOTAC untuk memudahkan mereka beroperasi.

"Jika itu tidak dilakukan, MOTAC akan memaklumkan kedudukan itu kepada umum supaya tidak menempah pakej melalui syarikat berkenaan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Nancy berkata, pihaknya meletak sasaran ketibaan 9.2 juta pelancong antarabangsa dengan perolehan pendapatan berjumlah RM26.8 bilion hingga hujung tahun ini.

Bagi tempoh Januari hingga Julai lalu, katanya, negara mencapai sasaran nilai pendapatan pelancongan RM9.35 bilion, dengan ketibaan 3.21 juta pelancong.

"Sektor pelancongan negara dijangka pulih sepenuhnya menjelang tahun depan. Pelbagai program, aktiviti dan acara dirancang MOTAC bagi merancakkan semula industri pelancongan, seni dan budaya negara.

"Selain itu, MOTAC secara berterusan mempromosi semula destinasi pelancongan domestik bagi mengembalikan keyakinan rakyat terhadap tahap keselamatan, sekali gus memastikan sektor ini mampu menjana semula pendapatan kepada ekonomi negara," katanya.

MyTQA yang diperkenalkan pada 2014 adalah inisiatif MOTAC meningkatkan perkhidmatan dan kualiti kemudahan produk pelancongan negara.

Setakat ini, sebanyak 61 produk pelancongan seluruh negara sudah menerima pengiktirafan MyTQA.

Nancy berkata, MOTAC dengan kerjasama anak syarikat Universiti Teknologi Malaysia (UTM), iaitu Uni-Technologies Sdn Bhd (UTSB), melakukan penambahbaikan terhadap modul dan kriteria MyTQA.

Katanya, program MyTQA versi baharu membabitkan penstrukturan semula kategori permohonan, pengenalan kriteria baharu lebih sesuai, semakan semula terhadap keseluruhan soalan panel penilai dan pengkelasan markah melalui penarafan platinum, emas dan perak, yang menari minat lebih ramai pemilik produk pelancongan untuk memohon.

"MyTQA versi baharu diguna pakai tahun ini dan sehingga kini 28 permohonan diterima.

"MOTAC menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 20 produk akan mendapat pengiktirafan MyTQA versi baharu," katanya.

# Syarikat abai etika, peraturan pengiklanan

**Kuala Lumpur:** Syarikat pelancongan tidak berlesen dikesan mengabaikan etika dan peraturan pengiklanan digariskan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

Ketua Pegawai Operasi (CEO) TH Travel, Datuk Ahmad Ruzman Ahmad Razali, berkata ini berbeza dengan syarikat berlesen yang sentiasa mematuhi peraturan berikutan bimbang risiko lesen operasi ditarik balik.

"Sebagai contoh, MOTAC mengeluarkan harga lantai pakej umrah, namun masih ada pengguna tergoda dengan tawaran pakej berharga RM1,500 sedangkan harga itu tidak memadai membiayai harga tiket penerbangan sekitar RM3,800.

"Gimik pemasaran agresif turut menjadi antara strategi syarikat pelancongan tidak berlesen bagi menarik minat pengguna mengguna pakai perkhidmatan agensi mereka," katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan muka hadapan BH semalam, berhubung 197 syarikat tidak berlesen didakwa menawarkan pakej umrah.

Syarikat terbabit tersenarai di bawah Senarai Amaran Entiti yang Melanggar Akta Industri Pelancongan 1992 dengan 20 daripadanya dikemas kini pada 10 Ogos lalu.

> Gimik pemasaran agresif turut menjadi antara strategi syarikat pelancongan tidak berlesen bagi menarik minat pengguna mengguna pakai perkhidmatan agensi mereka
>
> ***Ahmad Ruzman Ahmad Razali,*** *Ketua Pegawai Operasi (CEO) TH Travel*

Ahmad Ruzman berkata, kerajaan perlu merangka tindakan pencegahan secara berterusan untuk menyedarkan pengguna supaya menggunakan perkhidmatan syarikat dilesenkan khas di bawah MOTAC, iaitu Lesen Khas Umrah (LKU).

Katanya, MOTAC mewujudkan Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU) yang dianggotai beberapa kementerian, agensi dan persatuan.

Ia termasuk agensi Kementerian Dalam Negeri (KDN) merangkumi Imigresen dan Polis Diraja Malaysia, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHE), persatuan agensi pelancongan serta lain-lain untuk menangani semua isu berkait umrah.

"Bagi kes penipuan yang ada aduan rasmi seperti laporan polis, siasatan dibuat dan ada syarikat sudah dikenakan tindakan undang-undang," katanya.



# Gesa tubuh RCI siasat dakwaan skandal GLC

## TI-Malaysia mahu SPRM dedah hasil siasatan kaitkan penggunaan dana awam lebih RM29b

Oleh Safeek Affendy Razali
safeek@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Transparency International Malaysia (TI-Malaysia) menggesa kerajaan menubuhkan suruhanjaya siasatan diraja (RCI) bagi menyiasat isu dakwaan skandal berbilion ringgit membabitkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), Pembinaan PFI Sdn Bhd.

Presiden TI-Malaysia, Muhammad Mohan, berkata Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) juga perlu membersihkan nama GLC itu sekiranya siasatan mendapati tiada kesalahan dilakukan bagi menangkis dakwaan Pusat Memerangi Rasuah dan Kronisme (C4), yang mengaitkannya dengan penggunaan sumber awam sebanyak lebih RM29 bilion.

"Apabila inisiatif 'pembiayaan swasta' ini dijamin dan dibiayai agensi kerajaan dan pembiayaan disediakan oleh bank yang kebanyakannya dimiliki oleh Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), kita mesti akan tertanya, adakah projek berkenaan dipanggil sebagai projek 'swasta', hanya untuk mengelakkan akauntabiliti.

"Jika SPRM sudah menjalankan siasatan menyeluruh ke atas kes itu dan mendapati tiada kesalahan yang dilakukan, malah bercanggah dengan semua penemuan C4 (menggunakan sumber awam), maka SPRM harus membersihkan nama GLC berkenaan dengan penemuan mereka," katanya dalam kenyataan semalam.

Pembinaan PFI Sdn Bhd adalah GLC yang dilapor ditubuhkan bagi pelaksanaan inisiatif pembiayaan swasta (PFI).

> SPRM juga perlu membersihkan nama GLC itu sekiranya siasatan mendapati tiada kesalahan dilakukan bagi menangkis dakwaan C4
>
> ***Muhammad Mohan,*** *Presiden TI-Malaysia*



C4 baru-baru ini mendakwa Pembinaan PFI, syarikat yang tidak mempunyai kakitangan pengurusan dan hanya dikendalikan pengarahnya mendapat pinjaman berjumlah RM30 bilion daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP).

### Dana diperoleh dua peringkat

Dalam laporannya, C4 menyatakan, dana diraih Pembinaan PFI diperoleh dalam dua peringkat. Peringkat pertama, perjanjian pertama (PFI 1), pada 2007, bernilai RM20 bilion daripada KWSP, manakala peringkat kedua (PFI 2) pada 2012, berjumlah RM6.037 bilion daripada KWSP dan RM3.963 bilion daripada KWAP.

Cagaran bagi pinjaman itu adalah blok tanah kerajaan yang disewakan kepada Pembinaan PFI oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Tanpa pendapatan, Pembinaan PFI kemudian menyewakan semula bidang tanah sama kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dengan jumlah RM29 bilion untuk membayar balik pinjaman daripada KWSP.

SPRM mula menyiasat syarikat itu pada 2018, namun tiada perkembangan berhubung siasatan sejak itu.

Program JaminKerja-Insentif Penggajian

# 300,000 disasar dapat pekerjaan

**Nilai:** Kementerian Sumber Manusia (KSM) menyasarkan sekurang-kurangnya 300,000 rakyat negara ini mendapat pekerjaan menerusi program JaminKerja-Insentif Penggajian (JKIP), tahun ini.

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) KSM, A Maniam, berkata kerajaan memperuntukkan RM2 bilion bagi menjayakan JKIP tahun ini.

Katanya, JKIP memberi fokus utama kepada golongan sasar, termasuk penganggur rentan seperti orang kurang upaya (OKU) bekas banduan, warga emas dan wanita menganggur bagi tempoh berpanjangan.

"Statistik kementerian menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sehingga 2 September lalu, menunjukkan jumlah permohonan program JKIP diterima adalah 55,698 pekerja membabitkan 7,936 majikan.

"Sehingga tempoh sama, PERKESO menempatkan 131,754 pencari kerja menerusi JKIP dan program kebolehpasaran lain yang dijalankan," katanya dalam kenyataan, kelmarin.

DIBUKA HARI INI
Renewable Electricity
Menggabungkan:
OGA MOGSEC 2022
Dianjurkan Serentak Dengan:
PSC By MPA
13-15 SEPTEMBER 2022
PUSAT KONVENSYEN KUALA LUMPUR
PAMERAN INDUSTRI MINYAK & GAS YANG AMAT DINANTIKAN DI ASIA TENGGARA
Fakta - Fakta
1,000 Syarikat
20,000 Peserta
8 Astaka Antarabangsa (Jerman, Indonesia, Itali, Amerika Utara, Scotland, Singapura, Korea Selatan dan UK)
2 Persidangan
1,000 Peserta Persidangan
90 Pemimpin/Penceramah dari Malaysia dan Rantau
Waktu Pembukaan:
10.00 pagi - 6.00 petang (13-14 September 2022)
10.00 pagi - 5.00 petang (15 September 2022)
Daftar sekarang di www.oilandgas-asia.com atau Imbas Kod QR!
*Pendaftaran adalah percuma dan terhad kepada pelawat profesional, perniagaan dan/atau perdagangan sahaja
Imbas Sini untuk Maklumat Lanjut
Cabutan Bertuah
Lawati OGA x MOGSEC & PSC 2022 dan menangi hadiah cabutan bertuah.
• iPad Apple
• Kamera Aksi Insta 360 Go 2
• GARMIN Vivoactive 3
• Fon Telinga Nirwayar Sony WH-XB910N
• Projektor Pawagam Rumah LUMOS Ray
• Speaker Pintar Marshall Uxbridge
Hubungi Kami:
Informa Markets Malaysia Sdn Bhd
Suite 5-01, Level 5, Sunway VISIO Tower, Lingkaran SV, Sunway Velocity 55100 Kuala Lumpur, Malaysia
+603 9771 2688
Oga-My@informa.com
www.oilandgas-asia.com
Ikuti Kami Di:
Oil and Gas Asia (OGA)

MukaSepuluh
E-mel: bhrencana@bh.com.my BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

# Runding 27 kerusi Parlimen kritikal atas semangat MN

- Pertembungan UMNO, PAS di 27 kerusi kritikal berkenaan untungkan PH kerana kedua-dua parti memiliki sokongan besar
- PAS perlu melepasi rintangan BERSATU yang bertindak seperti 'abang besar' dalam PN yang dilihat mengawal tindak-tanduk parti Islam itu



Profesor Madya Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Oleh Mohd Izani Mohd Zain
bhrencana@bh.com.my

**Kerjasama** politik adalah ciri penting dalam politik Malaysia. Dalam wacana politik Malaysia, kerjasama antara UMNO dan PAS antara perkara menarik untuk dianalisis. Tahap kerjasama politik kedua-dua parti politik terbabit sentiasa berlaku pasang surut.

Selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), UMNO dan PAS bersepakat untuk bekerjasama dalam Muafakat Nasional (MN) apabila melihat kuasa politik Melayu/Islam mulai terhakis dengan dasar terbuka kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Namun, hubungan antara kedua-dua parti politik ini bertahan seketika dan mulai renggang dengan kehadiran pihak ketiga, iaitu BERSATU. PAS cenderung bersama BERSATU apabila menyertai kerajaan Perikatan Nasional (PN) mulai Mac 2020, meskipun UMNO menjadi sebahagian daripada kerajaan.

Malah, PAS ada mengeluarkan kenyataan dalam muktamar baru-baru ini bahawa mereka tidak akan meninggalkan BERSATU kerana mengenang jasa parti itu membawa masuk PAS dalam kerajaan.

Pemimpin utama UMNO membidas kerenah PAS tidak setia dengan MN dengan menyertai PN. Perkembangan ini juga mendesak UMNO untuk melupakan PAS, sekali gus bergerak solo pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Namun, isu kerjasama UMNO dan PAS kembali hangat apabila muncul cadangan PAS mengenai pakatan pilihan raya untuk 27 kerusi Parlimen. Kerusi Parlimen ini menjadi kawasan kritikal apabila jika jumlah undi UMNO dan PAS digabungkan berdasarkan keputusan PRU-14 lalu, boleh mengatasi pihak lawan, iaitu Pakatan Harapan (PH).

Kerusi Parlimen itu ialah Kangar, Jerlun, Kubang Pasu, Pokok Sena, Kuala Kedah, Merbok, Sungai Petani, Kulim Bandar Baharu, Parit Buntar, Tambun, Lumut, Raub, Indera Mahkota, Kuantan, Temerloh, Sungai Besar, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Kapar, Kuala Langat, Titiwangsa, Kuala Pilah, Tampin, Sri Gading, Tanjung Piai, Tangga Batu dan Putatan.

Justeru, PAS mencadangkan agar kerjasama antara UMNO dengan PAS boleh dijayakan bagi mengelakkan pertembungan sesama sendiri, sekali gus menghalang kemenangan PH. Jika 27 kerusi Parlimen ini berjaya dimenangi UMNO dan PAS, ia boleh menjamin kuasa politik Melayu pada PRU-15 akan datang.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin ketika dihubungi penulis, memaklumkan belum ada sebarang perbincangan antara UMNO dengan PAS untuk berpakat satu lawan satu bagi 27 kerusi Parlimen ini.

Jawapan beliau senada dengan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan yang dilaporkan tidak mempunyai maklumat mengenai 27 kerusi Parlimen dianggap kritikal untuk UMNO dan PAS bekerjasama.

## PAS ajak UMNO bekerjasama

PAS nampaknya bersungguh-sungguh mengajak UMNO untuk bekerjasama sekurang-kurangnya dalam konteks pakatan pilihan raya di 27 kerusi Parlimen. Sehingga kini, UMNO masih bertekad untuk bergerak solo di bawah panji BN pada PRU-15, sehinggalah berlaku perbincangan dengan PAS untuk mengadakan pakatan pilihan raya.

Secara logik, pertembungan antara UMNO dengan PAS akan menguntungkan pihak lawan seperti PH. Undi orang Melayu akan berpecah dua. Dalam situasi kekuatan setiap parti hampir sama, pakatan pilihan raya boleh menghasilkan jumlah undi besar berbanding bergerak solo.

Namun, persoalan lebih besar di sini adalah, jika UMNO bekerjasama dengan PAS, adakah kerjasama itu hanya membabitkan kedua-dua parti sahaja atau sebenarnya kerjasama ini membabitkan juga PN?

> "Jika kerjasama politik PAS dan UMNO ini terlaksana, ia dijangka tidak memberi kesan kepada UMNO. Sebaliknya PAS akan terus dicurigai BERSATU"



PAS adalah sebahagian daripada PN. Bekerjasama dengan PAS bermakna UMNO juga bekerjasama dengan PN yang menjadi musuh politik mereka.

BERSATU sejak awal lagi tidak mahu sekutunya, iaitu PAS bekerjasama dengan UMNO. Sebaliknya, BERSATU lebih rela membuka jalan kerjasama dengan PH berbanding UMNO pada PRU-15.

BERSATU seperti 'abang besar' dalam PN mahu mengawal tindak-tanduk PAS. Dalam hal ini, BERSATU memberi jaminan tiada rundingan rasmi PAS dengan UMNO bagi menghadapi PRU-15. Malah, perkara ini dibangkitkan Pengerusi PN, Tan Sri Muhyiddin Yasin dalam Mesyuarat Majlis Tertinggi PN baru-baru ini.

Jika kerjasama politik PAS dan UMNO ini terlaksana, ia dijangka tidak memberi kesan kepada UMNO. Sebaliknya PAS akan terus dicurigai BERSATU kerana sanggup membelakanginya dan memilih UMNO.

## Buka langkah satukan semula hubungan

Namun, bagi mereka yang masih menaruh harapan terhadap masa depan MN, kerjasama politik UMNO dan PAS dalam konteks 27 kerusi Parlimen ini boleh menjadi titik-tolak kepada pemugaran semula MN dalam landskap politik negara. Kerjasama untuk 27 kerusi Parlimen ini boleh membuka langkah untuk memautkan kembali hubungan sudah renggang antara UMNO dan PAS.

Namun, hal ini tidak mudah untuk dilaksanakan. Bagi UMNO mungkin tiada isu besar, tetapi PAS perlu melepasi rintangan BERSATU jika mahu meneruskan pakatan pilihan raya ini. Tidak mustahil, jika pakatan pilihan raya ini berhasil, pertembungan UMNO/PAS dan PH dijangka disusuli dengan kemunculan calon Bebas yang mahu merosakkan peluang kedua-dua pihak (UMNO/PAS dan PH) menang pada pilihan raya.

Sebetulnya, MN ialah simbol kekuatan politik Melayu menggabungkan dua parti politik Melayu/Islam terbesar di negara. Kekuatan politik UMNO dan PAS pernah menggegarkan politik negara suatu masa dahulu. Namun, sikap PAS yang juga mahu bekerjasama dengan BERSATU dalam PN meninggalkan MN jauh menjadi semakin tidak relevan.

Jika UMNO dan PAS masih mahu meneruskan kerjasama politik dengan mengambil semangat MN, percubaan pakatan pilihan raya untuk 27 kerusi Parlimen pada PRU-15 akan datang langkah terbaik.

Langkah selamat adalah PAS perlu menggunakan logo dan lambang sendiri pada PRU-15 jika mahu meneruskan kerjasama dengan UMNO di 27 kawasan Parlimen yang membawa maksud, pakatan pilihan raya ini tiada kaitan dengan BERSATU.

Kini bola tanggung diberikan kepada PAS.

**Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH**

Sidang Redaksi
Pengarang Kumpulan DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN madzaini@mediaprima.com.my
Pengarang Eksekutif Kandungan & Digital M THILLINADAN thilly@bh.com.my
Pengarang Eksekutif Pengeluaran AZHAR A SAMAH azharas@bh.com.my



# Keluarga mesti jadi benteng lindungi anak daripada noda



Pensyarah di Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Oleh Dr Zizi Azlinda Mohd Yusof
bhrencana@bh.com.my

**Baru-baru** ini kita digemparkan dengan seorang remaja selebriti dikatakan 'membuka pekung di dada sendiri' kerana mendakwa secara terbuka pernah didera secara seksual oleh bapanya sehingga menerima pelbagai reaksi masyarakat.

Isu yang menjadi kes polis ini membabitkan institusi kekeluargaan yang ternyata berlaku dalam keluarga moden hari ini.

Anak itu menerima penderaan seksual seawal usia lima tahun dengan diajak melihat video porno bersama rakan bapanya, satu perkara amat menyentap hati.

Justeru, siapa bersalah dalam isu ini. Adakah gadis ini mangsa atau pemangsa? Secara zahir, tidak tepat untuk masyarakat menyalahkan sepenuhnya kepada mangsa semata-mata.

Hal ini kerana, dalam Islam kita tidak dibenarkan membuka aib sama ada ibu bapa atau suami kepada umum meskipun atas alasan untuk menjadikan isu itu kes berprofil tinggi.

Bagaimanapun, dari satu sudut, masyarakat luar tidak dibolehkan sama sekali melontarkan kata-kata 'tidak aman' dan boleh 'membunuh' jiwa mangsa.

Tindakan gadis ini adalah implikasi kepada apa yang pemangsa pernah lakukan kepadanya. Ia membabitkan pengalaman seseorang melalui zaman kanak-kanaknya sebelum baligh.

Apa sahaja yang berlaku di sekeliling kanak-kanak pada tempoh itu akan memberi impak besar dan terpahat kuat dalam mindanya.

Justeru, orang dewasa harus mengelak daripada terjebak menghukum tindakannya yang mungkin terdorong emosi tidak stabil sejak kecil.

Anak yang menjadi mangsa penderaan seksual boleh dilihat melalui beberapa petunjuk tingkah lakunya seperti sangat tertekan, mudah memberontak, ponteng sekolah, sukar memberi perhatian dalam pelajaran, pelajaran merosot, mengalami gangguan tidur dan boleh membawa kepada perbuatan membunuh diri.

Tidak adil untuk masyarakat menyalahkan tindakannya semata-mata dengan membuat dakwaan di media sosial kerana seorang remaja sepertinya memerlukan sokongan sosial daripada masyarakat sekeliling.

## Ajak kepada hidup beragama

Mangsa seperti ini perlu dibantu seperti mengajak mereka kepada hidup beragama, mengembalikan makna kehidupan dengan berbakti, sekali gus mengeluarkan anak ini daripada psikologi kelam dan berjuang menjadi seseorang yang lebih memahami insan senasib dengannya.

Isu seperti 'haruan makan anak', 'ditebuk tupai' atau amang seksual dilakukan insan dipercayai dan terdekat dengan anak seperti ibu bapa, abang, adik lelaki atau saudara terdekat bertentangan di sisi ajaran Islam.

Dalam hal ini, ibu bapa amat bertanggungjawab untuk menjaga, mendidik dan mencorak anak. Dalam Islam, anak perlu dididik mengikut lunas agama khasnya menerusi al-Quran dan hadis.

Seorang ilmuwan Islam, Muhammad Abduh mengatakan 'keluarga adalah kubu terakhir akan diserang musuh Islam. Jika lemah sebuah keluarga, maka rapuhlah benteng pertahanan terakhir Islam'.

Kata ilmuwan ini sepatutnya menjadi pegangan bapa sebagai ketua keluarga dan dibantu isteri untuk membentuk sebuah keluarga kuat peribadinya.

Semua ibu bapa wajib melengkapkan diri dengan ilmu keibubapaan. Keluarga Islam boleh menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh ikutan terbaik mendidik zuriat. Apa yang penting, ibu bapa jangan menjadi 'seperti ketam mengajar anak berjalan lurus'.

Rasulullah SAW bersabda bermaksud: "Setiap anak dilahirkan umpama kain putih (fitrah), ibu bapalah bertanggungjawab mewarnakan dan mencorakkannya, sama ada menjadi Yahudi, Nasrani dan Majusi".

Sesibuk manapun ibu dan bapa, ruang dan waktu interaktif dengan anak perlu dihidupkan dalam keluarga jika mahu melahirkan generasi cemerlang spiritual, jasmani dan rohani.

# Sekatan ekonomi, perang bukan penamat konflik



Ketua Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM)

Oleh Dr Mohd Shahid Mohd Noh
bhrencana@bh.com.my

**Krisis** tenaga sedang melanda Eropah ketika ini banyak disumbangkan inflasi ekonomi tertinggi di benua itu sejak 40 tahun lalu.

Menurut laporan terkini Greenmatch, bekalan tenaga mengalami kenaikan harga sebanyak 40.2 peratus sedangkan barangan lain seperti makanan dan bukan tenaga mengalami kenaikan 4 hingga 6 peratus.

Peperangan antara Russia dan Ukraine penyebab utama kenaikan harga ini memandangkan Russia antara pembekal tenaga di benua itu.

Susulan fenomena ini, Canselor Jerman, Olaf Scholz mengumumkan pakej rangsangan 64 bilion euro, merangkumi subsidi gas dan petrol selain pengurangan cukai bagi memangkinkan pertumbuhan ekonomi negara itu.

Menurut Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA), ini disebabkan kebergantungan Jerman kepada bekalan tenaga diimport dari Russia berjumlah lebih kurang 56.2 bilion meter kubik pada 2021.

Menurut IEA juga, 22 negara Eropah mengimport gas dan petrol dari Russia, manakala sebahagian besar daripada negara terbabit adalah anggota Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO).


Konflik dua negara ini boleh dianggap peperangan pertama berlaku antara negara di Eropah pada abad ke-21. Lebih menarik perhatian ialah Ukraine bukan negara asing bagi Russia kerana republik itu pada asalnya sebahagian daripada jajahan Russia.

Kedua-dua negara memainkan peranan penting dalam perdagangan dunia, terutama produk bentuk tenaga dan makanan. Russia adalah penyimpan rizab gas asli terbesar dunia diikuti Iran dan Qatar.

Semua perkara ini mempunyai kaitan rapat dengan kenaikan harga bahan bakar dan tenaga di Eropah yang bakal menyaksikan inflasi lebih buruk di benua berkenaan.

## Sekatan ekonomi senjata lemahkan musuh

Dunia moden menyaksikan sekatan ekonomi antara senjata perang yang ampuh bagi melemahkan sesebuah negara dianggap musuh oleh negara lain yang berkuasa.



*Dunia dan negara Barat perlu belajar daripada kehancuran akibat perang dunia pertama dan kedua.* (Foto hiasan)

Sekatan ekonomi dikenakan terhadap Russia pada 2014 merangkumi sektor kewangan, perdagangan, tenaga, pengangkutan, teknologi serta ketenteraan mengakibatkan kerugian kepada kerajaan negara itu sehingga AS$100 bilion.

Menurut Anders Åslund (2019) dari Georgetown University, sekatan itu melemahkan ekonomi Russia sehingga hutang negara asing menurun secara mendadak daripada AS$732 bilion pada 2014 kepada AS$482 bilion pada 2019.

Untuk catatan, memiliki kadar hutang asing yang tinggi antara indikator positif kepada kepercayaan negara asing terhadap sesebuah negara.

Ringkasnya, senjata ekonomi digunakan sejak sekian lama dalam peperangan antara mana-mana kuasa, namun persoalannya adakah kerakusan ditunjukkan ini membuahkan hasil atau natijah positif?

Antara sekatan ekonomi tidak berjaya sehingga hari ini adalah di Somalia yang kekal sebagai negara bergolak dan tidak stabil.

Hanya 49.7 peratus populasi negara itu dapat mengakses kemudahan tenaga elektrik, sedangkan 87 peratus purata individu boleh mengaksesnya.

Selain itu, kadar pengangguran tinggi, iaitu 19.9 peratus menjadikan negara di benua Afrika itu miskin dan bermasalah.

Apa yang penting, dunia dan negara Barat perlu belajar daripada kehancuran akibat perang dunia pertama dan kedua. Puluhan juta manusia mati, kebuluran dan krisis kesihatan di mana-mana akibat perang.

Negara Islam juga diharap dapat mengimbangi krisis ini dengan bersedia menjadi pembekal alternatif terhadap barangan keperluan kritikal supaya keperluan asasi manusia dipenuhi, sekali gus mengurangkan risiko berlaku krisis kemanusiaan seperti pada dekad lepas.

# Malaysia perlu contohi EPL bina jenama liga, kelab bola sepak

- Penjenamaan secara strategik tingkatkan nilai EPL hingga mengatasi liga seperti Bundesliga, La Liga dan Serie A
- Liga Super, Premier perlu perancangan jangka panjang, pilih individu berdasarkan ilmu, pengalaman bola sepak alaf baharu



Pensyarah Kanan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Oleh Mohd Sadek Mustaffa
bhrencana@bh.com.my

**Johor** Darul Ta'zim (JDT) yang menjulang Piala FA, Sabtu lalu, diakui berjaya membina jenama dalam arena bola sepak tanah air, tetapi mungkin ramai tidak menyedari ada satu lagi kelab di negara ini yang dalam proses membina jenama tersendiri.

Di Liga Perdana Inggeris (EPL), pengurus terkenal yang kini mengendalikan kelab AS Roma, Jose Mourinho menyorot keupayaan Pep Guardiola membawa kelab Manchester City hingga ke tahap *football heritage* pada alaf baru ini dengan mengungguli EPL tiga kali dalam tujuh tahun, manakala kedudukan terendah adalah tempat keempat.

Menarik untuk kita kaji kejayaan Guardiola dari perspektif Mourinho sebagai pengurus yang banyak mencatatkan kejayaan di Chelsea, Real Madrid dan Inter Milan sebelum ini.

Pertama, keupayaan pengurus mengenal pasti bagaimana menyerap bakat besar ke dalam pasukan, seterusnya membimbing dan membangunkan mereka dengan falsafah serta kekuatan taktikal pasukan sebagai satu jenama besar.

Istilah perancangan besar diutarakan ialah *investments from the past*, iaitu pelaburan mencari mentaliti unik dan berkualiti, latar belakang berbeza demografik serta status dan mempunyai kemahiran dan keupayaan dalam permainan.

Ini menjadikan sesebuah kelab bola merancang untuk mencapai kejayaan ketika sebahagian kelab yang tidak teliti dalam perancangan, bersedia 'disembelih' atau jatuh dengan pelbagai masalah.

Beliau menambah, apa membezakan sesebuah pasukan adalah dari aspek di peringkat mana bertanding dan bagaimana gaya permainan dipamerkan setiap perlawanan.

Dalam konteks tempatan, wajar untuk kita melihat bagaimana Kelantan FC mengangkat nilai *The Red Warriors* (TRW) berdasar piawaian Kaedah Penilaian Pascakewangan (PMVM) pada tahap RM60 juta dan akan meningkat kepada RM100 juta beberapa tahun akan datang.

Apa yang kita fahami dengan sifir cuba digunakan Pemilik Kelantan FC, Norizam Tukiman, adalah untuk memberikan justifikasi nilai ambang kewangan kelab itu.

PMVM ialah nilai ekuiti kitaran kewangan sesebuah syarikat dari kitaran kewangan lengkap. Pelaburan tambahan baharu disuntik syarikat memberikan kestabilan dan keseimbangan nilai kepada keupayaan kewangannya.

Ini menjadikan syarikat atau kelab lebih stabil dari aspek keupayaan modal serta kecairan kewangan, sekali gus menjadikannya lebih bernilai. Keupayaan Norizam mengimbangi nilai keusahawanan dengan nilai ekuiti Kelantan FC menjadikan jenama itu meningkat dan tidak mustahil nilai PMVM menjadi RM100 juta dalam masa terdekat.

Perancangan strategik dengan pembinaan Stadium Kelantan FC, penjenamaan komersial, pelaburan dalam bentuk ekuiti dalam dan luar negara membolehkan Norizam mengembangkan kitaran kewangan kelab bola sepaknya.

Kebijaksanaan pemimpin dan pelabur membina ekosistem pelaburan bertunjangkan jumlah sokongan penyokong tegar Kelantan FC kepada nilai ekuiti kewangan menjadikan kelab itu berdaya saing dari segi sosial ekonomi dan kestabilan prestasi kelab.

Beralih kepada EPL, sebuah akhbar berpangkalan di United Kingdom (UK) melaporkan nilai penjenamaan liga itu meningkat daripada £4.9 bilion (RM25.6 bilion) pada musim 2020/2021 ke £5.5 bilion (RM28.7 bilion) pada musim lalu dan dijangka meningkat kepada £6 bilion (RM31.3 bilion) untuk musim ini.

## Bukan usaha tempoh singkat

Ia peningkatan signifikan dalam ekosistem bola sepak berasaskan perniagaan dan industri sukan. Namun, EPL sampai ke tahap ini, bukan usaha dalam tempoh singkat, sebaliknya menjenamakan EPL sejak 30 tahun lalu hingga kini boleh berbangga dengan rekod dicapai berbanding Liga Bundesliga, La Liga dan Serie A.

Antara kejayaan bersumberkan data dikeluarkan syarikat perakaunan dan pengauditan terkemuka dunia, Deloitte itu ialah keupayaan menguasai penajaan daripada syarikat media dan penyiaran untuk menyiarkan perlawanan langsung di seluruh dunia.

Kesannya, populariti EPL meningkat dan bilangan penyokong baharu kelab liga berkenaan bertambah seperti Manchester City, Liverpool, Tottenham Hotspurs, Arsenal, West Ham dan Manchester United.

Kelab EPL juga berdisiplin dari aspek meningkatkan kecekapan pengoperasian kelab dengan menunjukkan keuntungan tinggi daripada £49 juta (RM255.8 juta) kepada £479 juta (RM2.5 bilion), manakala kerugian sebelum cukai menyusut daripada £991 juta (RM5.2 bilion) kepada £669 juta (RM3.6 bilion).

Kejayaan dan kejatuhan sesebuah perniagaan berpunca daripada banyak faktor, namun pemimpin serta pengurusan bijaksana berupaya merancang dan mempraktikkan ilmu dengan membawa organisasinya berjaya dan menjadi contoh dicemburui pesaing.

Mourinho dan Norizam membuktikan usaha mencapai kejayaan bukan omong kosong, sebaliknya ditonjolkan kerana mereka sentiasa dahagakan kejayaan dan membawa individu dalam organisasinya bersama merasai apa diperoleh kini kesan disiplin diri, ilmu, kewangan, kerjasama berpasukan.

Di samping itu, model kejayaan penjenamaan penuh EPL menjadikannya sebagai jenama liga paling hebat di dunia dalam tempoh 30 tahun bukan mudah. Keupayaan memperoleh kos penajaan tertinggi berbanding liga Eropah lain, membuktikan mereka tidak duduk selesa selepas mencapai kejayaan semusim.

EPL bergerak dengan data dan angka telus serta tulen diperoleh setelah tamat kitaran semusim, perancangan lima tahun dan kejayaan dicipta kini.

## Perancangan berterusan

Pemimpin dan pengurusan bertukar ganti, tetapi falsafah serta perancangan terus menjadi peneraju utama dalam sukan bola sepak paling kompetatif dan diminati terus menjadi tunjang diusahakan sekian lama.

Sekiranya liga bola sepak negara mahu berjaya di Asia Tenggara, Asia dan dunia, kita perlukan lebih ramai lagi individu seperti Mourinho dan Norizam. Sir Alex Ferguson terkenal dengan Teori Ferguson diiktiraf *Harvard Business Review*, manakala Guardiola dengan falsafah *Tiki Taka* terbukti kehebatan dari segi formasi dan falsafah bola sepak diperkenalkannya.

Di negara ini, kejayaan ingin dicipta pasukan di Liga Super dan Premier memperlihatkan bunga yang mekar, ia masih bertaut pada tangkai atau dahan masih rapuh hingga perlu kesungguhan luar biasa dan iltizam tinggi untuk mencapai hasil berbaloi dan pengiktirafan.

Kita perlu berani berhijrah daripada melakukan perancangan setahun kepada perancangan jangka panjang yang praktikal matlamatnya. Kejayaan boleh dicapai dan diukur berdasar data dan angka boleh dipraktik dalam semua sudut pengurusan bola sepak dan sains sukan.

Jadi, memilih dan menggajikan modal insan yang kaya dengan ilmu dan pengalaman bola sepak alaf baharu amat penting untuk mencipta kejayaan. Mereka juga perlu mempunyai ciri-ciri kepimpinan tempatan dan global, sekali gus sentiasa mampu membuat adaptasi strategi.

Kejayaan tidak boleh dicapai melalui buku perancangan setiap lima tahun, tanpa berupaya diterjemahkan setiap perkataan dan ayat tertera dalam buku tersebut kepada pratik berkesan bagi menempuh cabaran dan ekosistem sentiasa berubah.

Kita rindukan bendera Malaysia berkibar di temasya Olimpik dan Piala Dunia





# Kaji kaedah urus sisa pertanian kurangkan kesan perubahan iklim

Dr Siti Norliyana Harun, Prof Madya Dr Marlia Mohd Hanafiah dan Dr Noorashikin Md Noor, UKM

**Sisa** pertanian seharusnya diurus dengan baik bagi mengelak kesan negatif terhadap alam sekitar. Bagaimanapun ia bukan saja menyentuh mengenai pengurusan sisa pertanian itu semata-mata tetapi juga berapa banyak jumlah yang dihasilkan.

Secara umum, kebanyakan sisa pertanian masih kurang diguna semula sebaliknya ia dibiarkan mereput atau dibakar secara terbuka di ladang. Hal ini biasa dilakukan di negara membangun, termasuk Malaysia.

Sebenarnya, pembakaran sisa pertanian boleh mengakibatkan peningkatan pembebasan gas rumah hijau (GHG) seperti karbon dioksida, metana dan nitrus oksida, selain partikal asap yang menyumbang kepada pemanasan global langsung membawa kesan buruk kepada kesihatan manusia dan ekologi.

Oleh itu, kaedah pembakaran sisa pertanian ini harus dielakkan sejajar dengan menyokong hasrat negara untuk mengurangkan 45 peratus pelepasan GHG menjelang 2030.

Sisa pertanian berpotensi untuk menjadi sumber penting kepada pelbagai sektor kerana ia boleh diperoleh secara meluas dan diperbaharui. Malah, ia berpotensi sebagai bahan mentah yang boleh digunakan sebagai sumber tenaga ganti seperti biotenaga. Banyak negara Eropah menggalakkan pengeluaran dan penggunaan biotenaga kerana ia menyokong amalan ekonomi sirkular.

Hal ini bertepatan dengan prinsip yang ditekankan oleh Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, iaitu penggunaan sumber yang optimum dan bertanggungjawab terhadap penggunaan sumber berkonsepkan ekonomi sirkular.

Beberapa teknologi rawatan boleh digunakan untuk penukaran sisa pertanian kepada tenaga atau produk nilai tambah seperti teknologi mekanikal selain biokimia. Selain itu, kaedah penilaian kitar hayat (LCA) juga antara kaedah sangat baik untuk menyokong konsep ekonomi sirkular dalam membuat penilaian bagi menentukan kaedah pengurusan sisa pertanian terbaik demi kelestarian alam sekitar.

Dalam konteks Malaysia, penggunaan sisa pertanian dalam penghasilan biotenaga boleh dijadikan satu inisiatif negara dalam mencapai sasaran 20 peratus campuran sumber tenaga boleh diperbaharui untuk sektor tenaga negara menjelang 2050.

## Jerami padi berpotensi hasilkan biotenaga

Jerami padi antara sisa pertanian yang terkenal untuk penggunaan biotenaga kerana pengeluarannya hampir separuh daripada berat pokok padi. Di Malaysia, padi adalah antara tanaman terpenting sebagai makanan ruji. Industri ini menyediakan sumber pendapatan utama kepada petani kecil.

Keluasan kawasan penanaman padi di Malaysia adalah kira-kira 67,2084 hektar dan pengeluaran padi adalah kira-kira 3501 kg/ha pada 2019. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) industri beras Malaysia ialah RM2.44 bilion pada 2020, menunjukkan peningkatan dalam KDNK berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Pengeluaran padi tahunan dijangka meningkat pada masa hadapan selari pertumbuhan penduduk, sekali gus membawa kepada sejumlah besar pengeluaran jerami padi. Oleh itu, penggunaan jerami padi untuk penghasilan biotenaga mempunyai potensi yang sangat besar di Malaysia dan patut diberikan perhatian yang sewajarnya.

Peningkatan penduduk, kemajuan teknologi dan pembangunan yang semakin pesat saban tahun di seluruh dunia menyebabkan punca perubahan iklim tidak dapat dihindari sepenuhnya. Walau bagaimanapun, pengurangan pelepasan gas rumah hijau ke atmosfera dapat mengurangkan pemanasan global seterusnya mengurangkan kesan perubahan iklim.

Dalam konteks pertanian, solusi dalam mitigasi kesan perubahan iklim terhadap sektor pertanian amat penting untuk dikaji kerana sektor ini sangat sensitif dengan perubahan iklim dan boleh mengancam sekuriti makanan. Kesan perubahan iklim seperti suhu tinggi, banjir, kemarau dan kenaikan aras laut akan memberi impak negatif kepada hasil pertanian yang akan mengancam kelestarian sumber makanan.

Justeru, disamping pengeluaran hasil pertanian, pengurusan sisa pertanian perlu diberi perhatian untuk mengelakkan sisa pertanian ini menyumbang kepada perubahan iklim dan seterusnya memastikan kelestarian sumber makanan tidak terancam.



*Jerami padi antara sisa pertanian yang boleh menghasilkan biotenaga* .(Foto hiasan)

# Pemakaian pelitup muka pilihan terbaik

Ummi Kalsom Abbas, Universiti Malaya

**Malaysia** akhirnya memutuskan pemakaian pelitup muka di tempat tertutup tidak lagi diwajibkan selepas banyak negara sudah pun berbuat demikian.

Bagaimanapun ia bukan langkah yang menyeluruh kerana penggunaan pelitup muka masih diperlukan jika ia menjadi peraturan pemilik premis, manakala mereka yang berhadapan dengan gejala kekal mengenakan pelitup muka.

Langkah ini dianggap wajar berdasarkan perkembangan semasa, malah Kementerian Kesihatan juga menyebutkan kelonggaran pemakaian pelitup muka juga dibuat berdasarkan penilaian semasa oleh mereka.

Sebenarnya banyak negara Eropah masih kekal dengan dasar memakai pelitup muka walaupun sebahagian yang lain seperti Denmark, Iceland, Finland, Norway, Sweden juga negara timur Eropah seperti Bulgaria, Poland juga Belanda dan United Kingdom sudah lama 'menanggalkan' pelitup muka.

Namun, bagi pengembara ke Eropah mereka masih diminta memakai pelitup muka dalam kapal terbang untuk tujuan ke negara seperti Austria, Portugal, Cyprus juga Itali, Malta dan beberapa negara lain.

Sebelum ini Pusat Kawalan Penyakit Eropah (ECDC) pada 16 Mei pernah menyarankan undang-undang pemakaian pelitup muka dimansuhkan, tetapi banyak negara di Eropah tidak mematuhinya.

Apapun, tindakan untuk tidak lagi memakai pelitup muka bukan bermaksud COVID-19 sudah pun berjaya dimusnahkan dari muka bumi. Sebaliknya, lebih kepada langkah susulan apabila COVID-19 sudah boleh dikawal dengan jayanya setakat ini.

Seperti kata KKM kelmarin, dasar itu boleh saja diperketatkan semula jika kes COVID-19 di negara ini kembali meningkat.

Namun, dari satu segi selepas hampir dua tahun terbiasa dengan pemakaian pelitup muka terasa agak janggal untuk tidak menggunakannya. Apatah lagi semua orang tahu pemakaian pelitup muka sudah terbukti mampu mengurangkan penularan jangkitan.

Justeru, di sebalik langkah untuk tidak lagi mewajibkan pemakaiannya di tempat umum, adalah lebih baik kita berjaga-jaga, terutama jika kawasan dikunjungi itu sesak dan padat dengan manusia.

Malah, KKM juga menyarankan pemakaian pelitup muka terus diamalkan terutama apabila berada di kawasan ramai orang dan sesak seperti pasar malam, stadium, gedung beli-belah dan rumah-rumah ibadat.

Apapun ia, berdasarkan situasi semasa COVID-19 yang terkawal kita belum boleh memutuskan kita sudah menang. Namun, kelonggaran yang diberikan amat bermakna. Bagaimanapun, langkah untuk terus berjaga-jaga juga sangat digalakkan.

Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke ***bhforum@bh.com.my***

# Juruterbang helikopter terhempas di Bidor maut

## Pasukan penyelamat temui mayat mangsa dalam kokpit pesawat

Oleh Balqis Jazimah Zahari
bhnews@bh.com.my

**Bidor:** Juruterbang helikopter yang terputus hubungan dengan Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur dan dipercayai terhempas di Bidor kelmarin ditemui maut di lokasi kejadian, kata Ketua Polis Perak, Datuk Mohd Yusri Hassan Basri.

Beliau berkata, mayat juruterbang itu ditemukan dalam kokpit helikopter berkenaan oleh pasukan mencari dan menyelamat pagi semalam.

Helikopter dipercayai terhempas, bagaimanapun kawasan dijumpai tiada kesan letupan atau kebakaran.

"Helikopter milik pasukan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menemui lokasi nahas kira-kira jam 9.30 pagi di Hutan Simpan Chikus di sini. Lima minit kemudian, krew TUDM turun ke lokasi nahas dan menemui mangsa dalam kokpit.

"Mayat kemudian dibawa keluar dari lokasi kejadian jam 10.12 pagi dan seterusnya dibawa ke SMK Anderson menggunakan sebuah ambulans, sebelum dihantar ke Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh untuk bedah siasat. Kecederaan dan punca kematian masih dalam siasatan," katanya di Bilik Gerakan Operasi Mencari dan Menyelamat (SAR) Balai Polis Bidor, semalam.

Juruterbang dikenali Tsz Kin Richard Chan, 58, adalah warganegara Hong Kong dan keluarganya sudah dimaklumkan oleh pihak syarikat.

Bangkai pesawat jenis Eurocopter milik sebuah syarikat swasta itu sudah diserahkan kepada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), untuk tindakan dan siasatan lanjut.

Kelmarin, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Wee Ka Siong, dilaporkan berkata pesawat itu terputus hubungan pada jam 12.16 tengah hari dengan lokasi terakhir dilaporkan adalah di sekitar kawasan hutan dekat Bidor.

Helikopter itu sepatutnya mendarat di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di sini jam 12.37 tengah hari selepas berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang pada 11.37 pagi.




### Tunggu laporan hospital

Sementara itu Wee dalam hantaran terbaru di Facebook memaklumkan, pihaknya masih menunggu laporan hospital untuk mengesahkan punca dan waktu kematian mangsa, selain mengarahkan CAAM untuk menyediakan laporan lengkap.

Pada sidang media awal pagi semalam, Ketua Polis Daerah Tapah, Superintendan Wan Azharuddin Wan Ismail, berkata seramai 11 pegawai dan 197 anggota daripada pelbagai jabatan termasuk polis, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Pasukan Gerakan Am (PGA) Bidor, Jabatan Perhutanan, SMART Team menyertai operasi menyelamat yang bermula jam 8 pagi semalam.

CAAM dalam kenyataannya memaklumkan siasatan mengenai kejadian akan dijalankan Biro Siasatan Kemalangan Udara di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia, mengikut Bahagian XXVI Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016.



Pengarang Kumpulan BH, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman (empat dari kiri) menyampaikan cendera mata kepada Mohd Azmil sempena lawatan ke NSTP di Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan, Ahmad Lokman (tiga dari kiri), Muhamad Safar (dua dari kanan) dan Zainuddin (dua dari kiri).

# Pengurusan kanan DatumCorp International kunjungi NSTP


**Kuala Lumpur:** Pengurusan kanan syarikat peneraju hartanah dan pusat beli-belah, DatumCorp International Sdn Bhd mengunjungi The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) di sini, semalam.

Kunjungan itu diketuai Ketua Pegawai Eksekutif DatumCorp International Sdn Bhd, Mohd Azmil Abd Shukor.

Yang turut hadir, Ketua Pengurusan DatumCorp (Residensi), Khairul Anuar Othman dan Ketua Pengurusan DatumCorp (Pusat Beli-Belah), Roger Khoo.

NSTP pula diwakili Pengarang Urusan Kumpulan NSTP, Mustapha Kamil Mohd Janor; Pengarang Kumpulan NST, Ahmad Lokman Mansor; Pengarang Eksekutif (Kandungan) HM, Muhamad Safar Ahmad dan Pengarang Bersekutu BH, Zainuddin Isa.





Hotel Raia dan Pusat Konvensyen Kuching kini semakin menjadi pilihan utama di Sarawak.

# Hotel untuk semua

## Rangkaian Hotel Raia sedia penginapan, persekitaran selamat, bilik selesa

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Mencari hotel yang sesuai untuk semua keadaan kini menjadi lebih mudah dengan adanya rangkaian Hotel Raia di beberapa lokasi strategik di seluruh negara.

Dengan tema Hotel Untuk Semua, Hotel Raia menawarkan penginapan selesa untuk tetamu beriadah dengan pelbagai aktiviti keraian, termasuklah aktiviti berkumpulan yang dianjurkan agensi perniagaan.

Selain untuk penginapan, Hotel Raia kini menjadi pilihan ramai untuk majlis perkahwinan konsep mewah dengan harga berpatutan kerana menawarkan dewan yang lengkap dengan keperluan termasuk; pendingin hawa, ruang tempat letak kereta luas untuk tetamu, kerusi serta meja yang dihias, sistem siar raya (PA), surau, bilik hotel untuk pengantin, pasukan koordinator majlis dan sebagainya.

Dengan saiz dewan yang besar dan selesa, ia dapat memuatkan sehingga 1,000 tetamu pada satu-satu masa.

Untuk tetamu tanpa mengira usia, disediakan penginapan dan persekitaran selamat, bilik selesa serta luas dan pelbagai kemudahan yang sudah pasti menjadi ciri utama dititikberatkan setiap kali mencari tempat penginapan ketika bercuti.

Pengembara percutian dan mereka yang memerlukan tempat penginapan yang singkat juga boleh menjadikan rangkaian Hotel Raia sebagai pilihan terbaik.

Bagi yang sudah berkeluarga dan mempunyai anak, rangkaian hotel ini pilihan tepat kerana ia pengalaman penginapan santai seperti berada di rumah.

Hotel Raia menawarkan keseluruhan 866 bilik di lima hotelnya di seluruh negara iaitu di Hotel Raia dan Pusat Konvensyen Alor Setar, Kedah; Hotel Raia dan Pusat Konvensyen Terengganu; Hotel Raia dan Pusat Konvensyen Kuching, Sarawak; Hotel Raia Kota Kinabalu, Sabah dan Raia Inn Penang, Pulau Pinang.

### Konsep kontemporari

Hotel bertaraf empat dan tiga bintang ini dulunya dimiliki Lembaga Tabung Haji dan kini di bawah pemilikan Urusharta Jamaah Sdn Bhd dengan penjenamaan semula sebagai Hotel Raia.

Terdapat pelbagai jenis bilik tetamu yang ditawarkan iaitu jenis superior, deluxe, eksekutif dan suite yang sesuai untuk semua tetamu.

Menariknya, semua reka bentuk bilik penginapan berkonsepkan kontemporari dengan perabot bergaya moden di dalam bilik dan suite bersaiz antara 35 hingga 113 meter persegi.

Untuk menjamu selera ketika menginap, tidak menjadi masalah kerana hotel ini menawarkan aneka pilihan makanan dan minuman di kafe serta restoran di setiap rangkaian hotel.

Ruangan lobi dan pertemuan pula disediakan dengan selesa dan praktikal untuk tetamu di samping turut disediakan tempat letak kenderaan percuma.

Hotel Raia juga mesra keluarga dan warga emas, oleh itu mereka yang ingin bercuti bersama keluarga serta membawa warga emas bersama, pastinya tidak mengecewakan.

Bagi menambahkan keselesaan tetamu, hotel turut menyediakan kemudahan kerusi roda, dobi, pengangkutan ke lapangan terbang, sekuriti, khidmat bilik, stor bagasi, 'wake-up call' dan banyak lagi.

Semua lokasi Hotel Raia strategik yang mana ia berhampiran dengan lapangan terbang sekali gus memudahkan pengunjung, terutama pengembara perniagaan.

Bagi yang ingin mengadakan pelbagai acara, termasuk mesyuarat, seminar, sidang media, majlis korporat, bengkel, taklimat, hari jadi dan acara lain, hotel turut menyediakan pelbagai pilihan dewan dan ruang konvensyen yang pastinya dapat memenuhi kehendak dan merealisasikan impian tetamu.

Di Hotel Raia dan Pusat Konvensyen Kuching, ia kini semakin menjadi pilihan utama di Sarawak sebagai lokasi mengadakan acara dan konvensyen.

Dewan konvensyen di hotel berkenaan boleh memuatkan sehingga 2,800 kapastiti untuk makan malam, majlis perkahwinan dan persidangan.

Hotel Raia Kota Kinabalu menyediakan menu masakan Arab dan Mediterranean dengan ciri tempatan.

### Pencahayaan semula jadi

Menariknya, reka bentuk hotel yang unik ditambah dengan pencahayaan semula jadi dan pemandangan latar langit yang indah serta gabungan motif kontemporari Sarawak menambahkan lagi keterujaan menginap di hotel ini.

Reka bentuk bangunan hotel tujuh tingkat itu turut diinspirasikan daripada kain Pua Kumbu yang menjadi tradisi di Sarawak sebagai tarikan utama.

Ia membolehkan hotel berkenaan menerima Anugerah Reka Bentuk dan Pembinaan Hotel Baharu Terbaik Antarabangsa pada Majlis Anugerah Hartanah Antarabangsa 2017 dan 2018.

Hotel Raia dan Pusat Konvensyen Alor Setar pula menawarkan bilik yang luas dengan kolam renang serta sesuai untuk percutian bersama keluarga di bandar Alor Setar.

Malah, penginapan sedemikian sangat sesuai untuk mereka yang pulang ke kampung melawat keluarga ketika cuti sekolah atau menghadiri majlis keraian.

Di Hotel Raia dan Pusat Konvensyen Terengganu, tarikan utamanya adalah kolam renang luaran dan dalaman, 'lazy river' serta pusat konvensyen.

Hotel bertaraf empat bintang itu sangat sesuai dijadikan destinasi beristirahat bersama keluarga kerana bukan sahaja menawarkan persekitaran alam semula jadi yang menyenangkan, tetapi pelbagai aktiviti riadah yang menyeronokkan.

Mereka yang ingin merasai keenakan menu masakan Arab dan Mediterranean dengan ciri tempatan boleh mengunjungi Restoran Souq Garden di Hotel Raia Kota Kinabalu.

Menu yang harus dicuba ketika menjamu selera di restoran itu adalah Ayam Mandy dan Biryani.

Raia Inn Penang pula kini tampil dengan lebih segar dengan kemudahan moden baharu, kafe dan kawasan lobi.

Selepas kerja menaik taraf siap, kemudahan riadah yang akan ditambah adalah kolam renang, padang bola tampar pantai, zon 'paintball' dan banyak lagi untuk memberikan pengalaman baharu kepada tetamu.

Dengan kadar harga bilik dan suite yang munasabah, iaitu bermula dari RM180 semalam, tempahan bilik boleh dilakukan melalui laman sesawang rasmi Raia Hotel di www.raiahotels.com.my atau menghubungi 03- 8744 3000.

Ikuti juga Raia Hotel di Facebook dan Instagram untuk mengetahui promosi terbaru.



Hotel Raia dan Pusat Konvensyen Alor Setar menawarkan bilik yang luas.



Raia Inn Penang kini tampil dengan lebih segar.



Kolam renang menjadi tarikan utama di Hotel Raia dan Pusat Konvensyen Terengganu.

# Kadar kos bina, baik pulih rumah PPRKM dinaikkan

## Langkah bantu kontraktor tangani isu peningkatan harga bahan binaan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kabinet bersetuju menaikkan kadar kos pembinaan dan baik pulih rumah di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) yang kini sudah dijenamakan kepada Program Perumahan Rakyat Keluarga Malaysia (PPRKM).

Langkah itu bagi menangani isu kenaikan kos dalam kalangan kontraktor yang membinanya menyebabkan ada projek yang gagal disiapkan.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata kadar harga baharu bagi projek bina PPRKM dinaikkan daripada RM56,000 kepada RM66,000 seunit di Semenanjung.

"Bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dinaikkan daripada RM68,000 kepada RM79,000 seunit.

"Bagi projek baik pulih rumah PPRKM pula, dinaikkan pada kadar maksimum RM15,000 di Semenanjung. Sementara di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, kadar maksimumnya adalah RM17,000," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perhimpunan Bulan September 2022 kementeriannya di Wisma FELCRA, semalam.

Turut sama hadir, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad serta Pengerusi FELCRA, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub.

Sebelum ini, kadar program baik pulih rumah PRKM di Semenanjung adalah RM13,000 dan RM15,000 di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

### Keuntungan mencukupi

Mengulas lanjut, Mahdzir berkata, kenaikan harga itu akan membantu pihak kontraktor PPRKM menangani isu peningkatan kos bahan binaan yang menyebabkan mereka gagal menyiapkan projek berikutan ketiadaan margin keuntungan kerja.

"Kenaikan ini juga bagi mengekang peningkatan harga bahan binaan yang perlu ditanggung oleh kontraktor, terutama sejak Mei lalu.

"Kita berharap kontraktor PPRKM boleh meneruskan projek mereka selepas ini kerana margin keuntungan dijamin mencukupi dengan nilai baharu yang diluluskan itu," katanya.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sebelum ini sudah meluluskan permohonan bina baharu rumah PPRKM sebanyak 2,153 unit dan baik pulih sebanyak 11,892 buah rumah.

"Keputusan ini diambil sebagai langkah proaktif kerajaan bagi mengimbangi keperluan khususnya golongan miskin dan miskin tegar di luar bandar untuk menerima bantuan rumah yang selamat dan selesa seiring dengan konsep Keluarga Malaysia yang ambil cakna akan keperluan rakyat," katanya.

Pada majlis sama, Mahdzir turut menyampaikan replika kunci rumah PPRKM yang siap dibina kepada 10 penerima, selain Anugerah Pelajar Cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Anak FELCRA 2021, Anugerah Peningkatan Produktiviti Estet PadiMusim 1/2022 dan Anugerah Khidmat Setia FELCRA.

Dalam pada itu, ketika diminta mengulas mengenai fokus KPLB dalam Belanjawan 2023, beliau berkata kementeriannya akan terus menumpukan usaha meningkatkan prasarana rakyat di luar bandar meliputi aspek jalan, bekalan elektrik dan sebagainya.

*Projek bina PPRKM dinaikkan daripada RM56,000 kepada RM66,000 seunit di Semenanjung.* (Foto hiasan)

ebp
ECO BUSINESS PARK V
RUANG ANDA... UNTUK APA SAJA YANG ANDA IDAMKAN.
Memperkenalkan rangkaian produk perindustrian kami yang direka untuk setiap keperluan perniagaan anda. Pilih antara West Gate, North Gate atau Central Gate, masing-masing dengan ciri yang unik dan tersendiri. Dilengkapi kemudahan bertaraf dunia berkonsepkan teknologi hijau masa depan serta elemen dan kemudahan premium, tingkatkan usaha anda ke tahap yang lebih tinggi di Eco Business Park V.
WEST GATE | Tanah Perindustrian 3 - 20 Ekar
NORTH GATE | Tanah Perindustrian 1 Ekar
CENTRAL GATE | PELANCARAN BAHARU! Tanah Perindustrian 1 Ekar
+603 3270 2525
www.ecoworld.my
ECOWORLD

D'CARLTON HEIGHT / TAMAN BUKIT SKUDAI (FASA 1)
MUKIM PULAI, JOHOR BAHRU
TELEVISYEN LITAR BERTUTUP, BERPAGAR & BERPENGAWAL / TAMAN RIADAH DAN PERMAINAN
Rumah Kluster 3 Tingkat
Jumlah Baki Unit Bumiputera : 22 Unit
Harga Rumah : RM866,000.00 sehingga RM 946,000.00 (sebelum diskaun)
Keluasan Tanah : 2,241 k.p sehingga 3,467 k.p.
Keluasan Binaan : 3,271 k.p. sehingga 3,295 k.p.
Diskaun 15% untuk Bumiputera
Pembeli Bumiputera perlu rujuk ke laman web SUKJ Perumahan - erumah.johor.gov.my
GST REALTY SDN BHD



# Lokman Adam diperintah padam semua video

## Mahkamah benarkan permohonan sebelah pihak Ismail Sabri

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi semalam, memerintahkan Datuk Lokman Noor Adam, memadamkan semua video di media sosial mengandungi kenyataan fitnah terhadap Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Peguam Ismail Sabri, Ragunath Kesavan, berkata ini selepas Pesuruhjaya Kehakiman Roz Mawar Rozain, membenarkan permohonan 'ex-parte' (sebelah pihak) dikemukakan Ismail Sabri selaku plaintif, terhadap Lokman yang juga bekas Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO, sebagai defendan.

### Keluar perintah injunksi

Katanya, mahkamah mengeluarkan perintah injunksi memaksa defendan mengeluarkan video bertajuk 'Bila Presiden UMNO Panggil Tak Datang! Tapi PM (Perdana Menteri) Ada Masa Jumpa Mahathir (bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad) - Lokman Adam'.

"Video itu dimuat naik di akaun YouTube, Facebook, Instagram dam TikTok defendan. Mahkamah juga mengeluarkan perintah injunksi untuk menghalang defendan sama ada secara sendiri atau ejennya, daripada membuat kenyataan serupa di media sosial atau apa-apa laman web lain milik defendan.

"Perintah 'ex-parte' dikeluarkan hari ini (semalam), hingga pendengaran 'inter-parte' (dua pihak) pada 26 September ini," katanya ketika ditemui pemberita selepas prosiding dalam kamar di hadapan Roz Mawar.

Terdahulu, media melaporkan Ismail Sabri, memfailkan saman terhadap Lokman kerana memuat naik video mengandungi kenyataan berniat jahat, fitnah dan tidak benar terhadap Perdana Menteri.

Ismail Sabri, 62, yang juga Naib Presiden UMNO, selaku plaintif memfailkan saman itu atas kapasiti peribadinya menerusi Tetuan Kesavan pada 8 September lalu, dengan menamakan Lokman, 49, sebagai defendan.

Kenyataan fitnah itu antara lain membawa maksud plaintif berjumpa Dr Mahathir dan merancang atau berniat untuk merancang dengan bekas Perdana Menteri itu, serta parti politik lain bertentangan dengan UMNO.

Ia untuk kekal sebagai Perdana Menteri dengan membelakangkan dan mengkhianati parti itu.

Satu surat tuntutan bertarikh 25 Ogos lalu, juga dikeluarkan supaya defendan memadam video daripada media sosialnya dan mengeluarkan permohonan maaf kepada plaintif, namun hingga kini Lokman gagal berbuat demikian.

Oleh itu, plaintif menuntut ganti rugi am, teladan, tambahan, faedah, kos serta relif lain difikirkan sesuai oleh mahkamah.

### Buat hantaran jelik

Pada 1 September lalu, Lokman didakwa di Mahkamah Sesyen, atas dua tuduhan membuat hantaran jelik terhadap kerajaan dan Ismail Sabri.

Bagaimanapun, Lokman, 49, mengaku tidak bersalah selepas tuduhan itu dibacakan oleh jurubahasa di hadapan Hakim Nor Hasniah Ab Razak.

Mengikut kertas pertuduhan, Lokman membuat dan memulakan penghantaran bersifat jelik menggunakan Facebook atas nama profil 'Lokman Noor Adam Official' dengan niat untuk menyakitkan hati, pada jam 11.16 malam dan 10.28 malam, 20 dan 22 Ogos lalu.

Kes 1MDB

# 46 cek RM10.3j dikeluarkan pada 2011

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Najib Razak mengeluarkan 46 keping cek berjumlah RM10.3 juta bagi membuat pembayaran kepada pelbagai pihak membabitkan beberapa individu termasuk bekas menteri, UMNO bahagian, yayasan, syarikat dan hotel pada 2011.

Perkara itu disahkan saksi ke-37 pendakwaan iaitu Pengurus Cawangan Ambank (M) Berhad Jalan Raja Chulan, R Uma Devi ketika dirujuk kepada dokumen penyata akaun persendirian Najib dengan nombor akaun berakhir 964.

Menurut saksi itu yang dirujuk kepada dokumen berkenaan oleh Timbalan Pendakwa Raya Najwa Bistamam, antara penerima individu cek itu ialah bekas Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab Aziz Kaprawi yang menerima RM100,000 dan bekas Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Jacob Dungau Sagan, berjumlah RM200,000.

Antara parti politik yang menerima cek daripada akaun persendiriannya pula ialah UMNO Bahagian Tun Razak dan UMNO Bahagian Indera Mahkota masing-masing berjumlah RM200,000.

Pembayaran melalui cek turut dibuat ke atas beberapa syarikat, antaranya Jakel Trading berjumlah RM360,000, Institut Terjemahan Negara Malaysia Bhd (RM966,000), Semarak Konsortium Satu Sdn Bhd (RM2.2 juta), dan ORB Solutions Sdn Bhd (RM2.45 juta) dan Shangri-La Hotel Kuala Lumpur (RM395,782).

Sementara itu Yayasan Tun Razak pula menerima pembayaran daripada bekas Perdana Menteri itu berjumlah RM2 juta.

Uma Devi berkata, Najib turut menerima faedah sebanyak RM1.25 juta melalui pembayaran yang dikreditkan ke dalam akaun persendiriannya itu pada tahun sama melalui 11 transaksi antara Februari hingga Disember 2011.

Saksi turut mengesahkan terdapat beberapa kemasukan wang faedah dengan jumlah yang diterima berbeza-beza mengikut baki semasa akaun pada setiap bulan.

Katanya, akaun terbabit dibuka pada 13 Januari 2011 dan ditutup pada 30 Ogos 2013.

Uma Devi juga mengesahkan Najib tidak pernah membuat aduan kepada AmIslamic Bank mengenai transaksi dalam akaun persendirian miliknya.

Ketika disoal dengan soalan tambahan oleh Timbalan Pendakwa Raya Kanan, Datuk Seri Gopal Sri Ram, Uma Devi berkata, semua pelanggan bank itu akan menerima penyata akaun mereka pada setiap bulan.

Sri Ram kemudian menyoal saksi ke-37 pendakwaan itu sama ada Najib pernah membuat aduan mengenai akaun persendiriannya dari 2015 hingga 2018, yang dijawab Uma Devi, "tidak".

"Sepanjang pengetahuan saya, malah dalam perbicaraan penyelewengan dana SRC International Sdn Bhd, tidak ada sebarang pertikaian atau aduan mengenai akaunnya," katanya.

Sri Ram: **Bagaimana kes 1MDB. Adakah jawapan itu sama?**
Uma Devi: Ya.

Sri Ram: **Kamu pernah beri keterangan sebelum ini dalam kes SRC?**
Uma Devi: Ya.

Sri Ram: **Boleh kamu sahkan bahawa keterangan kamu diterima di semua peringkat mahkamah (Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan)?**
Uma Devi: Ya.

Najib, 69, menghadapi empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion dalam dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah wang sama.

> "Najib turut menerima faedah sebanyak RM1.25 juta melalui pembayaran yang dikreditkan ke dalam akaun persendiriannya itu pada tahun sama melalui 11 transaksi antara Februari hingga Disember 2011"
>
> *R Uma Devi, Saksi*

# Bekas renjer ATM menang saman RM300,000

**Kota Bharu:** Mahkamah Tinggi di sini, semalam memutuskan bahawa penahanan dalam lokap terhadap bekas anggota tentera oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) selama 311 hari pada 2014 adalah salah.

Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Mohamad Abazafree Mohd Abbas mengarahkan Mohamad Maliki Abdul Halim, 35, diberi ganti rugi am, khas, teladan teruk secara global sebanyak RM300,000.

Beliau turut mengarahkan defendan membayar kos guaman RM30,000.

Dalam penghakimannya, Mohamad Abazafree berkata, penahanan yang dibuat terhadap plaintif adalah tidak sah.

"Mahkamah mendapati berlaku kepincangan dalam prosedur tindakan tatatertib terhadap plaintif yang dibuat secara 'semberono'.

"Mahkamah juga mendapati berlaku salah guna kuasa oleh defendan selain disifatkan tidak bertanggungjawab sehingga plaintif sehingga dinafikan hak untuk bersama keluarga serta kehidupan bebas," katanya, semalam.

### Fail saman pada Mei 2018

Mohamad Maliki diwakili peguam, Shaharuddin Mohamed, manakala defendan diwakili peguam, Norfauzani Mohd Noordin.

Beliau memfailkan saman pada Mei 2018 dengan menamakan Pegawai Memerintah Batalion Ke-5 Rejimen Renjer Diraja, Leftenan Kolonel Shifullizan Abd Aziz; pihak berkuasa sidang Panglima Bridged Kelapan Infantri Malaysia; Panglima Angkatan Tentera dan Kerajaan Malaysia sebagai defendan.

Menerusi penyataan tuntutan itu, satu operasi pencegahan dadah dilakukan terhadap 26 anggota termasuk plaintif pada Mac 2014 dan hasil operasi itu, sembilan anggota termasuk plaintif positif dadah.

Plaintif dibicarakan dan tidak mengaku bersalah di Mahkamah Tentera sebelum dikenakan tahanan ketat dengan diletakkan di dalam bilik lokap selama 250 hari sehingga 8 April 2015.

Plaintif ketika itu bertugas sebagai anggota Renjer Batalion 5 Rejimen Renjer Diraja Kem Desa Pahlawan.

Mohamad Maliki ketika ditemui bersyukur kerana perjuangan selama empat tahun akhirnya memihak kepadanya.

Bapa kepada lima orang anak berusia enam hingga 12 tahun itu berkata, berat ujian yang dialami sejak 2014 iaitu selain ditahan, dia dan isteri juga bercerai dan kini berjauhan dengan anaknya.

## Peniaga didakwa terima deposit RM876,375

**Sik:** Seorang peniaga dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas 22 pertuduhan menerima deposit berjumlah keseluruhan RM876,375 tanpa lesen sah, sejak April lalu.

Tertuduh, Norsyazwany A Rahim, 23, dari Kampung Landak Hilir, Kupang, Baling, bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan yang dikemukakan terhadapnya di hadapan Hakim, Najwa Che Mat.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa menerima deposit daripada 22 individu secara berasingan, berjumlah antara RM2,500 hingga RM489,000 tanpa lesen sah, mengikut Seksyen 10, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Akta 758).

Dia didakwa mengikut Seksyen 137(1) akta sama, yang jika sabit kesalahan boleh dipenjara hingga maksimum 10 tahun atau denda maksimum RM50 juta atau kedua-duanya sekali.

Pihak pendakwaan meminta mahkamah menetapkan jaminan RM214,000 ke atas tertuduh bagi semua pertuduhan.

# 'Najib diberi ubat sama ketika dalam rawatan HKL'

### KKM perjelas dakwaan alahan teruk dialami bekas PM

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bnnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) menjelaskan, bahawa bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, diberikan jenis ubat yang sama, dipreskripsi sebelum ini seperti ketika beliau menerima rawatan dalam Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ubat yang diberikan adalah yang sama jenisnya dan berada dalam senarai ubatan KKM.

"Keadaan beliau juga sihat sebelum dibenarkan discaj daripada HKL. KKM komited dan telus dalam pemberian perkhidmatan kesihatan kepada mana-mana individu, namun pada masa yang sama mempunyai tanggungjawab mematuhi tata etika kerahsiaan pesakit mengikut Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012).

"Sebarang maklumat terperinci mengenai kesihatan seseorang pesakit boleh dikemukakan, sekiranya diarahkan oleh mahkamah," katanya dalam satu kenyataan petang semalam.

> Keadaan beliau juga sihat sebelum dibenarkan discaj daripada HKL. Pada masa yang sama, KKM mempunyai tanggungjawab mematuhi tata etika kerahsiaan pesakit mengikut Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)
>
> *Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan*



**Didakwa alami kesan teruk**

Terdahulu, Najib dirujuk ke Hospital Kajang petang semalam, selepas dikatakan mengalami kesan teruk berikutan ubat darah tinggi baharu yang diambilnya.

Keadaan itu dimaklumkan Timbalan Pendakwa Raya Datuk Seri Gopal Sri Ram pada prosiding perbicaraan penyelewengan dana RM2.3 bilion milik 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dihadapi Najib di Mahkamah Tinggi pagi semalam.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, Najib dimasukkan HKL pada Jumaat lalu sebagai kes elektif (bukan kecemasan) untuk memastikan kesihatan beliau berada pada tahap yang baik dan optimum.

"Ketika itu, pemeriksaan dan ujian berkaitan dijalankan pakar perunding kanan bertauliah yang terdiri daripada ketua perkhidmatan klinikal bagi bidang masing-masing.

"HKL juga mengadakan sidang keluarga *(family conference)* sebanyak dua kali yang dihadiri mantan Perdana Menteri itu dan ahli keluarganya," katanya.

Beliau berkata, keputusan ujian sudah dimaklumkan ketika sidang terbabit mengikut amalan profesional kedoktoran dan mereka turut dimaklumkan mengenai keputusan sebulat suara pakar perunding agar beliau dibenarkan untuk didiscaj daripada HKL.


LUMI

Berita untuk SEMUA rakyat Malaysia





Imbas untuk cuba aplikasi Lumi News



Ikuti laman media sosial kami @luminews.my

Lumi Global Sdn Bhd (1407575-K)





BH BeritaHarian



Memacu 65 tahun Berita Harian

65 tahun BH menyalurkan **berita, maklumat dan ilmu** bagi membantu pengisian kemerdekaan, pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat

Bergerak ke hadapan, BH sebagai media **rujukan massa, bebas dan berkecuali** dengan liputan dan laporan berimbang, adil dan tepat

Membantu pembinaan negara bangsa, BH sebagai **semak dan imbang serta mendukung demokrasi sihat** berasaskan Perlembagaan dan prinsip Rukun Negara

The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (4485-H)

# PPZ–MAIWP, PTPTN jalin kerjasama

## Usaha galak pembayar zakat sedia simpanan pendidikan anak

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) semalam, memeterai memorandum persefahaman (MoU) bersama Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

MoU itu antara lain bagi kerjasama menjalankan program kesedaran mengenai kepentingan membayar zakat dan penabungan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dalam kalangan ibu bapa atau penjaga, remaja dan kanak-kanak Islam di Wilayah Persekutuan.

Pengerusi PPZ-MAIWP, Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman, berkata kerjasama strategik ini bertujuan menggalakkan pembayar zakat PPZ-MAIWP dan pendeposit akaun Simpan SSPN Prime mendidik anak mereka mengenai kewajipan membayar zakat.

"Di samping meningkatkan tahap kesedaran menabung bagi tujuan pendidikan serta mengoptimumkan potensi dan keberhasilan zakat merangkumi aspek kutipan, pengurusan zakat wakalah dan agihan zakat," katanya pada majlis itu di sini. Turut hadir Pengerusi PTPTN, Apli Yusoff.

Pada majlis MoU itu, PPZ-MAIWP diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Abdul Hakim Amir Osman, manakala PTPTN diwakili Ketua Eksekutifnya, Ahmad Dasuki Abdul Majid.

### Lebih banyak kerjasama

Abdul Aziz berkata, PPZ-MAIWP tidak mungkin mampu untuk meningkatkan kutipan zakat saban tahun tanpa sokongan kerajaan dan swasta.

"MoU ini bukan sekadar permulaan strategik antara dua organisasi, tetapi sebagai pendorong kepada lebih banyak pembabitan kerjasama pada masa akan datang.

"Penyatuan kepakaran dimiliki setiap pihak mampu memberi pelbagai manfaat kepada masyarakat, khususnya mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat," katanya.

Sementara itu, Apli berkata, menjadi misi utama PTPTN untuk mengajak masyarakat memulakan simpanan seawal usia, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman.

Beliau berkata, kerjasama dengan PPZ-MAIWP dilihat tepat pada masanya sebagai satu usaha proaktif PTPTN meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan penabungan demi masa depan pendidikan yang terjamin.

"Kerjasama strategik dilaksanakan bersama PPZ-MAIWP ini diharapkan dapat membantu masyarakat khususnya pembayar zakat di Wilayah Persekutuan untuk mempunyai pengurusan kewangan yang baik menerusi tabungan awal dalam Simpan SSPN Prime demi masa depan pendidikan anak yang lebih terjamin," katanya.

Ahmad Dasuki (kiri) dan Abdul Hakim pada majlis memeterai MoU sambil disaksikan Apli (dua dari kiri) dan Abdul Aziz, di Kuala Lumpur, semalam.

Pada majlis itu, turut diadakan Pelancaran Kempen Skim Didik Zakat & Simpan SSPN Prime (DZAS) yang berlangsung selama setahun, bermula 1 September 2022 hingga 31 Ogos 2023 tertakluk kepada 5,000 peserta terawal.

Kempen itu terbuka kepada ibu bapa atau penjaga yang mempunyai anak berumur 15 tahun ke bawah dan perlu menunaikan zakat harta mengikut kadar sebenar jumlah taksiran atau membayar serendah RM100 setiap seorang di PPZ-MAIWP dalam tempoh kempen berlangsung.

Peserta akan menerima insentif sumbangan pendidikan PPZ-MAIWP bernilai RM100 seorang setiap tiga tahun dan didepositkan terus ke akaun Simpan SSPN Prime sehingga anak (penerima manfaat) berumur 18 tahun dengan syarat akaun itu tidak ditutup sehingga anak peserta Skim DZAS mencapai umur itu.

Selain itu, PPZ-MAIWP dan PTPTN menaja pembukaan akaun atau penambahan deposit Simpan SSPN Prime berjumlah RM20 setiap peserta bagi 3,000 peserta terawal.

Sumbangan Skim Kafalah Muzakki (khairat kematian) sehingga RM3,000 kepada waris sekiranya kematian peserta dan lain-lain keistimewaan yang disediakan oleh PPZ-MAIWP dan PTPTN untuk pendeposit Akaun Simpan SSPN Prime.

Untuk menyertai kempen, pelanggan hanya perlu mengisi borang penyertaan Skim DZAS secara dalam talian di dzas.zakat.com.my.


HAK MILIK KEKAL
LOT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL
SEDIA UNTUK BEROPERASI
PLATINO AVENUE
KEDAI PEJABAT 5 TINGKAT
Taman Bukit Mewah (Fasa 2)
(SUKJ.P. 606/02/3050)
Jumlah Baki Unit Bumiputera: 24 unit
Luas Tanah: 1,507 kps (Min) – 1,905 kps (Maks)
Luas Binaan: 1,507 kps (Min) – 1,905 kps (Maks)
Harga Jualan RM767,720 (Min) – RM1,523,370 (Maks)*
*Harga selepas 15% diskaun bumiputera
Permohonan bumiputera boleh dibuat melalui Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor:
erumah.johor.gov.my
07-2666260/261/262
Koordinasi GPS
U1°514'617" T103°686'304"
+607-290 7888
ioiproperties.com.my
Imbas kod ini untuk mengetahui lebih lanjut
IOI PROPERTIES Trusted
IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA



SETIA NEXUS
TAMAN INDUSTRI JAYA
LOT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL
HAKMILIK KEKAL
TAMAN INDUSTRI JAYA
Harga Selepas Diskaun 15% Untuk Bumiputera
Industri Sesebuah 2 Tingkat
Jumlah unit Bumiputera: 2 unit
Harga Bumiputera Daripada
RM 2,639,250 min. RM 2,639,250 maks.
Luas Binaan: 6,826 kp (min.) - 7,558 kp (maks.)
Taman Industri Jaya
Lokasi GPS:
N01°29'45.481" E103°38'33.157"
Pembeli bumiputera perlu rujuk ke website PKPJ:
www.erumah.johor.gov.my
Stay Together. Stay Setia
livelearnworkplay
+6012 241 2725
www.spsetia.com
Biltmore (M) Sdn. Bhd. 198401012737 (125293-X)
No. 6, Jalan Bistari 13, Taman Industri Jaya,
81300 Skudai, Johor Darul Takzim, Malaysia.
Fax: +607-357 9923
Setia





wowshop
SAMA SAMA WOW
Produk WOW Hari Ini!
Saksikan siaran langsung 8:30 Pagi di 9
+5% WOW Cashback
Rak Tanpa Bolt 4 Tingkat Hyperack
RM99
tonton Freeview 8.30PG, 9.30PG, 10.30PG, 11.30PG, 1.00TGH
App Store Google play 1800-18-0808 www.wowshop.com.my
Wowshop Sdn Bhd 201601005538 (1176464-x)


*Kebakaran di bengkel kenderaan IPK Kedah pada awal pagi semalam bukan disebabkan khianat.* (Foto ihsan bomba)

# 10 kereta, lima motosikal berkuasa besar polis terbakar

## Kejadian akibat litar pintas, empat anggota berjaya selamatkan diri

Oleh Zuliaty Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

**Alor Setar:** Sekurang-kurangnya 10 kereta dan lima motosikal berkuasa besar musnah dalam kebakaran bengkel Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah, di sini, semalam.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah, Mohamadul Ehsan Mohd Zain, berkata Pusat Gerakan Operasi JBPM Kedah menerima panggilan berhubung kebakaran pada jam 4.53 pagi semalam.

Beliau berkata, sepasukan pegawai dan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Alor Setar, BBP Jalan Raja dan dua Pasukan Bomba Sukarela (PBS) dari Jalan Kundor dan Seberang Nyonya bergegas ke tempat kejadian.

"Terdapat 10 kereta dan lima unit motosikal berkuasa besar terbakar," katanya di sini.

**Tiada unsur jenayah**

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Kedah, Datuk Mohd Roze Shaari, berkata tiada unsur jenayah atau perbuatan khianat dalam kejadian berkenaan.

Katanya, siasatan awal dari JBPM Kedah mendapati kebakaran berlaku akibat litar pintas.

Beliau berkata, 10 kenderaan dalam bengkel dan lima motosikal berkuasa besar itu milik Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang dibaiki dan diselenggara.

"Kepantasan Bomba ketika api sedang marak berjaya menyelamatkan stor simpanan senjata yang terletak berhampiran bengkel ini, selain pejabat yang menyimpan fail dan dokumen penting PDRM.

"Saya dimaklumkan ada berlaku beberapa letupan kecil sebelum kebakaran dan kita menyiasat perkara itu.

"Empat anggota yang bertugas di bengkel itu berjaya menyelamatkan diri," katanya.

Mohd Roze berkata, bangunan bengkel berusia lebih 40 tahun.


*Mohd Roze (kanan) bersama Pengarah JBPM Kedah, Penolong Kanan Pesuruhjaya Bomba, Sayani Saidon melawat lokasi kebakaran di bengkel kenderaan IPK Kedah, semalam.* (Foto Zuliaty Zulkiffli/BH)

# Amah larikan barang kemas majikan diburu

**Bukit Mertajam:** Polis sedang mengesan seorang pembantu rumah wanita warga asing dipercayai melarikan diri bersama sejumlah barang kemas bernilai RM69,000 kepunyaan majikannya di Taman Bukit, di sini, Khamis lalu.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Assisten Komisioner Tan Cheng San, berkata polis menerima laporan yang dibuat seorang doktor berusia 33 tahun memaklumkan pembantu rumahnya berusia 27 tahun melarikan diri.

"Pengadu tampil membuat laporan polis selepas isterinya yang juga berusia 33 tahun menyedari ketiadaan pembantu rumah mereka kira-kira jam 6 pagi Selasa lalu.

"Ketika itu (semasa buat laporan polis) pengadu dan isterinya tidak menyangka terdapat barang kemas yang disimpan dalam almari berkunci di sebuah bilik rumah mereka turut dilarikan pembantu rumah terbabit.

"Ia hanya disedari isterinya selepas dua hari pengadu membuat laporan polis, ketika isteri mahu memakai barang kemas berkenaan, tetapi sudah tiada," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seberang Perai Tengah, di sini, semalam.

Beliau berkata, pemeriksaan polis ke atas almari di rumah mangsa tidak menemui sebarang kesan umpil yang dipercayai suspek mempunyai kunci bagi membuka almari itu.

"Dalam almari itu terdapat dua gelang emas, lima rantai emas, empat subang dan loket yang keseluruhannya bernilai RM69,000.

"Berdasarkan kamera litar tertutup (CCTV) yang dikesan di rumah jiran mangsa mendapati suspek melarikan diri kira-kira jam 1 pagi pada hari kejadian dan ada sebuah kereta mengambil suspek yang kita turut dalam usaha menjejaki kenderaan berkenaan.

"Menurut mangsa, suspek bekerja dengan mereka selama tiga bulan tanpa menggunakan khidmat ejen.

"Di rumah terbabit hanya ada mangsa (pasangan suami isteri serta dua anak mereka berusia empat dan tujuh tahun," katanya.

**Masih dalam negara**

Cheng San berkata, suspek dikenali sebagai Eka Lestari melarikan diri bersama passport dan polis percaya dia masih berada dalam negara dan usaha menjejaki wanita itu kini sedang giat dilakukan polis.

"Polis membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 381 Kanun Keseksaan berhubung kes ini.

"Siasatan lanjut masih diteruskan dan sebarang maklumat yang ingin dimaklumkan boleh berhubung dengan Inspektor Mohamad Suhaimi Ismail ditalian 019-2909231," katanya.


*Cheng San (tengah) menunjukkan gambar pembantu rumah warga asing yang dipercayai melarikan barang kemas RM69,000 pada sidang media di IPD Seberang Perai Tengah, semalam.* (Foto Nur Izzati Mohamad/BH)



# Suami isteri kayuh basikal sampaikan ceramah motivasi

## Pasangan keliling Semenanjung selama 3 bulan, singgah di lebih 30 sekolah beri inspirasi

**Kuala Lumpur:** Pasangan suami isteri, Ahmad Mohd Isa, 34, dan Noradilah Mohd Sapie, 35, melakukan kayuhan basikal mengelilingi Semenanjung selama tiga bulan, bagi menyampaikan ceramah motivasi di sekolah, institusi pendidikan dan rumah anak yatim.

Ahmad berkata, kayuhan Jiwa Kembara Jelajah Malaysia itu bermula di Sabak Bernam, Selangor pada 30 Julai lalu dan singgah lebih daripada 30 sekolah di Perak, Kedah, Pulau Pinang, Perlis, Kelantan dan Terengganu.

"Kayuhan kami kali ini lebih kepada perkongsian cerita kami berbasikal dari Malaysia ke Makkah pada 2017 selama 15 bulan supaya dapat dijadikan inspirasi dan tidak berputus asa dalam mencapai cita-cita mereka.

"Penat lelah kami berkayuh hilang apabila dapat berjumpa dan berkongsi kisah realiti pengembaraan kami," katanya.

**Wakaf buku**

Pada April 2016, Ahmad dan Noradilah berbasikal ke Tanah Suci Makkah sejauh 14,000 kilometer bermula dari Kuala Lumpur dan merentasi 14 negara antaranya Thailand, Myanmar, Nepal, India Uzbekistan, Afghanistan, Iran, China, Emiriah Arab Bersatu dan tiba di Arab Saudi pada tahun berikutnya, bagi menunaikan umrah.

Ahmad berkata, melalui misi itu, beliau dan isteri mewakaf sejumlah buku *Ustazah Basikal* di setiap sekolah disinggahi, iaitu novel ditulis sendiri mengenai kisah mereka sepanjang pengembaraan dari Malaysia ke Makkah.

"Sebelum memulakan projek ini, saya membuka peluang kepada individu untuk bersedekah melalui pembelian buku *Ustazah Basikal* yang akan disumbangkan ke sekolah," katanya.

Ahmad yang juga pengasas Jiwa Kembara iaitu sebuah agensi pelancongan berkata, beliau memperuntuk seminggu untuk berada di setiap negeri yang dijelajah, bagi merancang jadual antara sesi motivasi di sekolah dan sesi kayuhan. BERNAMA


*Ahmad dan Noradilah melakukan kayuhan Jiwa Kembara Jelajah Malaysia mengelilingi Semenanjung bagi menyampaikan ceramah motivasi di sekolah, institusi pendidikan dan rumah anak yatim.* (Foto BERNAMA)

# Remaja tiada dokumen diri hidup bagai pelarian

**Kota Bharu:** Hidup seorang remaja seakan-akan pelarian kerana sepanjang 16 tahun, dia tiada dokumen pengenalan diri.

Kedua-dua ibu bapa Mohamad Haffiq Hariry Shah Md Herman Shah, 16, sudah bercerai ketika remaja itu bayi dan kelahiran tidak didaftarkan.

Dia sebelum ini menetap bersama ibu dan neneknya di Felda Bukit Kajang, Pahang dan hanya bersekolah sehingga Tahun Lima kerana tiada dokumen pengenalan diri, sekali gus menghalangnya daripada meneruskan persekolahan.

Mohamad Haffiq berkata, ibunya pernah cuba untuk membuat pendaftaran kelahiran dan kad pengenalan namun gagal berikutan tiada dokumen diperlukan, iaitu sijil nikah ibu bapa.

"Saya difahamkan ibu dan ayah berkahwin di Thailand dan tidak mendaftarkan pernikahan mereka di negara ini.

"Tidak lama selepas saya dilahirkan, mereka bercerai dan saya dibawa ibu pulang ke kampung halaman di Pahang," katanya.

Mohamad Haffiq kini baru beberapa bulan menetap bersama nenek sebelah bapanya di Kampung Padang Enggang, di sini, dan bekerja sebagai mekanik bersama bapa saudaranya.

Katanya, dia memerlukan MyKad kerana untuk urusan rasmi dan bukti sebagai warganegara Malaysia.

Sementara itu, neneknya, Zainab Husin, 62, berkata, mereka sekeluarga sudah beberapa kali cuba menyelesaikan masalah cucunya itu namun masih belum berhasil.

"Dokumen paling penting ialah sijil nikah yang tiada kerana mereka berkahwin di Thailand dan tidak didaftarkan di sini.

"Kami juga pernah ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian iaitu hospital cucu dilahirkan untuk mendapatkan rekod kelahirannya namun dimaklumkan hanya ibu atau bapa berhak mengambilnya," katanya.


*Mohamad Haffiq Hariry Shah menunjukkan borang untuk pendaftaran sijil kelahiran dan kad pengenalan ketika ditemui di Kampung Padang Enggang, Kota Bharu.* (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

ASIAWATER
7-9 DEC 2022
PUSAT KONVENSYEN KUALA LUMPUR MALAYSIA
www.asiawater.org
Co-located Event: AWARE
Tingkatkan Kesedaran jenama anda bersama kami
Imbas Kod QR untuk mengambil bahagian
Imbas Kod QR untuk melawat
Telah mencapai 85% jumlah Tempahan Ruangan Pameran
Merangkul ESG ke arah Kelestarian Air
Dianjurkan oleh informa
Diperakui oleh
Disokong oleh SPAN
IACRR
Syarikat Penerbangan Rasmi malaysia firefly
Renewable Electricity
Informa Markets Malaysia Sdn. Bhd.

PAKAT MAGHI KE




7 & 8 OKTOBER 2022

KOMPLEKS SUKAN NEGERI TERENGGANU, KUALA NERUS

MULAI 8 PAGI

*Pelbagai tawaran istimewa dan barangan percuma kepada pengunjung!*

*Bawalah keluarga dan rakan-rakan untuk alami keriangan dan keseronokan ini!*

• Belon Udara Panas • Booth Peniaga & Pempamer
• Sesi Bertemu Peminat • Jualan • Makanan & Minuman
• Konsert • dan banyak lagi!

www.jomheboh.com.my

@jomhebohofficial

#KarnivalJomHeboh #KJH

Jom sertai kami!

info@jomheboh.com.my | 017-967 4047

Media Prima Omnia Sdn Bhd (436623-M)







# Semak sebelum beli kian jadi amalan

## Golongan ibu semakin bijak guna internet dapat maklumat belian e-dagang

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Golongan ibu di beberapa negara termasuk Malaysia, Thailand, Singapura, Indonesia dan Filipina, semakin bijak menggunakan kemudahan internet apabila mereka sering membuat semakan terlebih dahulu sebelum membeli sesuatu barangan.

Laporan Digital Mum Survey (DMS) yang dilakukan oleh *theAsianparent*, iaitu platform kandungan dan komuniti terbesar di Asia Tenggara untuk ibu bapa yang kini mencecah 35 juta pengguna setiap bulan.

Seramai 3,014 ibu mengambil bahagian tinjauan dalam talian dikendalikan, pada tiga bulan pertama tahun ini.

Penganalisis Cerapan Pengguna Serantaunya, Jeremy Chang, berkata laporan tahun ini mendapati ibu membuat semakan bagi membantu mereka membuat keputusan sebelum membeli dalam talian.

Katanya, semakan secara menyeluruh itu termasuk melihat artikel di laman web, membuat perbandingan harga antara penjual dan platform serta membaca komen artikel dan maklum balas berkaitan produk.

"Tinjauan menunjukkan ibu membaca sekurang-kurangnya tiga artikel ketika membuat semakan sesuatu produk.

"Ibu di Malaysia membaca hampir seluruh artikel, diikuti Singapura, manakala di Thailand dan Indonesia membaca sejumlah artikel yang sama, manakala ibu di Filipina paling rendah membaca artikel produk," katanya.

Beliau berkata, laporan menunjukkan ibu sudah sebati dengan beberapa aplikasi media sosial dan selesa dengan pembelian dalam talian walaupun untuk barangan yang biasanya tidak dibeli secara fizikal.

Kategori barangan dibeli seperti peralatan rumah, perabot, produk bayi, kosmetik, penjagaan peribadi dan barangan elektronik menjadi item paling popular dibeli di laman e-dagang.

"Sebanyak 63 peratus ibu membeli pakaian bayi dalam talian; lampin pakai buang (54 peratus); keperluan penting penjagaan bayi seperti minyak, krim dan syampu (53 peratus); aksesori kediaman seperti linen, kabinet, dan tilam (51 peratus); pakaian dewasa (45 peratus); produk penjagaan kulit (47 peratus) dan suplemen kesihatan (31 peratus)," katanya.

### Ikuti perkembangan semasa

Mengulas lanjut Jeremy berkata, pihaknya turut mendapati ibu menikmati sesi membaca tentang perkembangan semasa dan kisah peribadi di media sosial dengan topik nombor satu yang dicari adalah tips keibubapaan.

Katanya, ibu dari lima negara berkenaan dilihat memilih untuk membaca dan belajar daripada pengalaman ibu bapa lain.

"Ibu juga dilihat suka belajar lebih dan mendapat inspirasi daripada tips pendidikan atau fakta serta ucapan berinspirasi.

Mereka juga suka ketawa melihat lawak jenaka serta turut menggemari kandungan berkaitan percutian, pertandingan dan hadiah percuma," katanya.

Beliau berkata, tinjauan itu juga mendapati ibu meluangkan lebih masa dalam talian pada cuti hujung minggu, selain meluangkan lebih banyak masa di aplikasi media sosial dan televisyen dalam talian.

Katanya, ibu di Thailand meluangkan masa enam jam di dalam aplikasi media sosial dan dua jam untuk televisyen dalam talian.

"Ibu di Malaysia pula meluangkan masa beberapa jam di televisyen dalam talian, tetapi menghabiskan 4.2 jam dalam media sosial, manakala ibu di Filipina meluangkan 4.7 jam dalam media sosial dan masa lebih lama di televisyen dalam talian iaitu 2.1 jam.

"Golongan ibu di Singapura menghabiskan masa sama dan bilangan jam tertinggi di televisyen dalam talian seperti Filipina, tetapi meluangkan bilangan jam paling kurang dalam media sosial iaitu 3.6 jam.

"Ibu di Indonesia pula masing-masing memperuntukkan 3.8 jam dan 1.5 jam menerusi aplikasi media sosial dan televisyen dalam talian," katanya.



*Golongan ibu membaca artikel atau komen sebelum membeli produk dan perkhidmatan di internet.* (Foto hiasan)

# Buah matoa 3 rasa mampu jana hasil lumayan

**Lenggong:** Keunikan buah matoa yang mempunyai tiga rasa dan rupanya seakan buah mata kucing dibeli di Papua New Guinea oleh pasangan suami isteri ini dijangka mampu memberikan pendapatan lumayan buat mereka.

Noor Hanam Taib, 55, dan suaminya, Zainal Abidin Mohd Kasim, 62, menanam 40 pokok dan dua pokok sudah menghasilkan buah.

Katanya, setakat ini sudah dua kali berbuah pada tahun ini, iaitu Januari (buah matang pada April) dan kali kedua, Jun lalu dan kini sedang menunggu matang.

"Kali pertama berbuah pada Januari lalu, kemudian April baru boleh dipetik.

"Buah ini seperti buah mata kucing Brazil, tetapi lebih besar saiznya berbentuk sedikit bujur dan kulitnya tidak sekeras kulit mata kucing Brazil.

"Istimewanya, rasa manis dan ada macam rasa durian, rambutan dan buah mata kucing.

"Malah ada pula yang kata rasa seperti laici," katanya ditemui bersama di Kampung Banggol Belimbing, di sini.

Noor Hanam bangga dengan ketekunan suaminya mengusahakan matoa berpotensi di pasarkan secara besar-besaran dan lebih komersial.

### Ratusan anak semaian

Katanya, sebagai isteri, beliau sangat menyokong serta memberi perangsang suami dan sentiasa mendoakan dapat mengembangkan usaha ini.

Zainal Abidin, berkata ratusan anak semaian baru yang sedang diusahakan ditanam di sekitar rumah dan selebihnya dijual kepada sesiapa berminat untuk mengusahakannya.

Katanya, buah matoa dibeli di Papua New Guinea ketika mengikuti rombongan melawat negara itu beberapa tahun lalu dan dipamer serta dijual ketika menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) pada tahun sama dengan harga RM80 sekilogram, disimpan sebahagian bijinya untuk disemai.

"Pada 2016 saya cuba menanam 40 pokok anak berusia setahun yang saya semai bijinya, bagaimanapun hanya dua pokok hidup membesar dan subur hingga berbuah sekarang.

"Oleh kerana kami sekeluarga tinggal di Selangor sebab saya bekerja di sana dan hanya sesekali balik ke kampung, jadi banyak anak pokok Matoa saya tanam dimusnahkan babi, kecuali dua pokok itu," ujarnya.

Zainal Abidin berkata, walaupun hanya baru dua pokok yang menjadi, beliau membajanya dengan beberapa jenis, termasuk baja buah dan yakin kedua-dua pokok itu akan mengeluarkan buah lebat apabila semakin matang nanti.

Katanya, beliau dan isteri tidak akan menjual buah-buahnya untuk peringkat awal ini, sebaliknya akan diambil biji untuk disemai.



*Noor Hanam bersama suami menunjukkan anak pokok buah matoa (gambar kecil) yang ditanam di rumahnya.*

# Maybank pindah ibu pejabat ke Menara Merdeka 118

## Perjanjian dengan PNB dimeterai untuk tempoh 21 tahun

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my




*Khairussaleh (kiri) dan Ahmad Zulkarnain ketika majlis menandatangani perjanjian antara Maybank dan PNB di Menara Maybank, semalam.*
(Foto Aziah Azmee/BH)

**Maybank** akan memindahkan ibu pejabat korporatnya dari Menara Maybank di Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur ke Menara Merdeka 118 menjelang suku pertama 2025.

Kumpulan perbankan itu telah memeterai perjanjian dengan Permodalan Nasional Bhd (PNB) untuk penyewaan bagi tempoh permulaan tiga tahun dan pembaharuan untuk enam penggal lagi selama tiga tahun setiap penggal, yang keseluruhannya berjumlah 21 tahun, di bangunan kedua tertinggi di dunia dan tertinggi di Asia Tenggara.

Presiden Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank, Datuk Khairussaleh Ramli, berkata keputusan strategik untuk memindahkan ibu pejabatnya dibuat berikutan pertimbangan yang teliti dan terperinci mengenai keperluan operasi masa depannya.

Beliau berkata, pertimbangan utama termasuk keperluan ruang kerja yang menyokong norma baharu dan memenuhi cita-cita kemampanan bank.

### Kelestarian Platinum

Katanya, Menara Merdeka 118 adalah yang paling sesuai dengan pertimbangan itu, terutamanya memandangkan status MSC dan aspirasi untuk mencapai piawaian Kelestarian Platinum.

"Bangunan canggih yang diiktiraf pada peringkat global ini juga dipilih kerana bersesuaian dengan kedudukan jenama global Maybank dan sejajar dengan aspirasinya untuk mengukuhkan lagi kepimpinan serantau dan antarabangsanya," katanya pada majlis memeterai perjanjian penyewaan itu di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Khairussaleh berkata, penilaian untuk ibu pejabat baharu yang bermula pada 2019, bank mempertimbangkan beberapa pilihan termasuk membaik pulih Menara Maybank yang berusia 35 tahun, membina ibu pejabat baharu atau menyewa ruang pejabat dari bangunan baharu yang telah memenuhi keperluan operasi masa hadapannya.

Beliau berkata, pihaknya juga mempertimbangkan kos manfaat menaik taraf Menara Maybank untuk memenuhi antara lain kelebihan operasi dan kecekapan dan piawaian kemampanan terkini.

"Untuk berbuat demikian, kami akan memerlukan pelaburan yang besar, apatah lagi kos penyelenggaraan dan keperluan untuk sementara menempatkan pejabat dan pekerja kami ke pelbagai lokasi di Lembah Klang.

"Selain itu, akan terdapat pelbagai risiko operasi dan gangguan perniagaan kepada pelanggan kami," katanya.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn, berkata pembinaan Menara Merdeka 118 dijangka siap menjelang akhir tahun ini.

Beliau berkata, setelah Menara Merdeka 118 siap, ia akan menetapkan penanda aras industri baharu sebagai bangunan pertama di Malaysia yang menyasarkan untuk mencapai pensijilan platinum tiga kali ganda dalam Kepimpinan dalam Reka Bentuk Tenaga dan Alam Sekitar (LEED), Indeks Bangunan Hijau (GBI) dan Hartanah Hijau (GreenRE).

Katanya, dengan pensijilan platinum tiga kali ganda, Menara Merdeka 118 akan menjadi bangunan hijau terulung di Malaysia dan peneraju industri dalam kemampanan dalam reka bentuk, seni bina dan binaan.

"Sejarah kami sebagai rakyat yang merdeka bermula di sini. Merdeka 118 akan memberi penghormatan kepada sejarah kami dengan mengintegrasikan budaya, sejarah, komuniti dan perniagaan di dalam dan sekitar kawasannya", katanya.




*Maybank pindah ibu pejabat korporat di Jalan Tun Perak ke Menara Merdeka 118 pada 2025.*

# Tawaran hak penamaan untuk penyewa utama

**Maybank** ditawarkan hak penamaan dan papan tanda ke atas Menara Merdeka 118 berikutan kumpulan perbankan terkemuka itu menjadi penyewa utama menara berkenaan.

Maybank akan mengambil sebanyak 33 tingkat dan dijangka menempatkan kira-kira 5,900 pekerja di bangunan baharu itu, yang boleh diakses melalui pintu masuk khusus untuk kemudahan pekerja, pelanggan dan pelawat.

Turut berpindah ke Menara Merdeka 118 adalah anak syarikat Maybank terpilih yang kini berpangkalan di Dataran Maybank termasuk Maybank Islamic, Maybank Investment Bank dan Maybank Asset Management.

Jumlah penghunian Maybank 650,000 kaki persegi di Menara Merdeka 118 adalah kurang daripada keluasan bersih semasanya yang boleh disewakan di Menara Maybank iaitu 1.09 juta kaki persegi, selaras dengan strategi Maybank untuk menggunakan ruang kerja secara optimum dan bijak sambil mengutamakan langkah penjarakan sosial antara prosedur operasi standard (SOP) lain, memandangkan penggunaan amalan kerja zaman baharu bekerja secara terpencil.

Maybank akan membayar sewa kasar bulanan permulaan sebanyak RM10.60 sekaki persegi untuk enam tahun pertama, dengan pelarasan berikutnya untuk kos inflasi. Ia diterjemahkan kepada kadar sewa efektif RM8.92 kaki persegi.

Kadar sewa efektif bersih biasanya digunakan sebagai ukuran jangkaan pendapatan daripada penyewa.

Presiden Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank, Datuk Khairussaleh Ramli, berkata semua pejabat sedia ada di Menara Maybank akan berpindah ke bangunan baharu secara berperingkat mulai suku pertama 2025.

### Buat pengumuman

Bagaimanapun, beliau berkata, Cawangan KL Main di Menara Maybank akan kekal dan tiada perubahan kepada pelanggan yang mempunyai akaun di cawangan itu.

"Buat masa ini, ibu pejabat Maybank masih kekal di Menara Maybank di Jalan Tun Perak tanpa sebarang perubahan pada operasi dan perkhidmatannya.

"Bank akan membuat pengumuman yang sewajarnya kepada semua pihak berkepentingan dengan butiran yang berkaitan mengenai perpindahan ini setelah lebih hampir dengan tarikh perpindahan pada 2025," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media pada majlis pemeteraian antara Maybank dan Permodalan Nasional Bhd (PNB) di Kuala Lumpur, semalam.

Memandangkan Maybank tidak terbabit dalam perniagaan pembangunan hartanah, kumpulan perbankan itu melihat ia berhemat untuk meneruskan pilihan penyewaan sambil menilai pilihan terbaik untuk ibu pejabat semasanya, Menara Maybank yang dimilikinya dan sebahagian besarnya akan menjadi kosong dengan perpindahan ke Menara Merdeka 118.

Hasilnya, kedua-dua pihak telah memeterai perjanjian pajakan untuk tempoh 10 tahun secara asas bersih tiga kali ganda untuk Menara Maybank, serentak dengan perjanjian penyewaan Menara Merdeka 118.

Perjanjian pajakan untuk Menara Maybank akan bermula pada suku terakhir 2025, yang mana di bawah perjanjian asas bersih tiga kali ganda, PNB akan menjadi pemberi pajak induk Menara Maybank dan menanggung semua perbelanjaan berkaitan bangunan termasuk penyelenggaraan, insurans dan cukai.

Perjanjian pajakan itu membolehkan Maybank merealisasikan pendapatan sewa sambil menangguhkan pelupusan Menara Maybank ke satu tarikh yang lain di waktu pasaran hartanah semakin pulih, membolehkan Maybank memaksimumkan nilai bangunan itu.

Sebagai syarikat yang mempunyai keupayaan pengurusan hartanah yang berwibawa, PNB akan memanfaatkan kepakarannya untuk menguruskan Menara Maybank serta mencari penyewa baharu, bagi memastikan bangunan itu terus menjana pendapatan selepas perpindahan operasi Maybank.



# Tiada syarikat pemula dikecualikan bantuan

## Langkah pastikan firma tempatan tidak berhijrah dapatkan modal perniagaan di negara lain

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

**Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** tidak akan mengecualikan mana-mana syarikat pemula (startup) tempatan daripada mendapat bantuan pembiayaan bagi memastikan mereka tidak berhijrah untuk mendapat modal perniagaan di negara lain.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata pihaknya tidak mahu kejadian startup tempatan berhijrah mendapatkan pembiayaan ke negara lain berulang seperti yang berlaku sebelum ini.

"Kita tidak boleh lupa dengan apa yang berlaku kerana kehadiran startup ini walaupun kecil, ia berupaya untuk berkembang besar dengan pantas.

"Untuk itu saya membuat pendirian dan arahan kepada MOSTI supaya tidak mengecualikan mana-mana syarikat pemula sektor berteknologi ini daripada dibiayai atau dibantu sehingga mereka mendapat beberapa siri pembiayaan.

"Kita juga sebenarnya tidak lepas tangan dalam hal ini kerana keperluan untuk menjemput modal teroka (VC) antarabangsa ke dalam negara kita juga perlu supaya dapat menyokong syarikat pemula kita menjadi lebih besar dan tidak perlu berhijrah ke negara lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan majlis pelancaran KL Venture Finance Forum 2022 dan sambutan ulang tahun ke-20 Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV) di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Kewangan Kedua, Yamani Hafez Musa dan Pengerusi MDV, Khairul Azwan Harun.

Terdahulu Adham dalam ucaptamanya berkata, MDV berjaya membantu hampir 1,000 syarikat berasaskan teknologi menerusi pembiayaan sebanyak RM13.07 bilion bagi menyokong keperluan kewangan syarikat berkenaan.

### Bantu PMKS

Katanya, ini adalah sejajar dengan Pelan Hala Tuju Ekosistem Syarikat Pemula Malaysia 2021-2030 (SUPER) yang beliau lancarkan pada 18 November tahun lalu.

"Menerusi MDV, pelbagai insentif diperkenalkan untuk membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) berkaitan teknologi dan berorientasikan inovasi yang terjejas akibat COVID19 untuk pulih dan menggiatkan semula kapasiti inovasi negara ke tahap maksimum.

"PMKS adalah penyumbang terbesar pertumbuhan ekonomi negara dan turut memangkin kepada pembentukan masa hadapan Malaysia. Pemerkasaan sektor ini dijangka akan menyumbang kepada ekonomi Malaysia yang lebih kukuh dan berdaya saing.

"Antara inisiatif yang diperkenalkan kerajaan adalah penawaran program pembiayaan khas berjumlah RM100 juta yang diuruskan MDV bagi membantu syarikat pemula teknologi terjejas akibat penularan COVID-19.

"Sehingga kini lebih RM76.55 juta telah diluluskan bagi pembiayaan untuk 66 syarikat dan telah diagihkan kira-kira RM33.5 juta kepada 35 syarikat dalam pelbagai sektor teknologi di bawah program ini.," katanya.

Sementara itu Yamani dalam ucapannya berkata, kerajaan komited untuk meningkatkan infrastruktur dan perkhidmatan digital.Katanya, kerajaan dengan kerjasama semua pihak sedang giat mempersiapkan Malaysia ke arah transformasi digital bagi memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan dan saksama.

"Antara lain, penubuhan rantau awan baharu oleh Google Cloud di Malaysia baru-baru ini bukan sahaja petanda pendekatan sektor awam dan swasta yang akan menarik pelaburan berkualiti dalam bentuk infrastruktur digital, malah akan melengkapkan inisiatif digital negara dan memperkasakan perniagaan dan individu.

"Sektor awam sudah pun menerajui strategi mengutamakan awan dan teknologi awan akan memacu pembangunan perkhidmatan kepada generasi akan datang. Infrastruktur ini memainkan peranan penting dalam memindahkan 80 peratus sistem kerajaan ke awan menjelang akhir tahun 2022," katanya.

> Kita tidak boleh lupa dengan apa yang berlaku kerana kehadiran startup ini walaupun kecil, ia berupaya untuk berkembang besar dengan pantas
>
> *Dr Adham Baba, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi*

BINA KEKAYAAN ANDA SECARA ISLAM

Public Mutual menawarkan produk dan perkhidmatan patuh Syariah yang komprehensif serta berusaha untuk memberikan pulangan yang terbaik dan konsisten dalam jangka masa panjang.

- DANA UNIT AMANAH BERLANDASKAN SYARIAH
- DANA SKIM PERSARAAN SWASTA BERLANDASKAN SYARIAH
- PERLINDUNGAN TAKAFUL SECARA PERCUMA^ / PILIHAN
- PERKHIDMATAN PENULISAN WASIAT

^ Untuk pelabur utama dan dana terpilih sahaja. Tertakluk pada terma dan syarat.
* Dari segi jumlah saiz dana runcit yang diuruskan antara syarikat unit amanah swasta dan penyedia Skim Persaraan Swasta (PRS) di Malaysia. Sumber: The Edge-Lipper, 15 Ogos 2022.



PUBLIC MUTUAL
ANAK SYARIKAT MILIK PENUH PUBLIC BANK
No.1* dalam Unit Amanah & Skim Persaraan Swasta

Perunding Unit Amanah | 03-2022 5000 | www.publicmutual.com.my | Ikuti kami

PUBLIC MUTUAL BERHAD (197501001842 (23419-A))

# Sabah berpotensi bangunkan kilang oleokimia

**Pembinaan** kilang oleokimia adalah sektor hiliran dalam industri sawit yang berpotensi untuk dibangunkan di Sabah dan Sarawak kerana masih tiada kilang sedemikian di kedua-dua negeri berkenaan ketika ini.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor, berkata pembabitan aktif semua pihak termasuk penggiat industri dan usahawan memanfaatkan peluang pelaburan dan perniagaan dalam industri sawit meliputi sektor hiliran berupaya menjana perkembangan ekonomi negara dan pendapatan rakyat.

Katanya, pembangunan sektor hiliran yang berpotensi untuk dibangunkan adalah kilang oleokimia kerana pada masa kini masih tiada kilang oleokimia yang beroperasi di negeri Sabah dan Sarawak.

"Selain ketiadaan pesaing di sektor oleokimia di negeri Sabah, kelebihan lain yang menjadi potensi kepada pelabur ialah bekalan dan penggunaan bahan mentah sawityang fleksibel.

"Produk oleokimia yang dihasilkan daripada sumber bahan mentah sawit mempunyai kelebihan berbanding produk pesaing lain khususnya petrokimia kerana oleokimia sawit adalah produk mesra alam yang mudah terurai di persekitaran, kos yang kompetitif dan istimewa dalam penghasilan produk pencuci, penjagaan diri dan produk kegunaan industri," katanya dalam ucapan perasmian penganjuran Seminar dan Pameran Teknologi Berasaskan Sawit Sabah 2022 (TOT Sabah 2022) di Sabah, semalam.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Perindustrian Sabah, Datuk Dr Joachim Gunsalam.

TOT Sabah 2022 dianjurkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah (MID) bagi memperkenalkan teknologi baharu dalam industri sawit khususnya di sektor hiliran untuk tujuan pengkomersialan.

Penganjuran TOT Sabah 2022 membabitkan penyertaan dan interaksi pemegang taruh dalam industri sawit, komuniti perniagaan dan agensi Kerajaan yang dilihat penting bagi kemajuan industri sawit di Sabah.

Teknologi MPOB yang ditawarkan untuk dimanfaatkan oleh usahawan tempatan di TOT Sabah 2022 merangkumi teknologi atau formulasi produk makanan dan makanan haiwan ternakan, produk oleokimia berasaskan sawit, produk biojisim dan tenaga hijau yang dihasilkan dari kilang sawit.

# PRU tak pengaruhi BNM tentukan kadar OPR

## Hasil mesyuarat MPC pada tiga pilihan raya lalu jadi penanda aras sejak April 2004

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

**Bank Negara Malaysia** kekal bebas daripada pengaruh politik khususnya menjelangnya Pilihan Raya Umum (PRU) dalam menentukan sama ada menaikkan, menurunkan atau mengekal Kadar Dasar Semalaman (OPR), demikian kata Maybank IBG Research.

Dalam nota penyelidikannya, ia menjelaskan, alasan itu dibuktikan berdasarkan hasil mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) BNM yang diadakan dalam tempoh sekitar tiga PRU yang lalu sejak OPR menjadi penanda aras kadar faedah BNM sejak April 2004.

Ia mengambil contoh, PRU Ke-12 pada 8 Mac 2008, yang mana sebelum PRU Ke-12 diadakan iaitu pada 25 Februari 2008, OPR kekal tidak berubah pada paras 3.50 peratus.

Malah, jelasnya, OPR berada pada paras itu sejak April 2006 selepas kitaran kenaikan 80 mata asas daripada 2.70 peratus, iaitu kenaikan 30 mata asas kepada 3.00 peratus pada November 2005; +25 mata asas masing-masing kepada 3.25 peratus pada Februari 2006 dan kepada 3.50 peratus pada April 2006.

"Perubahan seterusnya adalah pada November 2008 iaitu pengurangan 25 mata asas kepada 3.25 peratus, yang menandakan permulaan kitaran pelonggaran yang menyaksikan OPR diturunkan kepada 2.00 peratus menjelang Februari 2009 sebagai tindak balas kepada Krisis Kewangan Global (GFC)," katanya.

Sementara itu, Maybank IBG Research berkata, pada PRU Ke-13 yang diadakan pada 5 Mei 2013, MPC pada 7 Mac 2013, iaitu sebelum PRU itu diadakan mengekalkan OPR pada 3.00 peratus, paras tidak berubah sejak Mei 2011 berikutan normalisasi dasar monetari pasca GFC, yang menyaksikan OPR dinaikkan daripada 2.00 peratus kepada 2.25 peratus pada Mac 2010, 2.50 peratus pada Mei 2010 dan 2.75 peratus pada Julai 2010.

### OPR kekal 3.25 peratus

Ia berkata, bagi PRU Ke-14 pula yang diadakan pada 9 Mei 2018, sebelum PRU diadakan, MPC pada 7 Mac 2018 telah mengekalkan OPR pada paras 3.25 peratus, tidak berubah sejak Januari 2018 apabila OPR dinaikkan sebanyak 25 mata asas kepada 3.25 peratus.

Untuk makluman, katanya, OPR berada dalam julat 3.00 peratus - 3.25 peratus sejak Mei 2011 dan ia berterusan sehingga Disember 2019.

"Secara keseluruhannya, analisis sejarah keputusan OPR MPC BNM dan PRU adalah tidak relevan dengan keadaan semasa, yang mana BNM masih berada di tengah-tengah kitaran kenaikan OPR.

"Pada ketiga-tiga episod di atas yang kita lihat, OPR sudah berada di kemuncaknya selepas kitaran kenaikan yang jauh lebih awal sebelum PRU jadi langsung tiada apa yang boleh disimpulkan," katanya.

Pada Khamis lalu, BNM menerusi MPC memutuskan menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 2.50 peratus, selepas peningkatan pada Mei dan Julai lalu dengan masing-masing sebanyak 25 mata asas.

Kebanyakan penganalisis menjangkakan OPR akan terus dalam aliran meningkat bagi mengawal peningkatan mendadak harga dalam negara dengan satu lagi kenaikan 25 mata asas November ini.

# Untung Celcom Axiata RM542 juta

**Keuntungan** selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) Celcom Axiata Bhd meningkat lebih 100 peratus pada separuh pertama berakhir 30 Jun 2022 kepada RM542 juta.

Pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) Celcom turut menokok 13.0 peratus kepada RM1.51 bilion pada separuh pertama tahun ini berikutan hasil lebih tinggi dan kos yang ditambah baik, disokong oleh inisiatif transformasi dan penjimatan kos.

Hasil (tidak termasuk peranti Celcom) meningkat 4.2 peratus tahun ke tahun kepada RM3.03 bilion, didorong oleh pertumbuhan hasil prabayar dan pascabayar yang positif dengan tambahan pelanggan prabayar sebanyak 135,000 tahun ke tahun berjumlah 2.2 peratus.

Ketua Pegawai Eksekutif Celcom, Datuk Idham Nawawi berkata, prestasi kukuh Celcom merupakan hasil daripada fokus Transformasi Kecemerlangan Operasi syarikat bagi memenuhi permintaan pasaran dengan memberikan perkhidmatan menarik serta berpatutan sambil mengekalkan kos pengurusan operasi.

"Pelaburan rangkaian kami yang berterusan serta dipertingkatkan adalah bagi menangani pertumbuhan trafik data yang pesat dan memberikan prestasi rangkaian yang konsisten dan liputan terluas kepada pelanggan, menyebabkan pengurangan ketara bagi aduan serta pertumbuhan dari segi keuntungan dan pelanggan," katanya dalam satu kenyataan.

Susulan pertumbuhan hasil dan pelanggan yang menggalakkan, Idham berkata Celcom merancang untuk melabur semula kepada pemodenan rangkaiannya yang berterusan bagi memastikan rangkaian tersebut menjangkau semua lapisan masyarakat termasuk kawasan terpencil di Sabah dan Sarawak.

Celcom juga akan kekal memberi tumpuan untuk memberi nilai melalui produk mampu milik serta perkhidmatan berinovasi, termasuk mengukuhkan portfolio perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kepada perusahaan dan perkhidmatan konvergennya, katanya.

"Kami akan terus menjadi penyedia perkhidmatan yang boleh dipercayai pelanggan dan ekosistem kami," kata Idham.

Hasil pascabayar Celcom meningkat 4.6 peratus dengan 143,000 pelanggan baharu tahun ke tahun, yang didorong pakej keluarga dan konvergen serta trafik perayauan yang kembali semula.

### Labur RM1 bilion

Sementara itu, syarikat telah melabur lebih RM1 bilion sejak 18 bulan lepas untuk memenuhi pertumbuhan pelanggan dan permintaan yang meningkat ke atas perkhidmatan kesalinghubungan data.

Katanya pelaburan itu meliputi pembangunan lapisan 4G LTE baharu kepada kira-kira 9,000 tapak sedia ada dan tapak Rangkaian Akses Radio baharu termasuk kerja-kerja pengoptimuman dan menambah baik kapasiti rangkaian untuk meningkatkan perkhidmatan rangkaian 4G di seluruh negara.

Ia bagi menampung peningkatan trafik data sebanyak 14.5 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Celcom berkata penggunaan data sebulan bagi setiap pengguna turut meningkat sebanyak 6.0 peratus pada separuh pertama tahun kewangan 2022 iaitu kepada 24.2GB sebulan bagi setiap pengguna untuk tempoh yang sama tahun lalu.

Syarikat itu turut menambah baik seluruh liputan perkhidmatan dan pengalaman rangkaian, menyebabkan peningkatan 73 peratus bagi purata kelajuan muat turun dan mengurangkan aduan sebanyak 44 peratus setakat ini.

Selaras dengan program Jalinan Digital Negara (JENDELA), Celcom berkata, ia komited untuk terus membina dan membangunkan 570 tapak rangkaian 4G LTE baharu, menaik taraf lebih 700 tapak dengan teknologi LTE terkini dan meluaskan liputan rangkaian dengan membangunkan 670 LTE900 tapak jalur rendah.

Menyokong lebih 14 juta pengguna, liputan populasi 4G dan 4G LTE-A Celcom, masing-masing berada pada 96.21 peratus dan 90.20 peratus.

Momentum pasaran yang kukuh diteruskan pada separuh pertama tahun kewangan 2022 apabila Celcom meraih penambahan pelanggan sebanyak 278,000 pada sepanjang setahun. BERNAMA

> "Pelaburan rangkaian kami yang berterusan serta dipertingkatkan adalah bagi menangani pertumbuhan trafik data yang pesat dan memberikan prestasi rangkaian yang konsisten dan liputan terluas kepada pelanggan"
>
> *Idham Nawawi,*
> *Ketua Pegawai Eksekutif Celcom*





# Ekonomi global diunjur bertambah buruk awal 2023



## Inflasi tinggi, krisis tenaga antara punca kemelesetan

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

**Keadaan** ekonomi global mungkin bertambah buruk pada awal tahun hadapan, demikian kata Pengarah Penyelidik Makro Global Oxford Economics, Ben May.

Beliau berkata, pihaknya menjangkakan Amerika Syarikat (AS), Kanada dan sebahagian besar Eropah mengalami kemelesetan apabila kesan gabungan antara pengetatan dasar monetari, inflasi yang tinggi dan krisis tenaga, yang pada suku pertama dijangka mewakili titik rendah bagi rantau itu.

Sementara itu, beliau berkata, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) China dijangka perlahan awal 2023.

Namun, katanya, tanpa sebarang kejutan buruk lagi, keadaan ekonomi maju mungkin mula bertambah baik menjelang pertengahan tahun depan, dengan pihaknya menjangkakan kebanyakan kemelesetan (dengan satu atau dua pengecualian) adalah agak singkat dan sederhana.

"Satu sebab untuk ini ialah berbeza dengan 2010-an, ekonomi maju mempunyai lebih sedikit kelemahan utama untuk dihadapi.

"Nisbah hutang isi rumah kepada pendapatan biasanya lebih rendah sekarang berbanding sedekad lalu, bank berada dalam keadaan lebih baik dan kerajaan kurang komited terhadap penjimatan.

"Namun, ia bukan sebab untuk optimis. Walaupun pertumbuhan KDNK global akan meningkat pada separuh kedua 2023, peningkatan itu dijangka tidak memberangsangkan atas beberapa sebab," katanya dalam nota tinjauannya.

### Hubungan dingin AS-China

Mengulas lanjut, May berkata, antara sebabnya ialah ekonomi China kerana sukar untuk membayangkan tempoh pertumbuhan ekonomi negara itu yang mampan berikutan kemungkinan sekatan selanjutnya dan hubungan dingin dengan AS.

Beliau berkata, dasar monetari akan terus melembapkan permintaan dan pihaknya mengunjurkan inflasi turun lebih cepat daripada dijangkakan secara meluas.

Sementara itu, bagi dasar fiskal, pihaknya menjangkakan pada 2023, kerajaan akan mengambil langkah lebih terhad untuk mengecilkan defisit belanjawan struktur mereka, membayangkan bahawa seretan daripada dasar fiskal akan berkurangan.

Katanya, ia adalah positif untuk pertumbuhan ekonomi, namun ketiadaan pengetatan selanjutnya bukan alasan untuk mengharapkan pertumbuhan kembali ke tahap kukuh.

"Walaupun kita mungkin melihat penggubal dasar melonggarkan dasar sebagai tindak balas kepada berita buruk (seperti lonjakan harga tenaga), ini adalah untuk meminimumkan kesan negatif kejutan.

"Dasar proaktif yang direka untuk meningkatkan pengembangan mungkin terbukti lebih terhad.

"Lagipun, peningkatan hasil bon yang diperbaharui secara global bermakna kebimbangan kemampanan hutang akan menjadi kekangan yang lebih mengikat bagi kebanyakan kerajaan.

"Kerajaan yang mempunyai ruang untuk melonggarkan dasar mungkin enggan berbuat demikian kerana bimbang akan mencetuskan inflasi," katanya.

> "Keadaan ekonomi maju mungkin mula bertambah baik menjelang pertengahan tahun depan, dengan pihak kami menjangkakan kebanyakan kemelesetan agak singkat dan sederhana"
>
> *Ben May,*
> *Pengarah Penyelidik Makro Global Oxford Economics*



# Pelabur asing kembali jadi penjual bersih ekuiti

**Selepas** tujuh minggu berturut-turut aliran masuk dana asing, pelabur asing berubah menjadi penjual bersih minggu lalu, menjual ekuiti bernilai RM42.49 juta.

Dalam laporan aliran dana mingguannya, MIDF Research (MIDF) berkata, pelabur asing adalah penjual bersih dari Isnin hingga Khamis sebelum menjadi pembeli bersih pada Jumaat.

"Sebahagian besar daripada aliran keluar bersih asing dilihat pada Selasa dan Rabu, masing-masing RM42.18 juta dan RM45.72 juta.

"Warga asing turut mencatatkan jualan bersih RM3.89 juta pada Isnin dan RM2.6 juta pada Khamis, sebelum mencatatkan belian bersih RM51.9 juta nilai ekuiti pada Jumaat," katanya.

Selepas menjadi penjual bersih lapan minggu berturut-turut, institusi tempatan meraih ekuiti bernilai RM91.29 juta minggu lalu.

Mereka adalah pembeli bersih dari Isnin hingga Khamis, dengan sebahagian besar daripada belian bersih dilihat pada Selasa dan Rabu, masing-masing sebanyak RM59.26 juta dan RM51.36 juta, menurut MIDF.

Belian bersih pada Isnin dan Khamis, masing-masing RM2.55 juta dan RM3.51 juta, bagaimanapun mereka menjadi penjual bersih pada Jumaat sebanyak RM25.39 juta, katanya.

Sementara itu, selepas empat minggu belian bersih, peruncit tempatan menjadi penjual bersih pada minggu lepas sebanyak RM48.81 juta.

"Mereka memulakan minggu itu dengan belian bersih ekuiti bernilai RM1.35 juta sebelum menjadi penjual bersih untuk sepanjang minggu itu.

"Bahagian terbesar jualan bersih dilihat pada Selasa dan Jumaat, masing-masing berjumlah RM17.08 juta dan RM26.51 juta, manakala Rabu dan Khamis menyaksikan jualan bersih, masing-masing sebanyak RM5.64 juta dan RM910,000," menurut firma penyelidikan itu.




*Pelabur asing berubah menjadi penjual bersih minggu lalu, menjual ekuiti bernilai RM42.49 juta.* (Foto hiasan)

MIDF berkata, tiga sektor utama yang menyaksikan aliran keluar bersih oleh pelabur asing pada minggu lepas ialah produk dan perkhidmatan perindustrian (RM121.8 juta), perladangan (RM35.7 juta) dan penjagaan kesihatan (RM34.6 juta).

Sementara itu, tiga sektor utama dengan aliran masuk bersih ialah pembinaan (RM69.2 juta), telekomunikasi (RM47.9 juta) dan utiliti (RM25.1 juta).

Setakat ini, dana antarabangsa menjadi pembeli bersih 24 daripada 36 minggu pada 2022, dengan jumlah aliran masuk bersih sebanyak RM8.11 bilion. BERNAMA

# Aktiviti pengilangan dijangka kembali sederhana

**Indeks** Pengeluaran Perindustrian (IPP), penanda aras aktiviti pengilangan di Malaysia dijangka terus menggalakkan tahun ini (5 peratus), disokong oleh peningkatan berterusan dalam perbelanjaan domestik dan permintaan luar yang stabil, walaupun dijangka sederhana secara berperingkat pada masa hadapan.

Public Investment Bank Bhd berkata, elektrik dan elektronik (E&E) serta eksport barangan pembuatan lain akan terus menggalakkan.

"Output sektor elektrik turut menjadi penyumbang ketara kepada pertumbuhan IPP pada 2022 berikutan pembukaan ekonomi sepenuhnya susulan peralihan kepada fasa endemik COVID-19 bermula April.

"Risiko dijangka daripada tekanan inflasi dan kelembapan ekonomi yang lebih ketara di negara maju walaupun kami menjangka risiko akan berkurangan secara berperingkat dan melihat kelembapan ekonomi bukan ancaman dalam tempoh terdekat," katanya dalam nota penyelidikan.

### Semak semula unjuran

Bagaimanapun, MIDF Research menyemak semula unjurannya untuk pertumbuhan IPP yang lebih rendah kepada 6 peratus pada tahun ini berbanding 8.2 peratus tahun sebelumnya berikutan ia kini menjangka pertumbuhan IPP lebih sederhana menjelang akhir tahun ini.

"Walaupun Indeks Pengurus Pembelian (PMI) Pembuatan Malaysia kekal melebihi 50 iaitu 50.3 ketika Ogos (Julai, 50.6), kelembapan ekonomi global pada Ogos, seperti dapat dilihat daripada laporan PMI terkini, menunjukkan prospek kurang menggalakkan untuk permintaan luar.

"Selain itu, prestasi jualan perlahan pada Julai menunjukkan pertumbuhan sederhana dalam perbelanjaan domestik.

"Dalam kata lain, walaupun kami menjangka IPP terus berkembang, prospek jangka pendek akan dikekang oleh kemungkinan permintaan rendah, selain cabaran dalam rantaian bekalan global dan kos pengeluaran yang meningkat," katanya dalam nota berasingan.

Secara keseluruhannya, firma penyelidikan itu menjangka peningkatan berterusan dalam aktiviti ekonomi domestik.

"Walaupun terdapat tanda prospek lebih sederhana, kami masih menjangka permintaan asing meningkat, terutama untuk E&E dan komoditi bagi memacu pengeluaran dalam sektor berorientasikan eksport," katanya. BERNAMA

Mastura Abdul Rahman, Pesan Ibu, Mixed media on canvas & wood, 152.4 cm x 204.47 cm, 2016 (Details)



synthesis

love dreams hope

Sebuah pameran batik dan karya seni inspirasi batik

01 Ogos – 18 Sep 2022

10pagi - 6petang

Galeri Prima

Balai Berita, Bangsar

in support of:

galeri PRIMA

galeri.prima

Pertanyaan: 03-27248300 | +6013-5608467 | +6010-9293356 | galeriprima@mediaprima.com.my





Orang ramai memberikan penghormatan terakhir kepada Ratu Elizabeth II di Mercat Cross di Edinburgh, sebelum jasadnya dibawa ke England. (Foto AP)

Kemangkatan Ratu Elizabeth II

# 'Selamat tinggal Ratu'

## Jasad baginda dibawa ke London untuk persiapan pengebumian Isnin depan

**Edinburgh:** Jasad Ratu Elizabeth II diterbangkan ke London hari ini sebagai persiapan menjelang upacara istiadat pemakaman baginda pada 19 September.

Jasad baginda sebelum itu ditempatkan di Istana Holyroodhouse di Edinburgh, selepas melalui perjalanan enam jam dari Istana Balmoral, sebelum dipindahkan ke Katedral St Giles petang semalam, di mana rakyat jelata dijadual memberikan penghormatan terakhir kepada Ratu kesayangan mereka.

Semalam, Raja Charles III turut berangkat ke Edinburgh di mana puluhan ribu orang yang berkabung berbaris di laluan kenderaan jenazah Ratu Elizabeth bagi mengucapkan selamat tinggal kepada Raja yang paling lama berkhidmat.

Terdahulu, kenderaan yang membawa keranda Ratu Elizabeth meninggalkan Istana Balmoral, iaitu kediaman peribadi tempat baginda menghembuskan nafas terakhir.

### Penghormatan terakhir

Suasana sayu mengiringi konvoi kenderaan dengan ribuan rakyat jelata berbaris di sepanjang jalan utama, bagi memberikan penghormatan terakhir.

Keranda baginda jelas kelihatan menerusi tingkap kenderaan.

Kelihatan kalungan bunga yang diperbuat daripada beberapa bunga kegemaran Ratu, menghiasi keranda yang dibaluti bendera peribadi baginda.

Konvoi kenderaan itu disertai Puteri Anne dan suaminya, Naib Laksamana Sir Tim Laurence.

AGENSI



*Kerabat Diraja Britian menunggu van yang membawa keranda Ratu Elizabeth II dari Balmoral ke Istana Holyroodhouse di Edinburgh.* (Foto AP)

## Cuti umum di Britain 19 September

**London:** Kerajaan Britain mengumumkan cuti umum di negara itu pada 19 September ini sempena upacara istiadat pemakaman Ratu Elizabeth II.

*The Guardian* melaporkan, Raja Charles III turut bersetuju dan menitahkan hari upacara pemakaman Ratu Elizabeth diisytiharkan sebagai cuti umum sebagai tanda hormat kepada pemimpin monarki Britain yang paling lama bertakhta dalam sejarah negara itu.

Cuti umum itu memberi peluang kepada rakyat serta penduduk di Britain memberi penghormatan terakhir kepada baginda yang akan dimakamkan di Westminster Abbey.

Difahamkan, cuti umum hari pemakaman Ratu Elizabeth itu seperti hari cuti kebangsaan lain dengan majikan syarikat meluluskan cuti itu sebahagian daripada cuti tahunan pekerja.

AGENSI

## Raja Charles III ke Scotland sertai perarakan keranda bonda

**Edinburgh:** Raja Charles III terbang ke Edinburgh semalam untuk menyertai adik-beradiknya apabila keranda ibunya, Ratu Elizabeth II dibawa dalam perarakan dari istananya di Scotland ke Katedral St Giles yang bersejarah di bandar itu sebelum dijadualkan diterbangkan ke London keesokannya.

Sejak kemangkatan Ratu Elizabeth II pada usia 96 tahun di Istana Balmoral, satu siri rancangan disusun dengan teliti untuk meratapi pemerintahan Ratu Britain selama 70 tahun itu.

Kelmarin, keranda kayu oaknya yang disarungkan *Royal Standard of Scotland* dengan kalungan bunga di atasnya, dibawa dengan kereta dalam perjalanan enam jam dari Balmoral melalui kawasan desa, kampung, pekan kecil dan bandar Scotland ke Edinburgh.

Berpuluh-puluh ribu orang berbaris memberi penghormatan.

Sebelum berlepas ke Scotland, Charles, 73, yang secara automatik menjadi Raja United Kingdom (UK) ke Parlimen Britain untuk satu lagi upacara tradisi.

### Pengebumian dikawal askar

Charles yang juga melawat Parlimen Scotland dan bertemu Menteri Pertama Scotland, Nicola Sturgeon, kemudian menyertai kerabat diraja yang lain.

Hari ini keranda diterbangkan ke London dan esok bermula tempoh penghormatan sehingga 19 September untuk pengebumian yang akan dikawal oleh askar atau Yeoman Warders dari Tower Of London.

Orang ramai dibenarkan memberi penghormatan terakhir selama 24 jam sehingga 6.30 pagi (waktu tempatan) pada 19 September.

"Mereka yang ingin hadir akan dikehendaki beratur selama berjam-jam, mungkin semalaman.

"Keramaian yang besar dijangka dan orang ramai digalak menyemak lebih awal, merancang sewajarnya dan bersedia untuk masa menunggu yang lama," kata kerajaan dalam satu kenyataan.

Sementara itu, beribu-ribu orang terus berkumpul di istana diraja di seluruh Britain membawa jambangan bunga.

Kali terakhir Britain menyaksikan majlis berkabung seperti itu pada 1997 berikutan kematian isteri pertama Charles, Puteri Diana, selepas beliau terbunuh dalam kemalangan kereta di Paris.

REUTERS

# Jinping jumpa Putin bincang isu politik, ekonomi global

## Pertemuan dijangka diadakan pada sidang kemuncak di Uzbekistan

**Beijing:** Presiden China Xi Jinping akan melakukan lawatan ke Asia Tengah minggu ini, kunjungan pertamanya ke luar negara dalam tempoh lebih dua tahun sejak pandemik COVID-19.

Beliau akan bertemu Presiden Russia, Vladimir Putin, menunjukkan betapa yakinnya Jinping mengenai hubungannya dengan Russia dan bahayanya keadaan global merujuk kepada konfrontasi Russia dengan Barat mengenai Ukraine, krisis mengenai Taiwan dan ekonomi global yang semakin memburuk.

Jinping dijadual melakukan lawatan negara ke Kazakhstan esok dan kemudian akan bertemu Putin di sidang kemuncak Pertubuhan Kerjasama Shanghai di Uzbekistan, menurut Kazakhstan dan Kremlin.

Penolong Dasar Luar Negara Kremlin, Yuri Ushakov memberitahu wartawan minggu lalu bahawa Putin dijadual bertemu Jinping di sidang kemuncak terbabit.


Xi Jinping

**Enggan beri butiran lanjut**

Kremlin bagaimanapun enggan memberikan butiran lanjut mengenai rundingan itu, manakala China belum mengesahkan rancangan perjalanan Jinping.

Pertemuan akan memberi Jinping peluang untuk menekankan pengaruh, sementara Putin dapat menunjukkan kecenderungan Russia terhadap Asia.

Kedua-dua pemimpin itu dapat menunjukkan tentangan mereka terhadap Amerika Syarikat (AS) seperti mana Barat berusaha menghukum Russia ekoran perang di Ukraine.

Kali terakhir Jinping bertemu Putin ialah pada Februari, hanya beberapa minggu sebelum Presiden Russia mengarahkan pencerobohan ke atas Ukraine yang menyebabkan puluhan ribu orang mati dan mencetuskan kekacauan pada ekonomi global.

China telah menahan diri daripada mengutuk operasi Russia terhadap Ukraine atau menyebutnya satu 'pencerobohan' sejajar dengan Kremlin yang menyebut perang itu sebagai 'operasi ketenteraan khas'. AGENSI

# Sokongan kepada PM Jepun merosot

**Tokyo:** Sokongan kepada Perdana Menteri Jepun, Fumio Kishida jatuh ke paras terendah sejak beliau memegang jawatan itu Oktober lalu.

Tinjauan pendapat mendapati ia berkaitan hubungan kontroversi parti pemerintahnya dengan gereja dan pengebumian negara untuk bekas pemimpin, Shinzo Abe.

Sokongan kerajaan jatuh kepada 41 peratus daripada 47 peratus pada tinjauan Ogos lalu, mencecah paras terendah sejak Kishida memegang jawatan itu, sama dengan tinjauan pendapat yang diterbitkan minggu lalu di mana ia turun daripada 57 peratus pada awal Julai.

Tinjauan oleh akhbar harian *Asahi Shimbun* menunjukkan mereka yang tidak menyokong Kishida meningkat kepada 47 peratus daripada 39 peratus.

Hubungan dengan Gereja Penyatuan, yang diasaskan di Korea Selatan pada 1950-an, menambah masalah Kishida sejak 8 Julai, apabila Abe dibunuh oleh suspek yang menyalahkannya kerana menyokong gereja yang didakwa memufliskan ibu suspek berkenaan.

Keputusan Kishida mengadakan pengebumian negara untuk Abe pada 27 September lalu mencetuskan kemarahan, membabitkan hubungan penggubal undang-undang Parti Liberal Demokratik (LDP) yang memerintah dengan gereja.

Di Parlimen minggu lalu, Kishida mempertahankan keputusannya mengenai pengebumian Abe, Perdana Menteri Jepun yang paling lama berkhidmat, tetapi 64 peratus responden tinjauan pendapat berkata, mereka tidak dapat menerima alasan perdana menteri itu. REUTERS

# Pecah tembok lebuh raya elak banjir

**Dadu:** Pihak berkuasa di selatan Pakistan merancang memecahkan Lebuh Raya Indus iaitu rangkaian pengangkutan utama, bagi membolehkan air mengalir dan menghalang banjir di bandar Dadu.

Banjir daripada monsun yang mencatat rekod dan pencairan glasier di utara Pakistan memberi kesan kepada 33 juta orang dan membunuh sekurang-kurangnya 1,391 orang menghanyutkan rumah, jalan raya, kereta api, ternakan dan tanaman.

Pakistan menganggarkan kos kerosakan sebanyak AS$30 bilion (RM135 bilion) dan kerajaan serta Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres menyatakan perubahan iklim menyebabkan banjir, cuaca ekstrem hingga mengakibatkan kemusnahan.


Penduduk yang terjejas banjir menerima bantuan makanan di daerah Jamshoro, wilayah Sindh. (Foto EPA)

**3 lokasi ditenggelami air**

Ada sekurang-kurangnya tiga lokasi di daerah Dadu di mana Lebuh Raya Indus ditenggelami air, dengan lalu lintas dihentikan selama beberapa minggu, manakala lebuh raya lain di Pakistan yang menghubungkan utara dan selatan juga dilanda banjir dengan teruk.

"Semua banjir lain yang melanda bahagian negara ini sedang dalam fasa pemulihan, tetapi kami masih berada di tahap awal melainkan jika air banjir ini cepat surut," kata Pesuruhjaya Daerah Dadu, Syed Murtaza Ali Shah.

Agensi PBB mula bekerja untuk menilai keperluan Pakistan untuk membangunkan pelan pembinaan semula pasca bencana selepas negara itu menerima 391 milimeter (mm) hujan atau hampir 190 peratus lebih daripada purata 30 tahun, pada bulan Julai dan Ogos.

Wilayah selatan Sindh menyaksikan 466 peratus lebih banyak hujan daripada purata dan Dadu, dengan populasi 1.5 juta menyaksikan semua air banjir melaluinya.

"90 peratus daripada daerah Dadu ditenggelami air, bandar Dadu masih terancam dan kami cuba melindunginya," kata Syed Murtaza sambil menambah bahawa kerajaan telah menyediakan semua jentera dan bahan yang diperlukan untuk membina benteng.

Lebih 200 banduan dari penjara Dadu telah dipindahkan ke Hyderabad, kerana kemurungan.

Guterres berkata, masyarakat antarabangsa perlu membantu negara-negara paling teruk terjejas oleh kesan perubahan iklim, bermula dengan Pakistan. REUTERS


Anggota tentera Pakistan membantu memindahkan mangsa banjir di perkampungan Arazi, di Sehwan. (Foto REUTERS)




Banyak bangunan musnah di bandar Izium, timur Ukraine selepas Moscow berundur daripada serangan balas tentera Kyiv. (Foto AFP)

# Infrastruktur timur Ukraine musnah

## Russia didakwa hancurkan bekalan tenaga akibat tak boleh terima kekalahan

**Kramatorsk:** Pegawai di timur Ukraine menyalahkan serangan Russia ke atas kemudahan utama sehingga menyebabkan bekalan elektrik terputus di kawasan besar yang berjaya ditawan kembali tentera Kyiv dalam serangan balas.

Serangan itu berlaku selepas tentera Ukraine berkata, mereka menawan semula berpuluh-puluh bandar dan kampung di timur Ukraine.

Gabenor wilayah Kharkiv, Oleg Synegubov, berkata tentera Russia menyerang infrastruktur kritikal di seluruh wilayah dan bandar utama juga dipanggil Kharkiv.

"Tiada bekalan elektrik atau air di beberapa penempatan. Perkhidmatan kecemasan sedang berusaha mengawal kebakaran di tempat kejadian," katanya.

Ketua wilayah Dnipropetrovsk, Dmytro Reznichenko, berkata tentera Russia bertanggungjawab untuk ketiadaan bekalan elektrik di seluruh wilayahnya.

"Beberapa bandar dan komuniti di wilayah Dnipropetrovsk terputus bekalan elektrik.

"Russia menyerang infrastruktur tenaga kerana mereka tidak boleh menerima kekalahan di medan perang," katanya.

**135 bandar, kampung terjejas**

Sementara itu, ketua wilayah Sumy timur berkata, pemotongan bekalan elektrik dan air menjejaskan sekurang-kurangnya 135 bandar dan kampung.

Sementara itu, wartawan *AFP* di bandar wilayah Donetsk, Kramatorsk mengesahkan pemotongan itu turut memberi kesan kepada satu bandar terbesar di timur yang masih di bawah kawalan Ukraine.

Gabenornya juga melaporkan pemotongan bekalan di seluruh wilayah itu yang sebahagiannya dikawal pemisah disokong Moscow sejak 2014. AFP

# Penjual mi sindir menteri makan stik bersalut emas ditahan

**Hanoi:** Gara-gara membuat parodi aksi chef selebriti Turkiye, Nusret Gokce atau lebih dikenali sebagai Salt Bae, seorang penjual mi di Vietnam berdepan padah selepas dia ditahan kerana propaganda antinegara.

Bui Tuan Lam, 38, berkongsi rakaman video terbabit tahun lalu dan kebanyakan pengguna media sosial melihat ia sebagai sindiran kepada menteri kerajaan yang menikmati stik bersalut emas 24 karat berharga AS$1,725 (RM7,759).

Harga menu itu bagaimanapun mencetuskan kritikan banyak pihak berikutan penduduk di Hanoi kebanyakannya hidup dalam kemiskinan.

Pengguna media sosial juga mempertikaikan harga stik terbabit yang didakwa lebih mahal berbanding gaji bulanan diterima menteri antara AS$600 (RM2,698) hingga AS$800 (RM3,598).

Parodi Green Onion Bae itu dimuat naik beberapa hari selepas Menteri Keselamatan Awam, Jeneral To Lam menjamu selera hidangan mewah terbabit di sebuah restoran di London.

Isteri Tuan Lam mengesahkan suaminya diberkas pihak berkuasa minggu lalu, malah pihak berkuasa kembali semula untuk menggeledah rumah mereka.

"Kami telah bersedia dengan hukuman yang bakal dikenakan sejak Tuan Lam dipanggil polis pada November tahun lalu," kata isterinya.

Difahamkan, Tuan Lam ditahan di bawah Artikel 117, satu klausa yang menetapkan tindakan mengeluarkan atau menyebarkan maklumat yang menentang kerajaan sebagai perbuatan jenayah.

Menurut polis, mereka telah berulang kali memberi amaran kepada Tuan Lam supaya tidak menyiarkan kandungan yang menghina kehormatan dan reputasi pemimpin. AGENSI


Tuan Lam ditahan kerana membuat parodi menteri menikmati stik bersalut emas 24 karat berharga AS$1,725.

# AS tingkat sekatan cip, peralatan ke China

**Washington:** Pentadbiran Joe Biden bulan depan merancang meluaskan sekatan penghantaran Amerika Syarikat (AS) ke China bagi semikonduktor yang digunakan untuk kecerdasan buatan dan alat pembuatan cip, menurut beberapa orang yang mengetahui perkara itu.

Menurut sumber, Jabatan Perdagangan bercadang menerbitkan peraturan baharu berdasarkan sekatan yang disampaikan dalam surat awal tahun ini kepada tiga syarikat AS iaitu KLA Corp, Lam Research Corp dan Applied Materials Inc.

Surat yang diakui secara terbuka oleh syarikat itu, melarang mereka daripada mengeksport peralatan pembuatan cip ke kilang China yang menghasilkan semikonduktor termaju dengan proses sub-14 nanometer melainkan penjual memperoleh lesen Jabatan Perdagangan.

**Henti penghantaran**

Peraturan itu juga akan mengumpulkan serta mengatur (menyusun) sesuatu sehingga menjadi satu sistem sekatan, menurut surat Jabatan Perdagangan yang dihantar kepada Nvidia Corp dan Advanced Micro Devices bulan lalu yang mengarahkan mereka untuk menghentikan penghantaran beberapa cip pengkomputeran kecerdasan buatan ke China melainkan mereka memperoleh lesen.

Beberapa sumber berkata, peraturan itu mungkin termasuk tindakan tambahan terhadap China.

Satu sumber berkata, peraturan itu juga boleh mengenakan keperluan lesen ke atas penghantaran ke China produk yang mengandungi cip yang disasarkan.

Jurucakap Jabatan Perdagangan enggan mengulas mengenai peraturan tertentu tetapi mengulangi bahawa ia mengambil pendekatan komprehensif untuk melaksanakan tindakan tambahan bagi melindungi keselamatan negara dan kepentingan dasar luar AS termasuk untuk menghalang China daripada memperoleh teknologi AS untuk pemodenan ketenteraan.

Tindakan yang dirancang itu dibuat ketika pentadbiran Biden berusaha menggagalkan kemajuan China dengan menyasarkan teknologi di mana AS masih mengekalkan dominasi.

"Strateginya adalah untuk menghalang China dan mendapati larangan cip adalah yang terbaik kerana mereka tidak boleh membuat barangan ini," kata pakar teknologi di Pusat Strategik dan Antarabangsa Kajian, Jim Lewis. REUTERS




*Yonnyboii ketika menerima trofi Album Terbaik pada malam kemuncak AIM 23 yang disiarkan secara langsung dari Auditorium MBSA, Shah Alam, malam kelmarin.*

**Antara Pemenang AIM 23**

**Artis Baharu Terbaik**
- Vanessa Reynauld

**Persembahan Vokal Terbaik Di Dalam Lagu (Lelaki)**
- Arddley Nicholas

**Persembahan Vokal Terbaik Di Dalam Lagu (Wanita)**
- Ernie Zakri

**Persembahan Vokal Terbaik Di Dalam Lagu (Berkumpulan)**
- V E

**Persembahan Vokal Duo/ Kolaborasi Terbaik Di Dalam Lagu**
- Shila Amzah dan Liza Hanim (Bahagiakan Dia)

**Kulit Single/Album Terbaik**
- Ziha Salleh

**Rakaman Lagu Terbaik**
- Dayang Nurfaizah (Tudung Periuk)

**Rakaman Album Terbaik**
- Belagu (Dayang Nurfaizah)

### Kontroversi AIM 23

# Album Yonnyboii dipertikai

## Walau tak menang mana-mana kategori, juri perjelas Yonny (Deluxe Version) miliki kualiti lagu

Oleh Farihad Shalla Mahmud
farihad@bh.com.my

**Edisi** ke-23 Anugerah Industri Muzik (AIM) yang melabuhkan tirai malam kelmarin, dicemari kontroversi sejurus keputusan bagi kategori Album Terbaik diumumkan penyampai trofi 'meastro' muzik, Datuk M Nasir dan Ziana Zain pada segmen akhir acara anugerah itu.

Sebaik album *Yonny (Deluxe Version)* milik penyanyi hip hop, Yonnyboii diumumkan mengungguli kategori Album Terbaik, kata-kata negatif mula didengari berikutan bingkisan itu tidak menang dalam mana-mana kategori utama lain.

Malah, album berkenaan hanya 'sangkut' dalam satu lagi kategori, iaitu Rakaman Album Terbaik yang dimenangi album *Belagu* dihasilkan Dayang Nurfaizah.

Menyemak rekod kejayaan pemenang kategori Album Terbaik pada AIM lalu, lazimnya produk dihasilkan dipilih mengungguli kategori utama lain seperti Rakaman Album Terbaik, Lagu Terbaik atau Persembahan Vokal Terbaik Di Dalam Lagu.

Inilah yang dilihat melalui rekod dicipta Datuk Seri Siti Nurhaliza apabila album Dato' Siti Nurhaliza Unplugged diangkat pemenang Album Terbaik, Persembahan Vokal Terbaik Di Dalam Lagu dan Susunan Muzik Terbaik pada AIM 22 yang dianjurkan pada 2016.

Malah, pada AIM 21, album *Fragmen* yang dinobatkan Album Terbaik turut menjulang trofi Persembahan Vokal Terbaik Wanita.

Justeru, apabila juri AIM 23 memilih album *Yonny (Deluxe Version)* milik Yonnyboii yang tidak memenangi sebarang kategori utama, ramai tertanya-tanya apa kelebihan karya itu hingga mendapat pengiktirafan sebegitu.

Mokhzani Ismail

Mengulas kontroversi itu, Ketua Juri, Datuk Mokhzani Ismail menjelaskan penilaian dibuat lebih kepada aspek penciptaan lagu, bukannya dari segi teknikal seperti yang pernah dilakukan sebelum ini.

"Bagi saya, pemenang Album Terbaik masih dinilai dari aspek mutu dan kualiti. Tetapi, tumpuan lebih kepada kualiti penciptaan lagu.

"Sudah tentu aspek teknikal seperti susunan lagu dan rakaman turut dinilai. Tetapi ini tidak memberi peratusan besar dalam pemarkahan.

"Kategori Album Terbaik perlu ada kekuatan semua segi," katanya ditemui sejurus AIM 23 yang disiarkan secara langsung Astro Ria dari Auditorium Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), berakhir, malam kelmarin.

### Bawa konsep rakaman baharu

Mokhzani berkata, biarpun album *Yonny (Deluxe Version)* tidak menang kategori utama lain, juri sependapat produk itu layak menang kategori Album Terbaik.

"Selepas diperhalusi juri, album Yonny membawa imej dan konsep baharu, termasuk memiliki kualiti dari segi penghasilan lagu serta nyanyian," katanya.

Mokhzani menambah, biarpun memiliki kualiti ditetapkan, album *Yonny (Deluxe Version)* berdepan saingan sengit empat finalis lain.

"Untuk kategori ini, kita ada 40 album dinilai dan hanya lima produk terbaik dipilih. Penjurian untuk kategori ini sahaja mengambil masa tiga hari.

"Tidak dinafikan, persaingan untuk kategori ini cukup sengit dan disebabkan itu, Yonnyboii menang tipis," ujarnya.

Empat finalis lain yang bersaing dalam kategori Album Terbaik adalah *Di Persiaran Cakrawala* dihasilkan Ramayan; *Tuju Untuk Kamu 18/19* (Tuju); *Second Voyage* (Sekumpulan Orang Gila) dan *Sesudah Melakar Langit* (A Limin).

Mengulas dakwaan kebanyakan pemenang AIM 23 dikatakan ada kaitan dengan penyiar rasmi, Astro apabila ada antara mereka diurus syarikat di bawah stesen penyiaran itu, Mokhzani menegaskan penjurian dibuat tanpa prejudis.

"Ketika penilaian dibuat, juri tidak tahu dengan siapa artis itu bernaung.

"Semuanya datang dengan karya dan pencalonan masing-masing dalam pelbagai kategori.

"Selepas semua kategori diperhalusi, dapatlah kita temui calon yang menduduki lima tempat terbaik.

"Dari situ kita cari pemenang tanpa mengetahui dari mana asalnya mereka.

"Itu yang tercetusnya kejutan apabila pemenang persembahan vokal terbaik lelaki adalah calon yang tidak begitu dikenali dalam industri.

"Secara tidak langsung membuktikan, AIM mencari mereka yang terbaik dan bukan berdasarkan populariti semata-mata," katanya.

### Album 'suka-suka'

Yonnyboii tidak sangka album *Yonny (Deluxe Version)* yang dihasilkan 'suka-suka' diumumkan Album Terbaik.

Penyanyi hip hop itu berkata, biarpun dibikin dalam serba kekurangan di rumah, namun, dia bangga produk terbabit diiktiraf pada acara berprestij itu.

"Saya sangat gembira dan tak sangka menang kerana saingan sangat hebat. Malah, saya tak terfikir pun menang.

"Album ini dihasilkan dalam tempoh dua bulan. Ini adalah album paling cepat saya pernah siapkan.

"Proses pembikinannya dilakukan saya sendiri. Lagu saya tulis sendiri manakala susunan muzik, saya minta bantuan pasukan saya.

"Rakaman album ini di buat di rumah. Ketika itu, alat pendingin hawa pun tidak ada lagi.

"Namun, saya sangat bangga dengan album ini kerana selepas susah payah dilalui, akhirnya membuahkan hasil," katanya.

Berkongsi kisah menarik di sebalik pembikinan album ini, penyanyi lagu *Sakit* ini mendedahkan kebanyakan lagu yang terkandung dalam album ini diibaratkan 'sampah'

"Album ini dihasilkan suka-suka. Saya tidak letak sasaran apa-apa pun. Sejujurnya, lagu-lagu dalam album ini saya kategorikan sebagai 'sampah'.

"Lagu ini adalah himpunan *single* yang saya letak tepi dahulu. Ini kerana saya mahu tumpukan perhatian kepada penghasilan *single* baharu.

"Namun, disebabkan label (syarikat rakaman) meminta saya siapkan lagu-lagu lama ini dan dijadikan album, saya akur.

"Ketika itu, agak terbatas berikutan kita masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya yang menerima Dana Kandungan Digital (DKD) Muzik bernilai RM200,000 daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM) sebagai insentif kepada penggiat industri kreatif.

Sementara itu, AIM 23 turut mengiktiraf penasihat syarikat rakaman SRC, Tan Su Loke atas sumbangannya kepada industri muzik selama lebih lima dekad.

Su Loke menjadi antara individu terpenting di sebalik kejayaan Siti Nurhaliza yang disunting SRC selepas menjuarai Bintang HMI 1995.

Trofi Anugerah Wirama AIM disampaikan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa kepada Su Loke.

Biarpun berlangsung dalam tempoh amat singkat, iaitu sebulan selepas pengumuman AIM 23 dibuat, pujian wajar diberi kepada penganjur atas inisiatif diambil.

Selepas enam tahun hilang dari radar, AIM bukan sahaja dilihat sebagai pembakar semangat anak seni untuk terus berkarya, malah, menjadi talian hayat untuk mereka meneruskan survival dalam bidang penuh mencabar ini.

Mungkin ini bukanlah AIM terbaik yang pernah dianjurkan, jauh sekali hendak membezakannya dengan era kegemilangan acara anugerah ini yang lalu.

Namun, teras acara ini masih kukuh kerana pengisiannya masih menekankan aspek kualiti termasuk, melalui persembahan disajikan.

Semoga prestij acara anugerah ini terus terpelihara tanpa campur tangan sebarang anasir yang boleh mencacat atau mencalar reputasi yang dibina sejak lebih dua dekad lalu.

Bertemakan Glam & Sophisticated, AIM 23 dikendalikan tiga hos iaitu Sherry Alhadad, Awal Ashaari dan Azad Jasmin.



# Michelle Yeoh curi tumpuan di LA

## Kongsi keterujaan siri aksi komedi, American Born Chinese pada ekspo terbesar anjuran Disney

Oleh Fatin Farhana Ariffin
fatin.farhana@bh.com.my

**Bintang** Hollywood kelahiran Ipoh, Perak, Tan Sri Michelle Yeoh, 60, mencuri perhatian pengunjung ekspo besar-besaran anjuran The Walt Disney Company, iaitu D23 Expo: The Ultimate Fan Event di Pusat Konvensyen Anaheim, Los Angeles, Amerika Syarikat (AS).

Ketibaan Michelle yang mempromosikan siri *American Born Chinese* terbitan Disney Branded Televison pada hari kedua ekspo itu, Sabtu lalu, disambut sorakan peminat yang teruja menyaksikan bintang filem *Crazy Rich Asians* itu tampil di pentas.

Berkongsi keterujaan menghasilkan siri aksi komedi yang bakal ditayangkan di platform penstriman Disney Plus, tahun depan, Michelle menjanjikan naskhah berkenaan sarat magis.




*Destin Daniel Cretton (kiri), Luen Yang, Huy Quan, Kelvin Yu, Michelle, Ben Wang, Melvin Mar dan Daniel ketika mempromosikan filem American Born Chinese di Ekspo D23 di Los Angeles, AS, Sabtu lalu.* (Foto ihsan Disney)

"Saya tidak boleh berkongsi banyak. Namun, saya boleh katakan watak dalam siri ini membawa saya ke dua dunia berbeza.

"Ada kalanya saya terbang dan melawan penjahat.

"Siri ini berkisar individu yang mencari identitinya sendiri dan menyedari anda tidak perlu melalui perjalanan sendirian," katanya.

Michelle berkata, Disney Plus dianggap 'rumah' kepada pelbagai kisah ikonik.

"Kami berharap siri ini dapat menambah warna kepada kandungan sedia ada. Dari hati kami kepada anda," katanya.

Pada kesempatan itu, Michelle membawa pengunjung melihat sedutan siri yang diilhamkan dari novel grafik judul sama nukilan Gene Luen Yang.

### Hidupkan watak

Michelle menghidupkan watak Guanyin, ibu saudara kepada watak utama, Jin Wang yang membantu anak saudaranya menempuh kehidupan remaja dalam pertembungan budaya Cina dan AS.

American Born Chinese berkisar Jin Wang lakonan Ben Wang, pemuda yang bergelut dengan kehidupan sosial dan tanggungjawabnya di rumah.

Jin meneroka budaya dan identiti melalui lensanya sebagai remaja.

Situasi menjadi lebih rumit apabila dia berjumpa pelajar baharu pada hari pertama sesi persekolahan.

Tanpa sedar, Jin juga bergelut dalam 'pertempuran' antara budaya Cina dan AS.

Turut membintangi siri itu adalah pelakon kelahiran Malaysia berpangkalan di Singapura, Yeo Yann Yann.

Yeo menghidupkan watak ibu kepada Jin, Christine Wang.

Selain itu, *American Born Chinese* dibintangi Chin Han, Ke Huy Quan, Jimmy Liu dan Sydney Taylor serta Daniel Wu.

Selain *American Born Chinese*, Michelle terbabit dalam empat filem sekuel baharu arahan James Cameron, *Avatar* serta alih suara bagi filem *Minions: The Rise of Gru*.

Sebelum ini, Michelle menjadi artis Asia pertama menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (PhD) dalam seni halus daripada Institut Filem Amerika (AFI), di sini.

Michelle mendapat pengiktirafan AFI atas sumbangan besar dalam industri perfileman Hollywood selama kira-kira 40 tahun terbabit dalam dunia seni.

# Malbatt Misi Bakara antara filem termahal dihasilkan di Malaysia

**Dengan** bajet RM20 juta, filem terbitan Berjaya Pictures, *Malbatt Misi Bakara* yang bakal menemui penonton di pawagam tahun hadapan, menjadi antara filem paling mahal pernah dihasilkan di Malaysia.

Filem *Malbatt Misi Bakara* berkisar kisah benar di sebalik insiden *Black Hawk Down* yang menyaksikan tindakan berani mati anggota 19 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) Mekanis dari Batalion Malaysia (Malbatt) 1 menyelamatkan 70 anggota US Rangers yang terperangkap di Pasar Bakara, Mogadishu, Somalia, pada 1993.

Selama ini, peminat disajikan dengan versi Hollywood melalui filem *Black Hawk Down* arahan Ridley Scott pada 2001 yang memaparkan pertempuran membabitkan tentera AS di Somalia.

Melalui filem itu, hanya sekali istilah *Malay Army* disebut, iaitu ketika tentera AS memohon bantuan anggota Malbatt 1 untuk menyelamatkan anggota US Rangers dengan plot tidak dikembangkan.

Pengarah filem itu, Adrian Teh memberitahu, 70 peratus daripada kos pembikinan naskhah itu diperuntukkan bagi menampung kos lapangan seperti membina kelengkapan ketenteraan.

"Untuk filem ini, kami terpaksa menempah semula pakaian seragam yang digunakan anggota batalion yang menelan belanja ratusan ribu ringgit.

"Kita juga membina semula set dan kelengkapan ketenteraan.

"Peningkatan kos juga disebabkan kami menggunakan khidmat pelakon berpengalaman dan menjalani penggambaran di luar negara iaitu di selatan Turkiye," katanya pada sidang media dan pelancaran filem *Malbatt Misi Bakara* di ibu negara, baru-baru ini.




*Adrian (tengah) bersama pelakon dan tenaga kreatif filem Malbatt Misi Bakara pada majlis pelancaran filem berkenaan di sebuah hotel di ibu negara, baru-baru ini.* (Foto Fariz Iswadi Ismail/BH)

Majlis pelancaran itu disempurnakan Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Zamrose Mohd Zain.

### Yakin penonton ke pawagam

Adrian mengaku dengan kos setinggi itu, ia memberi tekanan kepadanya dalam menggarap *Malbatt Misi Bakara*.

Apatah lagi, penerbit dan pelabur filem itu, tokoh korporat, Tan Sri Vincent Tan meletakkan harapan tinggi terhadap filem itu.

"Walaupun beliau bergurau apabila mengharapkan filem ini mendapat keuntungan, ia sedikit sebanyak memberi tekanan kepada saya.

"Saya tidak berani menjanjikan apa-apa kerana filem ini masih dalam peringkat pascaproduksi.

"Namun, saya yakin filem ini mampu menarik minat penonton untuk menyaksikannya," katanya yang sebelum ini menghasilkan filem *PASKAL*.

Filem *Malbatt Misi Bakara* menampilkan lakonan hebat Hairul Azreen, Zahiril Adzim, Bront Palarae, Shaheizy Sam, Nafiez Zaidi dan Fauzi Nawawi.

Seramai 114 anggota 19 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) Mekanis dari Batalion Malaysia (Malbatt) 1 terbabit dalam misi pengaman di Somalia pada 1992 hingga 1995.



# 1klassifieds

BH BeritaHarian

Dapatkan naskah BH BeritaHarian di cawangan 7-Eleven di Lembah Klang

www.1k.com.my | 1300 808 123 (Tempatan) +603 2299 6000 (Antarabangsa)



# BERUS GIGI
## DUA KALI SEHARI

**Tidak kira lelaki atau wanita, masing-masing perlu menitikberatkan kebersihan dan kesihatan tubuh.**

Kerap kali tip penjagaan wajah dan tubuh menyebelahi wanita. Bukan tidak ada panduan khusus untuk lelaki tampil kemas dan menawan, namun kecenderungan wanita dalam hal berkaitan memang jauh lebih tinggi berbanding kaum Adam.

Lihat saja bagaimana kalutnya wanita setiap kali timbul cela pada wajah atau berlaku perubahan pada kulit. Mereka pantas mendapatkan penyelesaian terbaik kerana bimbang masalah berterusan. Berbeza dengan lelaki, mereka lebih tenang dan tidak mudah terganggu dengan perkara remeh.

Apapun reaksinya, tidak bermakna lelaki harus mengabaikan kepentingan rutin penjagaan diri yang baik. Sebagai individu, tidak kira lelaki atau wanita, masing-masing perlu tahu menitikberatkan soal kebersihan, kekemasan wajah dan kesihatan tubuh supaya nampak elok di mata orang lain.

Cuba semak tip berikut. Adakah ia termasuk dalam rutin harian diri anda atau pasangan? Beri perhatian pada tubuh walaupun hanya untuk kepuasan diri. Tentu ramai orang di sekeliling yang menghargai perubahan anda!


**1. Memberus gigi**

Asas dalam penjagaan diri adalah dengan mempunyai gigi bersih, nafas tidak berbau dan senyuman menawan. Jadi, pastikan anda memberus gigi sekurang-kurangnya dua kali sehari. Lihat di cermin setiap kali selepas anda berkumur dan cuba hidu nafas sendiri. Sekiranya merokok, amalkan penggunaan cecair pembersih mulut untuk nafas lebih segar, sekali gus melawan bakteria yang mungkin menyebabkan nafas berbau. Gunakan juga ubat gigi yang boleh menanggalkan kesan kuning akibat asap rokok.

**2. Berkuku pendek**

Ramai lelaki kurang memberikan perhatian kepada penjagaan kuku, terutama di bahagian kaki. Memandangkan kita kerap berkomunikasi dengan isyarat jari, berjabat tangan, menulis, menaip, bertukar barang dan sebagainya, pastikan kuku tangan sentiasa dalam keadaan bersih serta pendek.

Kuku kaki juga tidak ketinggalan. Sekalipun anda kerap menyarung sepatu berbanding selipar, kebersihan kuku kaki tetap perlu diambil kira.



**3. Rambut kemas**

Pernahkah anda berasa mual apabila berselisih bahu dengan lelaki atau wanita yang jarang mencuci rambut? Bukan setakat bau menjijikkan, rambut yang tidak dijaga juga melengkapkan rupa yang selekeh. Sebenarnya, mencuci rambut bukan susah. Gunakan apa saja jenis syampu bersesuaian dan pastikan rambut dirapi kemas dengan sikat. Dapatkan potongan rambut pendek untuk memudahkan penjagaan.

**4. Cuci muka**

Jerawat mungkin tumbuh disebabkan masalah hormon, sinus, resdung atau terlalu kerap terdedah pada terik matahari. Cuba tangani masalah ini kaedah penjagaan wajah yang betul atau berjumpa pakar kulit. Bagi yang tidak mempunyai masalah jerawat, anda juga wajib memiliki rutin penjagaan wajah biarpun hanya dengan mencuci muka pada sebelah pagi dan malam. Pastikan tiada liang pori wajah yang dibiarkan tersumbat.

**5. Membersihkan telinga**

Walaupun telinga bukan tarikan utama setiap kali anda bertentang mata dengan orang lain, namun kotoran yang kelihatan tetap meloyakan sesiapa yang memandang dari sisi. Bayangkan kerak di lubang telinga yang bertahun tidak dicuci, karat daki di cuping dan sisi belakang. Jangan ditanya kenapa tiada wanita yang sudi mendampingi, apalagi jodoh yang tidak kunjung tiba. Cuci cuping telinga dengan sabun setiap kali mandi dan bersihkan dengan putik kapas sekurang-kurangnya dua kali seminggu.

**6. Bercukur**

Perubahan zaman menonjolkan gaya maskulin berbeza dari semasa ke semasa. Memandangkan ramai lelaki kini cenderung menyimpan jambang, misai dan janggut nipis, beri perhatian pada rutin bercukur serta membersihkan rambut di sekitar wajah. Dapatkan khidmat merapi di kedai gunting jika anda tidak mahir dalam penggayaan. Rapikan setiap kali sebelum keluar rumah.

**7. Perut seimbang dada**

Bukan semua lelaki mampu mengamalkan rutin senaman untuk mendapatkan perut rata dan berlekuk. Namun begitu, anda masih boleh mengawal pemakanan supaya tidak boroi dan menjejaskan penampilan untuk jangka panjang. Memadai jika anda dapat mengekalkan bentuk perut yang rata, sebagaimana kerap disuarakan ramai lelaki kepada wanita yang menjadi pasangan hidup mereka. Hidup perlu adil bukan?

**8. Bau badan**

Bohong andai ada yang mengatakan bahawa bau badan itu seksi! Urus bawah lengan dengan bercukur mengikut keperluan. Bagi yang kerap berpeluh, amalkan pemakaian deodoran untuk mencegah bau badan. Sental bawah lengan dengan limau purut sekurang-kurangnya sekali seminggu dan kurangkan pengambilan makanan berempah.

Gunakan mandian yang dikhususkan untuk mereka yang aktif bersukan atau mempunyai fungsi antibakteria. Keringkan tubuh sebelum mengenakan sebarang pakaian. Elakkan memakai wangian yang menusuk rongga hidung kerana dikhuatiri memburukkan lagi keadaan apabila anda berpeluh.

DI DALAM : TEMPAHAN DAN CARIAN

DAPATKAN DI SINI!



AUTO
Kereta
Trak
Bas



NOTIS
Laporan
Kewangan
Tender
Notis Am



KLASIFIKASI AM
Perkhidmatan
Kecantikan
Kesihatan
perabot



HARTANAH
Rumah
Kedai



KERJAYA
Sepenuh masa
Separuh masa
Latihan
Skim Graduan



KERAJAAN
Laporan
Kewangan
Tender
Notis Umum



LELONGAN/ GUAMAN
Hartanah
Lelongan
Guaman



# Kerjaya

## 235 Perjawatan Kerajaan



**MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan serta berumur 18 tahun ke atas. Keutamaan diberi kepada calon di Negeri Kedah yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di dalam perkhidmatan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan :-

A. JAWATAN
1. PEMBANTU JURUAUDIT GRED W19 (KONTRAK)
2. AHLI MUZIK GRED B19 (KONTRAK)
3. PEMBANTU AWAM GRED H11 (TETAP)

B. SYARAT LANTIKAN DAN LAIN-LAIN MAKLUMAT
Sila layari laman Web MPLBP seperti berikut;
www.mplbp.gov.my

C. TARIKH TUTUP PERMOHONAN
25 SEPTEMBER 2022

**MAJLIS PERBANDARAN KLUANG**
Wisma Majlis Perbandaran Kluang
Jalan Kota Tinggi
86000 Kluang, Johor
07-777 1473

**JAWATAN KOSONG**

Warganegara Malaysia khususnya rakyat Negeri Johor yang berkelayakan dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan adalah dipelawa memohon jawatan berikut:

1. Jawatan: **PEGAWAI PENILAIAN W41**
(TETAP) – 1 Kekosongan

2. Jawatan: **PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN U41**
(TETAP) – 1 Kekosongan

Tarikh tutup permohonan : **25 September 2022**

Borang permohonan boleh didapati melalui laman sesawang:
**www.mpkluang.gov.my**

## 230 Jawatan Kosong

**JAWATAN KOSONG**
Untuk
**PEGAWAI LADANG SAWIT**

Sila hantar permohonan kepada:
**Ketua Kerani
Ladang Triang
c/o Pejabat Pos Triang
28300 Triang, Pahang**
Atau
Email: **triangestate@tlkg.com.my**

**(1) KELINDAN LORI** (2) Pemandu Lori (Lesen GDL) (3) Packing Operator. Lokasi: Menglembu. Sila hubungi 05-2810606 atau 010-5173268 Sam Hoe Group of Companies

**(1) PEMANDU LORI** Tipper (2) Pemandu Trailer (3) Pemandu Lori Mixer dikehendaki segera di Ipoh. Sila hubungi: 05-357 1161.

**1) PEMBANTU MAKMAL** Lelaki Cum Pengeluaran. Diploma/ SPM. Gaji kasar RM2460. 2) Operator Lelaki. Gaji kasar RM2260. Kerja 5 hari seminggu. Di: Tai Thong Ind (M) S/B. No 3, Jln Taruka, Kaw Perind. Tampoi, JB. Tel: 07-2361425.

**1) STORE KEEPER/** Pembantu Stor (Lelaki diutamakan). 2) Kerani (wanita shj) 3) Pemandu Lori. Pej: 03-3344 8663/3344 9822 /3342 9822 / Mr Khoo 019-814 9133 / Siti 011-2138 0815.

**PEGAWAI KESELAMATAN &** Admin dekat Subang Airport. Tel: 010-4415595/ 010-3575595/ 011-16073560

**1)JURUTEKNIK HAWA DINGIN** Mahir/ Separuh Mahir Segera. Future Cool Engineering (Tmn Sri Gombak) Hubungi: 03-6188 6200 Pn Ieda / 013-321 7474 En Nazir

**1. PEMANDU LORI** 40 kaki. Lesen E (GDL Kelas E Bersendi) & passport Singapura. Di: E.S.B Transport Agency Sdn Bhd. Di: No 1, Jalan Bukit 24, Kawasan Perindustrian Seri Alam, 81750 Masai, Johor. Sila hubungi : 07-3888989 / 07-3868989 / 07-3868899.

**JAWATAN KOSONG 1)** Pemandu Lori 3 Tan. Lesen Memandu Yang Sah. Lesen GDL yang sah. Umur: 35 - 50 Tahun. 2) Pendawaian Elektrik (Lelaki). Ada pengalaman. Berminat sila hubungi : 019-7613707 Mrs Sim.

**KILANG PAPAN-PALLET (JB-Kempas Lama). 1) Pemandu Lori 11 Tan, Jln local, Curtain Sider. 2) Mekanik (Mesin) 3)Supervisor 4)Pemandu Forklift. Tel: 012-7730291.**

**JURUTEKNIK HAWA DINGIN** dan Juruteknik Pencegah Kebakaran, ada/ tiada pengalaman dikehendaki segera di Desa Tun Razak, Cheras. Tel: 03-9172 4863

**KERANI (CLERK) DIPERLUKAN** di 27, Jalan Mutiara Emas 7/3, Taman Mount Austin JB. Tiada pengalaman. Sila hubungi : 07-3543197.

**KILANG KOSMETIK DI** Puchong belakang Tesco memerlukan Pekerja Am Lelaki & Wanita. 8pg - 4ptg. Gaji RM2,000 dengan OT. Berminat hubungi 012-668-3971

**PEMANDU LORI DIPERLUKAN.** Lokasi di Kepong Baru, KL. Calon berminat, Tel: 03-6274 3785 / 012-2955 921

**PEMANDU LORI 40** Kaki. Mesti tahu jalan S'pura & JB. Gaji RM4000++ EPF. Hubungi : Mr Tey 012-7169999.

**MEKANIK SERVIS &** Membaiki kereta, lori, air-con, wiring, kenderaan petrol & diesel. Vong Auto Service Centre Ipoh. Mr.Jacky: 0195578489.

**MEMERLUKAN PEMANDU LORI** 10Ton, 3ton & 1ton. Mempunyai Lesen & GDL. Sila hubungi 016-9668644/ 012-2052300

**MOHZAJAYA & SONS** (M) S/B. 1)Penyelia Lelaki/ Wanita 2) Pekerja Am (Penyelenggaraan Lebuhraya) Lokasi di Johor Bahru. Hubungi 07-2325502 Pn Maziiza.

**MOTOR DESPATCH TONG Gas. RM1800-RM2400. Ada Asrama/ KWSP/ SOCSO. No. 3 Jln 13, Desa Jaya, Kepong, KL. Tel: 019-330 1331/ 03-6276 2912**

**OUTSTATION LORRY DRIVER.** Lesen GDL E. Umur tidak melebihi 40 tahun. Berminat sila hubungi 04-3995259.

**JURUJUAL KEDAI FESYEN.** Gaji: RM2,500 & ke atas utk kaw. Klang Valley, Putrajaya, Klang. Tel: 017-380 3621 (Ms Chan)

**PEKERJA MEKANIKAL/ JURUTEKNIK. Ada/ tiada pengalaman. Ada latihan. Di: 44, Jln Kempas 4, Kawasan Perind. Tampoi Indah, JB. Sila hubungi : 07-2369668.**

**PEMANDU LORI & Pekerja Am (Welder) di Eco Business Park 1, JB. Sila hubungi : 019-7663288.**

**PEMANDU LORI (TOWING)** kenderaan. Lesen GDL & E Penuh. Masa kerja on call. Di JB. Tel: 016-7105533.

**PEMANDU LORI /PEKERJA** Am diperlukan segera. Lokasi di Jalan Cheras, Kajang. Hubungi: Ms Yeoh 03-8739 2778/ 012-690 7781.

**PEMANDU LORI 3** tan & 5 tan. Pengalaman jalan JB-S'pura. Mempunyai Lesen GDL & E. Tel : 016-7150667 Mr Lim.

**PEGAWAI & PENGAWAL** Keselamatan Diperlukan Segera di Sri Hartamas, Puchong, PJ, Cheras, Ampang, Kajang & Glenmarie (wanita/ lelaki). Sila hubungi 019-357 4260

**PEMANDU LORI GDL** 3Tan. Umur 25-30. Hantar kargo sekitar KL, Sel. 9pg-6ptg. Gaji RM1800-2000++ KWSP. Socso, elaun, OT, labor. No. 28, Jalan Bayu Tinggi 8, Batu Unjur Klang. 012-2590361

**PEMANDU LORI LESEN** E penuh diperlukan di Defong Ent Sdn Bhd, No.5, Jalan Bistari 2, Taman Industri Jaya, JB. Tel: 07-5112399

**PEMANDU LORI TONG Gas & Attendan (1-3 tan - 10 tan). Ada Asrama/ KWSP/ SOCSO. Lot 191, Jln Satu Ehsan Jaya, Kepong KL. Tel: 03-62760234 / 019-330 1331.**

**PEMANDU LORI TOWING** & lori 10 tan. Ada Lesen E. Penduduk sekitar Skudai. Gaji RM4000++ komisyen 30%. Tiada kerja tengah malam. Tel: 019-7139696

**PEMANDU PERIBADI PENGARAH** Mesti tinggal berhampiran Kajang (Boss tinggal Kajang). Mesti berpengalaman + Vaksin lengkap. Gaji RM2K + OT + Elaun. Umur 30-50 thn. Whatsapp Ms Lim 012-3005638

**PEMANDU VAN. GAJI** RM2200++. Alamat: Perfect Home Equipment S/B No 77, Jln Bentara 20, Tmn Ungku Tun Aminah, Skudai. Tel : 016-7232386 (selepas 11.30 pg).

**PEMANDU, KREW, PENJAGA STOR & PEKERJA AM.** (Pengutip sampah) di Ipoh, Perak. Sila hubungi Ms. Khai- 05-2547129 (Office hours) Faedah yang ditawarkan:- Cuti tahunan, potongan EPF, SOCSO. Bayaran cuti am, Pembayaran Kerja lebih masa & lain-lain faedah

**PEMBANTU KEDAI (WANITA)** Basic + Elaun ++++. Waktu Kerja : 8:30pg - 6ptg Lokasi : Taman Ungku Tun Aminah Kemasukan Segera Rajin Dan Bertanggungjawab. Sila Hubungi / Whatsapp : 012-7175282

**PEMBANTU RUMAH WANITA** di Kajang, Selangor. Menjaga 2 orang anak lelaki OKU autisme dan buta. Gaji bersih RM1,600. Tel: 013-3852848.

**PEMBANTU STOR 2)** Pemandu Lori 3) Kelindan Lori diperlukan di Kg. Baru Sungai Buloh. Ada EPF, SOCSO, EIS, elaun dan OT. Tel: 019- 252 6411 (Ms. Tan)

**PENGAWAL KESELAMATAN DIKEHENDAKI** segera di Pasir Gudang & Gelang Patah. Tel: 019-7503410 / 019-7518184.

**PENGAWAL KESELAMATAN SEGERA** di Lembah Klang. Asrama disediakan, duit harian. Tel: 0126317186 / 0127037186

**PEREKA GRAFIK - Diploma. Lokasi : P. Pinang. Hubungi : : En. Gandi 012-5237678/ 012-4644022**

**SEBUAH SYARIKAT PEMBINAAN** G7, memerlukan Operator Excavator untuk kerja-kerja Cerucuk Kepingan. Tel : 03-5122 2006 samb 1 @ 012-6569096

**SINGAPURA HQ. JURUTEKNIK** Kawalan Makhluk Perosak / Pest Control Technician. Lesen kelas D. SPM. Sila hubungi +65 8635 1602 / +65 8359 2514

**TUKANG URUT WANITA** diperlukan di Puchong. Full / Part Time. Berpengalaman 5 tahun ke atas. Tel: 011-16274366

**VACANCY JOBS 1)** Lorry Driver. (License E Full). At : No.34, Jalan Idaman 1/6, Senai Industrial Park, 81400 Senai, Johor. Tel: 07-5982653

**WELDER (MIG) &** Pekerja Am Kilang Besi & Logam (Kawasan Perindustrian SILC Gelang Patah) Warganegara Malaysia Sahaja. Sedia Menerima Arahan, Tanggungjawab & Kerjasama. Sila hubungi 016-722-7197.

**PENGAWAL KESELAMATAN. BERTUGAS** Kawasan bandar kuala lumpur Umur 25-55 & Boleh bertutur bahasa inggeris , RM2200 + EPF SOCOS tel 014-6409313

1klassifieds MEDIA TERKEMUKA UNTUK SEGALA KEPERLUAN 'CLASSIFIEDS' ANDA

228 Notis/Tender Kerajaan | 228 Notis/Tender Kerajaan | 228 Notis/Tender Kerajaan | 228 Notis/Tender Kerajaan | 228 Notis/Tender Kerajaan | 228 Notis/Tender Kerajaan | 225 Lelong | 225 Lelong

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar di dalam bidang/gred seperti di bawah yang pendaftarannya masih berkuatkuasa bagi menjalankan Perkhidmatan/Kerja seperti berikut:-

| BUTIR-BUTIR TAWARAN | TARIKH/MASA/TEMPAT |
|---|---|
| **No.Tender : UiTM/PER/T/3/96/22**<br>Perkhidmatan Membersih Dan Mencuci Bangunan Di Seksyen Operasi Bangunan Fakulti Dan Pejabat 2 ***(Zon 2)*** Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam Selangor Untuk Tempoh Tiga (3) Tahun.<br>Kelayakan : Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)<br>Kod Bidang : **221001**<br>Harga Dokumen : **RM 80.00 Senaskah** | **Tempat Pamer/Jual/Tutup Tawaran:**<br>Pejabat Bendahari<br>Jabatan Pengurusan Perolehan & Aset<br>Unit Panggilan Tender & Sebut Harga<br>Universiti Teknologi MARA<br>40450 Shah Alam<br>Selangor Darul Ehsan<br>**Tarikh/ Masa / Taklimat / Lawatan Tapak:**<br>20/09/2022 Jam 10.00 Pagi<br>**Tempat Taklimat/Lawatan Tapak :**<br>Dewan Kuliah H, Aras 5, Menara 2<br>Kompleks Kejuruteraan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah<br>UiTM Shah Alam<br>Selangor Darul Ehsan<br>**Tarikh Tutup Tawaran :**<br>11/10/2022 Jam 12.00 tengahari |

1. Dokumen Tawaran akan dipamer mulai **13/09/2022**.
2. Kehadiran Petender ke Taklimat dan Lawatan Tapak Tender adalah **DIWAJIBKAN**.
   a) Hanya Petender yang hadir Taklimat dan Lawatan Tapak sahaja yang akan dibenarkan membeli Dokumen Tawaran.
   b) ***Hanya Penama di dalam Perakuan Kementerian Kewangan (KKM) sahaja yang boleh menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak tersebut. Petender tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada Penama di dalam sijil-sijil yang dinyatakan.***
3. Petender yang **TIBA LEWAT** dari masa yang telah ditetapkan untuk sesi Taklimat dan Lawatan Tapak akan dikenakan tindakan seperti berikut :
   I. Tidak dibenarkan menyertai Taklimat dan Lawatan Tapak
   II. Tidak akan diberikan Borang Pengesahan Lawatan Tapak yang telah ditandatangani oleh Pegawai Jabatan ini
   III. Tidak dibenarkan menyertai Tawaran Tender yang dibuka ini dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan
4. Dokumen Tawaran hanya boleh dibeli **Selepas Taklimat dan Lawatan Tapak sahaja** pada waktu pejabat dengan menggunakan **Pembayaran Tanpa Tunai (Kad Debit / Kredit)**.
5. Petender-petender dikehendaki membawa **SALINAN Sijil Pendaftaran KKM dan Sijil KKM BUMIPUTERA (jika ada)** dalam bidang seperti diatas semasa membeli Dokumen Tawaran Tersebut.
6. Hanya penama di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), atau Sijil Kementerian Kewangan Malaysia sahaja yang boleh hadir untuk membeli dokumen tawaran tender. Sila kemukakan Surat Wakil jika penama di dalam sijil berkaitan mewakilkan pembelian dokumen tawaran kepada pihak ketiga (runner). Sila bawa Kad Pengenalan dan Surat Wakil (jika berkaitan) bagi tujuan pengesahan identiti.
7. Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti yang dinyatakan.
8. Tawaran ditutup pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Tawaran Tender yang lewat diterima dari waktu tutup **tidak akan dipertimbangkan**.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar di dalam bidang/gred seperti di bawah yang pendaftarannya masih berkuatkuasa bagi menjalankan Perkhidmatan/Kerja seperti berikut:-

| BUTIR-BUTIR TAWARAN | TARIKH/MASA/TEMPAT |
|---|---|
| **No.Tender : UiTM/PER/T/3/92/22**<br>Perkhidmatan Membersih Dan Mencuci Bangunan Di Zon D, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh, Pulau Pinang Selama Tiga (3) Tahun.<br>Kelayakan : Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)<br>Kod Bidang : **221001**<br>Harga Dokumen : **RM 70.00 Senaskah** | **Tempat Pamer/Jual/Tutup Tawaran :**<br>Pejabat Bendahari<br>Bahagian Pengurusan Perolehan<br>Universiti Teknologi MARA<br>Cawangan Pulau Pinang<br>Kampus Permatang Pauh<br>Pulau Pinang<br>**Tarikh/Masa Taklimat/Lawatan Tapak :**<br>20/09/2022 Jam 10:00 pagi<br>**Tempat Taklimat/Lawatan Tapak :**<br>Dewan Seminar<br>Kompleks Perdana<br>UiTM Cawangan Pulau Pinang<br>Kampus Permatang Pauh<br>Pulau Pinang<br>**Tarikh Tutup Tawaran :**<br>11/10/2022 Jam 12.00 tengahari |
| **No.Tender : UiTM/PER/T/3/94/22**<br>Perkhidmatan Penyelenggaraan Elektrik Domestik Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Selangor, Kampus Sg Buloh, Selangor Darul Ehsan Selama Tiga (3) Tahun.<br>Kelayakan : Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)<br>Kod Bidang : **220503**<br>**DAN**<br>Kelayakan : Berdaftar Dengan CIDB<br>Memegang Perakuan Pendaftaran dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang masih sah<br>Gred **G4**<br>Kategori **ME**<br>Pengkhususan **E04 & E11**<br>Harga Dokumen : **RM 100.00 Senaskah** | **Tempat Pamer/Jual/Tutup Tawaran:**<br>Pejabat Bendahari<br>Jabatan Pengurusan Perolehan & Aset<br>Unit Panggilan Tender & Sebut Harga<br>Universiti Teknologi MARA<br>40450 Shah Alam<br>Selangor Darul Ehsan<br>**Tarikh/Masa/Taklimat/Lawatan Tapak :**<br>19/09/2022 Jam 10:00 pagi<br>**Tempat Taklimat/Lawatan Tapak :**<br>Auditorium 1, Aras 1<br>Bangunan Akademik<br>Fakulti Perubatan<br>UiTM Kampus Sungai Buloh<br>Selangor Darul Ehsan<br>**Tarikh Tutup Tawaran :**<br>11/10/2022 Jam 12.00 tengahari |

1. Dokumen Meja Tawaran akan dipamer mulai 13/09/2022.
2. Kehadiran Petender ke Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN**.
   a) Hanya Petender yang hadir Taklimat dan Lawatan Tapak sahaja yang akan dibenarkan membeli Dokumen Tawaran.
   b) ***Hanya Penama di dalam Perakuan Kementerian Kewangan (KKM), Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang boleh menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak tersebut. Petender tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada Penama di dalam sijil-sijil yang dinyatakan. (rujuk kelayakan tender berkaitan)***
3. Petender yang **TIBA LEWAT** dari masa yang telah ditetapkan untuk sesi Taklimat dan Lawatan Tapak akan dikenakan tindakan seperti berikut :
   I. Tidak dibenarkan menyertai Taklimat dan Lawatan Tapak
   II. Tidak akan diberikan Borang Pengesahan Lawatan Tapak yang telah ditandatangani oleh Pegawai Jabatan ini
   III. Tidak dibenarkan menyertai Tawaran Tender yang dibuka ini dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan
4. Dokumen Tawaran hanya boleh dibeli **Selepas Taklimat dan Lawatan Tapak sahaja** pada waktu pejabat dengan menggunakan **Pembayaran Tanpa Tunai (Kad Debit / Kredit)**.
5. Petender-petender dikehendaki membawa **SALINAN Sijil-Sijil yang berkaitan mengikut kelayakan bidang/gred dan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada)** seperti di atas semasa membeli Dokumen Tawaran Tersebut **(rujuk kelayakan tender berkaitan)**.
6. Hanya penama di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), atau Sijil Kementerian Kewangan Malaysia sahaja yang boleh hadir untuk membeli dokumen tawaran tender. Sila kemukakan Surat Wakil jika penama di dalam sijil berkaitan mewakilkan pembelian dokumen tawaran kepada pihak ketiga (runner). Sila bawa Kad Pengenalan dan Surat Wakil (jika berkaitan) bagi tujuan pengesahan identiti.
7. Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti yang dinyatakan.
8. Tawaran ditutup pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Tawaran Tender yang lewat diterima dari waktu tutup **tidak akan dipertimbangkan**.

## PERISYTIHARAN JUALAN

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KOTA BHARU**
**PERMOHONAN UNTUK PERLAKSANAAN NO: DA-38-297-06/2022**

**ANTARA**

**Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) ... PLAINTIF**

**DAN**

**RUSLI BIN YAACOB (No. Kad Pengenalan: 710102035113) ... DEFENDAN**

**AKAN MENJUAL SECARA LELONG AWAM**
**Pada Hari Khamis, 15 September 2022 Pada Jam 9:00 pagi, SECARA ELEKTRONIK DI LAMAN WEB e-LELONG, PUSAT OPERASI e-LELONG, KOMPLEKS MAHKAMAH KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR**

NOTA: **Bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian Hakmilik secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa semua tanggungan, bebanan serta mengenai pasti dengan tepat hartanah tersebut sebelum jualan lelongan dijalankan.**
Sila layari https://elelong.kehakiman.gov.my/bidderweb

**BUTIR-BUTIR HAKMILIK:**
**No. Hakmilik:** H.S. (D) 77, PT 722, **Mukim/Daerah:** Pak Pura/Tanjung Pauh, **Jajahan Bachok, Negeri: Kelantan Pegangan:** Hakmilik Kekal No. Petak/ No. Tingkat/ No. Bangunan **Keluasan Tanah:** 111.00 meter persegi **Pemilik Berdaftar: RUSLI BIN YAACOB, Syarat Nyata: Bangunan Kediaman Sekatan Kepentingan:** TIDAK DINYATAKAN **Deskripsi hartanah:** Tanah lot teres tengah berbentuk segi empat tepat. Bentuk muka bumi adalah rata dan separas dengan jalan dan lot sekitar **Bebanan/Lain-Lain:**

**LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH:**
Hartanah merupakan tanah lot teres tengah dan separas dengan jalan dihadapannya dan lot-lot sekitar yang beralamat pos di **PT 722, Taman Kulim Indah 2, Pak Pura, 16300 Bachok, Kelantan.**

**HARGA RIZAB:**
Hartanah tersebut akan dijual atas **"sepertimana sedia ada"** tertakluk kepada satu harga rizab sebanyak **RM121,500.00 (RINGGIT MALAYSIA: SATU RATUS DUA PULUH-SATU RIBU LIMA RATUS SAHAJA)** dan kepada syarat-syarat jualan yang dilampirkan. Pembida yang berminat hendaklah mendepositkan 10% daripada harga rizab dalam bentuk **Bank Draf** di atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA) 1 HARI BEKERJA** sebelum tarikh lelong awam. Baki harga belian hendaklah dibayar oleh pembida yang berjaya kepada **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)** dalam tempoh **seratus dua puluh (120) hari** dari tarikh jualan. Untuk butir-butir selanjutnya, sila berhubung dengan: -

**Firma Guaman : NORA NOREHA & HARTINI**
**Alamat : 4815-E, TINGKAT 1, JALAN DUSUN MUDA, 15200, KT, MY**
**No. Telefon : 09-7473764, No. Fax: 09-7434763**
**No. Rujukan : NNH/LTG/LPPSA/301/2018**

## PERISYTIHARAN JUALAN

[illegible]

**LELONGAN AWAM**
**PADA 27HB SEPTEMBER, 2022 HARI SELASA, JAM 2.30 PETANG SECARA ATAS TALIAN DI LAMAN WEB www.eszamauctioneer.com (eZ2Bid)**

Penawar yang berminat boleh mengemukakan bidaan untuk hartanah tersebut secara atas talian ("online") melalui laman web www.eszamauctioneer.com
PENAWAR ATAS TALIAN ADALAH SELANJUTNYA TERTAKLUK KEPADA TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT DI www.eszamauctioneer.com

| EZ 1 | HARGA RIZAB RM162,000.00 | SARAWAK |
|---|---|---|

Rumah Teres Satu Tingkat Lot Tengah, Lebih kurang 99 meter persegi

**Alamat** : Sublot 30, Lot 12840, Lorong Uni-Central 11A, Taman Uni-Central, Kuching-Samarahan Expressway, 94300 Kota Samarahan, Sarawak.
**Penyerahhak** : Mohamad Norhaslize Bin Asli
**Peguamcara** : Tetuan S.K. Ling & Tan Advocates (Tel: 082-356969)

**HARGA RIZAB:**
Hartanah tersebut akan dijual dalam **"keadaan sepertimana sediada"** dan tertakluk kepada satu harga rizab dan tertakluk kepada Syarat-Syarat Jualan.
**DEPOSIT:**
Semua penawar adalah dikehendaki membayar deposit **10%** daripada harga rizab dalam bentuk **bank deraf** atau **kasyier order** atas **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** sebelum jualan lelongan ATAU **melalui pemindahan perbankan atas talian sekurang-kurangnya satu (1) hari bekerja sebelum tarikh lelongan.** Untuk pembida atas talian, sila rujuk kepada terma-terma dan syarat-syarat di www.eszamauctioneer.com untuk cara pembayaran deposit. Baki wang belian hendaklah dijelaskan dalam tempoh Satu Ratus Dua Puluh **(120) hari.** Untuk maklumat lanjut sila hubungi pihak Peguamcara atau Pelelong tersebut dibawah :-

TETUAN ESZAM AUCTIONEER SDN. BHD. [illegible]
SUITE B-15-03, TINGKAT 15, BLOK B, MEGAN AVENUE 2,
12, JALAN YAP KWAN SENG, [illegible] KUALA LUMPUR.
Tel : [illegible]
Email : eszamauctioneer@yahoo.com
Web : www.eszamauctioneer.com

MOHD NIZAM BIN MOHD SHARIF (RJK)
(Pelelong Berlesen)

223 Notis Am | 223 Notis Am | 223 Notis Am

BNP PARIBAS | BNP PARIBAS NAJMAH

**BNP Paribas Malaysia Berhad**
201001034168 (918091-T)

# PEMBERITAHUAN

**Kadar Pinjaman Asas/ Kadar Pembiayaan Asas: 6.05% setahun**

BERKUATKUASA
14 September 2022

KLASIFIKASI AM | KERJAYA | LELONGAN/GUAMAN | NOTIS | HARTANAH | AUTO | KERAJAAN

*memenuhi segala keperluan pengiklanan anda*

1klassifieds | NEW STRAITS TIMES | BH | Metro

www.1k.com.my | 1300 808 123

Klik 'LIKE' dan ikuti kami di laman Facebook, **Jobs 1Klassifieds**

1klassifieds



Liga Juara-Juara Eropah

# Pertemuan epik Bayern, Barcelona

**Esok**

Viktoria Plzen **mln** Inter, 12.45 tgh mlm
Sporting **mln** Tottenham, 12.45 tghmlm
Liverpool **mln** Ajax, 3pg
Bayern **mln** Barcelona, 3 pg
Porto **mln** Club Brugge, 3 pg
Marseille **mln** E Frankfurt, 3 pg
Leverkusen **mln** A Madrid, 3pg



*Robert Lewandowski*

## Juara Jerman resah menanti kunjungan Lewandowski

**Berlin:** Bayern Munich akan menyambut kedatangan Robert Lewandowski dari Barcelona ke Allianz Arena awal pagi Rabu ini waktu Malaysia sambil berharap mereka akan menamatkan prestasi buruk dalam Bundesliga.

Walaupun menang 2-0 berdepan Inter Milan sebelum ini, Bayern seri tiga kali berturut-turut dan kini di kedudukan ketiga selepas enam perlawanan.

Bayern tidak bergelut membusi lawan musim ini apabila meledak 31 gol dalam sembilan perlawanan, namun mereka merasai kehilangan Lewandowski pada saat penting sejak beberapa minggu lalu.

**Penjaring terbanyak**

Lewandowski pula memulakan hidup di Sepanyol dengan baik apabila meledak enam kali dalam lima aksi La Liga buat Barcelona seterusnya bergelar penjaring terbanyak setakat ini.

Dengan empat kemenangan dan sekali seri, Barcelona masih belum tewas dalam liga dan kedua di belakang pendahulu, Real Madrid. Dalam Liga Juara-Juara, Lewandowski membuka akaun dengan hatrik ketika Barcelona menang 5-1 di laman sendiri berdepan Viktoria Plzen.

Bercakap selepas seri 2-2 di laman sendiri berdepan Stuttgart, pengarah sukan Bayern, Hasan Salihamidzic berkata pasukan itu tahu kemusnahan yang boleh dilakukan Lewandowski.

"Kami sudah diberi amaran," kata Salihamidzic mengenai prestasi bekas penyerang mereka itu bersama kelab baharunya.

Bayern ada rekod yang bagus dalam Liga Juara-Juara sejak kebelakangan ini berdepan Barcelona, dengan menang 3-0 sebanyak dua kali musim lalu selain 8-2 pada suku akhir ketika menang gelaran pada 2020.

Juara Eropah enam kali itu bagaimanapun menyedari skuad Barcelona kali ini lebih kuat selepas perubahan terbaru mereka. "Bimbang? Saya tidak tahu (mengenainya)," kata Salihamidzic apabila ditanya mengenai kunjungan Barca.

"Kami perlu menukar kepada gear dua, mungkin tiga untuk berdepan Barcelona." AFP

La Liga

# Vinicius terus julang Real

**Madrid:** Vinicius Junior meledak jaringan pada lima perlawanan berturut-turut ketika Real Madrid bangkit daripada ketinggalan untuk menewaskan Real Mallorca 4-1 dalam aksi La Liga, kelmarin, sekali gus mengekalkan rekod sempurna mereka pada permulaan musim.

Mallorca mendahului menerusi Vedat Muriqi pada minit ke-34 tetapi Federico Valverde menyamakan kedudukan buat tuan rumah pada penamat babak pertama menerusi larian solo menarik.

Vinicius meletakkan Real di depan 18 minit sebelum tamat sebelum jaringan lewat Rodrygo dan Antonio Rudiger melengkapkan kemenangan kelima berturut-turut dalam liga ketika skuad kendalian Carlo Ancelotti kembali di atas Barcelona.

"Vini ialah pemain istimewa, cara dia bermain dan karektor dimilikinya," kata Ancelotti.

"Dia ada kualiti menakjubkan. Perlawanan itu amat sukar kerana beberapa sebab. Cuaca agak panas, kami melepaskan gol hasil sepakan bola mati... Semua boleh dijangka," katanya. AFP

Terbuka AS

# Alcaraz pemain termuda nombor 1 dunia

**New York:** Pemain remaja Sepanyol, Carlos Alcaraz meraih gelaran sulung Grand Slam pada Terbuka Amerika Syarikat (AS) semalam dan bergelar pemain termuda menduduki carta teratas ranking dunia.

Pemain berusia 19 tahun itu mengerah sepenuh tenaga untuk menang 6-4, 2-6, 7-6 (7/1), 6-3 mengatasi pemain Norway, Casper Ruud di final. Alcaraz yang juga pemain remaja pertama menduduki carta teratas dunia, adalah juara lelaki termuda Grand Slam sejak Rafael Nadal pada Terbuka Perancis 2005.

Pada hari dia mencatat sejarah itu, dia juga bergelar pemain termuda muncul juara di sini sejak Pete Sampras pada 1990.

"Ini ialah sesuatu yang saya impikan sejak kecil - untuk menjadi pemain nombor satu dunia, menjadi juara Grand Slam," kata Alcaraz. "Inilah hasil daripada kerja keras saya. Sukar untuk bercakap ketika ini, terlalu banyak emosi. Ini ialah sesuatu yang saya cuba capai, semua kerja keras yang saya lakukan dengan pasukan dan keluarga.


"Saya baharu berusia 19 tahun dan semua keputusan besar dibuat oleh ibu bapa dan pasukan saya. Ini sesuatu yang amat istimewa buat saya," katanya.

**Kejohanan sukar**

Ia kejohanan yang amat sukar buat Alcaraz yang juga memegang rekod masa terpanjang berada di gelanggang pada satu acara Grand Slam. Dia melepasi catatan 23 jam 21 minit dibuat Kevin Anderson yang bergelar naib juara di Wimbledon pada 2018.

Sebahagian besar daripada 23 jam 40 minit rekod dibuatnya, 13 jam dihabiskan bermain dalam tiga aksi membabitkan lima set sebelum mara ke final. Nadal segera mengucapkan tahniah kepada pemain itu selepas kejayaannya.

"Tahniah @carlosalcaraz untuk gelaran pertama Grand Slam dan untuk nombor 1, yang menjadi penyudah hebat untuk musim yang bagus, yang saya yakin ia akan menjadi lebih banyak," kata juara 22 kali Slam itu menerusi Twitter. AFP



*Carlos Alcaraz*

F1 GP Itali

# Verstappen tawan Monza

**Monza (Itali):** Max Verstappen memenangi Grand Prix (GP) Formula Satu (F1) Itali di sini, kelmarin sekali gus semakin hampir meraih gelaran kedua berturut-turut saingan perlumbaan.

Beliau yang juga pendahulu kejuaraan menang pertama kali di sini dan juara kali kelima GP berturut-turut selepas bermula di petak ketujuh meninggalkan Charles Leclerc pada hari yang sukar buat Ferrari.

Perlumbaan berakhir dengan diiringi ejekan penonton manakala pemandu menamatkan enam pusingan terakhir di belakang kereta keselamatan selepas Daniel Ricciardo mengalami masalah enjin dan tersadai di tepi trek.

Namun Verstappen dari Belanda, yang memandu untuk pasukan Red Bull kini 116 mata di depan Leclerc dalam carta pemandu dan boleh mengekalkan gelarannya di Singapura bulan depan selepas memenangi perlumbaan ke-11 musim ini.

"Tidak bernasib baik, semua orang mahu menamatkannya dengan bendera hijau tetapi malangnya, kami kekurangan pusingan. Tetapi saya tetap gembira dan saya tak terlalu bimbang," kata Verstappen kepada media. AFP


Pemain skuad B-19 kebangsaan di KLIA sebelum berlepas ke Mongolia, kelmarin. (Foto ihsan FB FAM)

Kelayakan Piala Asia B-20

# Sasar juara kumpulan

## Aksi bermula esok, Korea Selatan dijangka halangan sukar

Oleh Syafiq Aznan
syafiq.aznan@bh.com.my

**Sepang:** Sembilan mata maksimum sudah pasti menjadi sasaran skuad Bawah 19 tahun (B-19) pada saingan kelayakan Piala Asia Bawah 20 tahun (B-20) 2023 di Mongolia bermula esok hingga Ahad ini.

Namun, pengendalinya, Hassan Sazali Waras menegaskan sasaran realistik perlu diletakkan apatah lagi selepas saingan dalam Kumpulan E itu turut menampilkan gergasi bola sepak Asia, Korea Selatan selain tuan rumah dan Sri Lanka.

"Seboleh-bolehnya, kita mahu sembilan mata untuk sahkan kelayakan secara merit tetapi kita tahu kita ada Korea Selatan yang turut bersaing bersama Malaysia dalam peringkat kumpulan.

"Jadi perancangan adalah untuk mendapatkan dua kemenangan terlebih dahulu pada peringkat awal ketika menentang Mongolia dan Sri Lanka.

"Bagi aksi terakhir, kita akan berusaha mendapatkan sekurang kurangnya satu mata (berdepan Korea Selatan) untuk sahkan tempat ke pusingan akhir," katanya ketika ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini, sebelum berlepas ke Mongolia, kelmarin.

**Jumpa Mongolia esok**

Pada peringkat kelayakan itu, skuad Harimau Muda akan menentang Mongolia pada jam 5 petang esok, disusuli Sri Lanka pada Jumaat sebelum menutup kempen berdepan Korea Selatan pada Ahad dengan semua perlawanan berlangsung di Stadium MFF, Ulaanbaatar.

Sebagai rekod, Piala Asia B-20 akan berlangsung pada Mac tahun dengan Uzbekistan akan menjadi tuan rumah bagi edisi kali ini dan empat pasukan terbaik akan layak ke Piala Dunia B-20 2023 di Indonesia.

Selain 10 juara kumpulan yang layak secara automatik ke saingan Asia itu, lima naib juara terbaik juga berpeluang merebut tiket ke Uzbekistan tahun depan.

**Esok**
Malaysia **mln** Mongolia, 5 ptg

**Jumaat**
Malaysia **mln** Sri Lanka, 5 ptg

**Ahad**
Malaysia **mln** Korea Selatan, 12.30 tgh hari

*semua aksi di Stadium MFF, Ulaanbaatar

# TFC mahu kekal fokus

**Kuala Lumpur:** Terengganu FC (TFC) boleh dianggap menerima kekecewaan berganda kerana bukan sahaja gagal menamatkan penantian 11 tahun menjulang Piala FA, malah turut terlepas tiket ke Piala AFC musim depan.

Bagaimanapun dengan Johor Darul Ta'zim (JDT) ketika ini menghampiri kejuaraan Liga Super dan situasi itu akan membolehkan ia beraksi pada Liga Juara Juara Asia (ACL) musim depan, pasukan ketiga Liga Super turut berpeluang ke Piala AFC sama seperti naib juara Liga Super.

Justeru, pengendali skuad Penyu, Nafuzi Zain mengharapkan kekalahan di pentas akhir Piala FA itu tidak 'berbekas' dalam hati anak buahnya memandangkan perjuangan dalam Liga Super belum berakhir ketika ini.

"Apa yang terbaik buat kita adalah untuk fokus pada aksi Liga Super kerana sebelum ini tumpuan lebih terarah kepada Piala FA. Saya rasa kita boleh bersaing kedudukan tiga terbaik.

"Penang FC menjadi aksi seterusnya dan kita perlu fokus untuk baki saingan Liga Super musim ini demi keluarga TFC," katanya.

Buat masa ini, TFC menghuni tangga keempat Liga Super dengan 29 mata namun ketinggalan enam mata di belakang Negeri Sembilan FC yang ketika ini mengumpulkan 35 mata.



Melaka meraikan kejayaan mempertahankan Piala Tun Sharifah Rodziah di Cheras, kelmarin. (Foto ihsan FB FAM)

Piala Tun Sharifah Rodziah

# Melaka cemerlang pertahan kejuaraan

**Melaka:** Fokus jitu memastikan gawang tidak bocor dan dalam masa sama meledak jaringan menjadi kunci kejayaan Melaka United FC mempertahankan kejuaraan Piala Tun Sharifah Rodziah dengan mengatasi Negeri Sembilan 1-0 pada aksi final di ibu negara, kelmarin.

Pengurus Melaka United, Dr Siti Faidul Maisarah Abdullah berkata, saingan final amat mendebarkan kerana pertarungan terheret ke masa tambahan namun jaringan Fatin Shahida Azmi pada minit ke-115 melengkapkan misi pasukan.

Katanya, bukan mudah untuk mempertahankan kejuaraan berbanding untuk menjulang piala tanpa status juara kerana setiap lawan memberi fokus tinggi untuk menewaskan Melaka.

Malah menurutnya, pasukan terbabit tewas pada aksi pembukaan di tangan Sabah namun bangkit pada dua aksi kumpulan A untuk bergelar naib juara, sebelum melepasi halangan Selangor di separuh akhir.

"Kemenangan ini amat manis buat kami sekali gus sebagai hadiah pertama kepada Presiden Persatuan Bolasepak Melaka United (MUSA) yang baharu, Datuk Wira Nor Azmi Ahmad," katanya.

Liga Super

# Tok Gajah serba tak menjadi

**Kuantan:** Pengalaman dan keadaan padang becak antara faktor kepada kekalahan 0-2 Sri Pahang FC kepada Kuala Lumpur City FC (KL City) dalam aksi Liga Super di Stadium Darul Makmur, di sini, kelmarin.

Pengendali Sri Pahang, Datuk Dollah Salleh berkata, dua faktor itu menyebabkan anak buahnya tidak dapat beraksi dengan baik hingga membenarkan skuad ibu kota itu berjaya membawa pulang tiga mata.

"Bagi saya, hari ini (kelmarin) Sri Pahang serba tidak menjadi termasuk keadaan padang becak yang menyebabkan pemain tidak dapat memberikan persembahan diinginkan. Namun, faktor pengalaman KL City yang beraksi di peringkat tertinggi (Piala Konfederasi Bolasepak Asia) menyebabkan kita tidak dapat bersaing.

"Pemain berusaha untuk memberikan tekanan kepada lawan tetapi KL City beraksi dengan baik," kata bekas pemain kebangsaan itu selepas perlawanan.

**Kekal kedudukan ketujuh**

Pada perlawanan itu, jaringan KL City diperoleh menerusi Muhammad Haqimi Azim Rosli dan Zhafri Yahya masing-masing pada minit ke-30 dan ke-72. Kekalahan itu menyaksikan skuad Tok Gajah kekal berada di kedudukan ketujuh dengan mengutip 21 mata daripada 18 perlawanan.

Sementara itu, pengendali KL City, Bojan Hodak berkata kejayaan mengutip tiga mata di sini adalah keputusan yang positif, sekali gus memperbaiki kedudukan dalam saingan Liga Super.

"Secara keseluruhannya saya berpuas hati dengan persembahan yang diberikan pemain terutama daripada segi corak permainan. Tiga mata yang diraih cukup bermakna dan saya gembira dengan keputusan pada perlawanan malam ini," katanya.

Dengan kemenangan itu, KL City berada di kedudukan kelima Liga Super dengan mengutip 25 mata selepas mengharungi 17 perlawanan.




Majlis menandatangani MoU antara Pengarah Jualan Serantau Kumpulan (automotive) MKA Group, Ben Eng (tengah) dan Damok di MKA Group Sdn Bhd di Puchong. (Foto Amirudin Sahib/BH)

GP Motosikal Malaysia

# 'Litar Sepang makanan saya'

## Damok tahu selok-belok SIC, sasar 10 terbaik

Oleh Sukhairi Thani
sukhairi@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Litar Antarabangsa Sepang (SIC) yang menjadi venue bagi Grand Prix (GP) Motosikal Malaysia 2022 pada bulan depan disifatkan pelumba 'wild card' negara, Syarifuddin Azman sebagai 'makanannya'.

Ia berikutan litar sepanjang 5.5 kilometer (km) itu menjadi lokasi latihannya bersama rakan seperjuangan di pasukan SIC Racing yang dikendalikan bekas pelumba negara, Zulfahmi Khairuddin.

"Tempat saya, makanan saya dan saya tahu selok-belok di sini," kata Syarifuddin atau dikenali sebagai Damok kepada media selepas majlis menandatangani perjanjian antara penajanya, RCB, bagi saingan GP Malaysia di sini, semalam.

"Namun ia bergantung kepada cuaca di Sepang nanti. Pada September ini, berkemungkinan cuaca hujan dan macam-macam lagi, jadi saya perlu mempersiapkan diri, mental saya sendiri untuk lebih baik lagi.

"Saya juga berharap di Sepang nanti penuh dengan sokongan rakyat Malaysia, datang menyokong saya dan pelumba lain. Saya mengharapkan perkara seperti itu, untuk lebih bersemangat lagi."

**Pembakar semangat**

Di Sepang nanti, Damok yang bersama pasukan Vision Track Racing Team, bakal menggunakan jentera dan khidmat pasukannya di Kejuaraan Dunia JuniorGP dan pastinya ia sesuatu yang bakal menambahkan semangat buat dirinya.

"Di GP Malaysia nanti, saya akan gunakan jentera di JuniorGP. Semua sama dan saya akan membawa pasukan saya dari Eropah ke Malaysia. Mereka sudah menjadi seperti keluarga sendiri. Saya gembira dan serasi dengan mereka. Saya mempunyai keyakinan dengan mereka dan diri saya sendiri yang saya boleh melakukannya," kata Damok.

SUKMA XX MSN 2022

# Medan terbaik atlet muda pamer prestasi

**Kuala Lumpur:** Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022 disifatkan sebagai medan terbaik buat atlet muda olahraga mempamerkan prestasi terbaik yang mereka ada untuk menempah tempat ke dalam program elit negara.

Bagi ketua jurulatih olahraga kebangsaan, Manshahar Abdul Jalil, SUKMA pastinya akan menyajikan pelbagai 'kejutan' apatah lagi ia akan turut dibarisi atlet olahraga yang sudah berada dalam kem kebangsaan.

"Rata-rata yang akan beraksi nanti untuk sukan olahraga adalah atlet muda yang kini menjalani latihan di negeri masing-masing," kata Manshahar.

"Pada edisi kali ini, saya percaya akan ada atlet muda kurang ternama menyerlah ataupun mampu mengalahkan atlet yang berada di bawah Program Podium.

"Oleh itu, atlet berkenaan berkemungkinan besar akan diserap dalam program elit kem olahraga negara dalam usaha memantapkan lagi keupayaan wakil negara di pentas antarabangsa nanti."

**426 acara dipertandingkan**

Edisi ke-20 yang berlangsung di sekitar Lembah Klang dari 16 hingga 24 September ini bakal mempertandingkan 31 jenis sukan membabitkan 426 acara antaranya olahraga, badminton, akuatik, gimnastik dan bola sepak.

Sebanyak lima zon venue pertandingan iaitu Kuala Lumpur untuk sukan seperti e-sukan, tenis, skuasy, bola keranjang; Bukit Jalil (olahraga, wushu, hoki, gimnastik, badminton); Bangi (berbasikal lebuh raya, memanah, bola sepak, silat, sepak takraw, angkat berat; Shah Alam (bola tampar, ragbi, karate, menembak) dan Pulau Langkawi (pelayaran).

Hampir 9,000 atlet dan pegawai daripada 15 kontinjen yang bertanding sudahpun mengesahkan penyertaan untuk temasya sukan itu kali ini.

Untuk rekod, pada edisi Perak 2018, Terengganu muncul selaku juara keseluruhan dengan mengumpul 56 pingat emas, 51 perak dan 53 gangsa manakala Wilayah Persekutuan di tempat kedua (52 emas, 38 perak dan 49 gangsa).

Superbike Dunia

# Hafizh terlepas mata gagal terus momentum

**Kuala Lumpur:** Perlumbaan Pusingan 7 Kejuaraan Superbike Dunia (WSBK) tidak berlangsung dengan baik buat pelumba negara, Hafizh Syahrin Abdullah selepas berjaya mengumpul mata di pusingan sebelumnya di Republik Czech, Julai lalu.

Momentum penamat di tempat ke-12 di Litar Most Autodrom di Czech tidak dapat diteruskan di Pusingan 7 yang berlangsung Nevers Magny-Cours, Perancis apabila menamatkan Perlumbaan 1 di tempat ke-20, Superpole (di tempat ke-17) dan Perlumbaan 2 (di tempat ke-19).

Begitupun pelumba MIE Racing Honda Team itu tetap berpuas hati dengan peningkatan dipamerkan dalam setiap sesi perlumbaan dan kini mengharapkan keputusan lebih baik dapat dijelmakan pusingan seterusnya di Litar Catalunya, Sepanyol dari 23 hingga 25 September ini.

"Kami sangat hampir dengan zon kutipan mata dalam Perlumbaan 2 dan saya fikir, saya mampu meraih satu atau dua mata sekali lagi. Malangnya, pada baki enam pusingan terakhir perlumbaan, saya hilang kawalan di bahagian depan pada Turn 13.

"Saya kembali berada dalam saingan tetapi sudah tentu saya hilang peluang untuk berada dalam kelompok penamat 15 terbaik," kata Hafizh yang kini sudah mengumpul empat mata untuk berada di tangga ke-23 keseluruhan.

Pelumba Aruba.it Racing - Ducati, Alvaro Bautista mendahului carta pelumba bagi kelas perdana dengan ketika ini sudah mengumpul 332 mata manakal Toprak Razgatlioglu (Pata Yamaha with Brixx WorldSBK) di kedudukan kedua, 302 mata.



Pasukan RSP Titan Junior meraikan kejayaan menjuarai Karnival Futsal Milo Hidup Bola di Subang.

Karnival Futsal Milo

# RSP Titan Junior juara

**Subang:** Edisi ke-16 Karnival Futsal Milo Hidup Bola menutup tirainya dengan gemilang apabila pasukan RSP Titan Junior muncul juara pada pusingan akhir yang berlangsung di Sportizza Sports Centre, di sini, pada hujung minggu lalu.


Perlawanan akhir yang berlangsung di hadapan kira-kira 500 penonton itu, menyaksikan RSP Titan Junior menundukkan Darul Naim 3-1 menerusi penentuan sepakan penalti selepas terikat tanpa jaringan.

Amir Amar berjaya memastikan pasukannya muncul juara menerusi persembahan bertenaga sepanjang kejohanan berlangsung sekaligus dinobatkan selaku pemain terbaik B-16 dan membawa pulang sepasang kasut futsal jenama FIGOS.

Ketua jurulatih RSP Titan Junior, Nazrin Abdul Aziz memuji kejayaan anak buahnya yang mempamerkan konsistensi sepanjang kejohanan. Sementara itu, pengurus Pemasaran MILO Malaysia, Kerwin Lim teruja dengan aksi yang diperagakan pemain yang Karnival Futsal Milo Hidup Bola ini dijalankan di enam zon seluruh Malaysia bermula 18 Jun lalu, meliputi zon Tengah, Utara, Selatan, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak.

Dalam pada itu, pasukan Stylo Mylo Green bergelar juara kategori B-12 hasil kemenangan 1-0 ke atas Mota FC apabila Muhammad Raziq Rosli menjaringkan gol tunggal pada minit akhir permainan.

Selasa
13 September 2022
bhsukan@bh.com.my



→ Ikuti lebih berita di www.bharian.com.my

## Bayern, Barcelona bakal gegar Allianz Arena

Sukan 45



## Alcaraz cipta kejutan takluk Terbuka AS

Sukan 45

Piala Raja Thailand 2022

# Harimau Malaya, Gajah Perang buat perhitungan lagi


Alexandrea Polking

Oleh Syafiq Aznan
syafiq.aznan@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** 'Jodoh' dua seteru ketat di peringkat Asia Tenggara jelas kuat selepas skuad Harimau Malaya akan bertemu tuan rumah, Thailand pada perlawanan pertama saingan Piala Raja Thailand 2022 di Chiang Mai, minggu depan.

Penentuan bagi pertembungan antara Thailand yang menghuni ranking ke-111 dunia dengan Malaysia di ranking ke-148 dunia itu dimuktamadkan menerusi majlis undian yang berlangsung di Thailand, semalam.

Satu lagi undian menyaksikan Trinidad dan Tobago yang berada pada ranking ke-101 dunia dijadual berdepan pasukan di ranking ke-109 dunia, Tajikistan.

### Pasukan ranking lebih tinggi

Undian ini menyaksikan skuad bimbingan Kim Pan Gon berpeluang berdepan Trinidad dan Tobago ataupun Tajikistan pada aksi kedua nanti.

Aksi pertama berlangsung pada 22 September ini manakala penentuan bagi tempat ketiga dan keempat serta final akan berlangsung pada 25 September.

Semua perlawanan akan berlangsung di Stadium Chiang Mai.

Sebagai rekod, peluang beraksi menentang pasukan di ranking lebih tinggi sudah pasti memberi banyak manfaat kepada skuad negara khususnya persiapan bagi menghadapi saingan Piala AFF 2022 hujung tahun nanti.

Malah, ini juga kesempatan terbaik untuk Malaysia memungut mata bagi memperbaiki kedudukan ranking dalam Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA).


Kim Pan Gon

Liga Super






## KL City terus garang

Selepas mara ke final Piala AFC Antara Zon bertemu kelab Uzbekistan, PFC Sogdiana bulan depan, KL City FC terus mempamerkan taring apabila mudah membenam Sri Pahang FC 2-0 pada saingan Liga Super di Kuantan kelmarin, sekali gus memperbaiki kedudukan dalam carta. Sukan 46

(Foto ihsan FB KL City FC/FB Sri Pahang FC)

Dicetak oleh Print Towers Sdn Bhd, (Dahulunya dikenali sebagai Berita Harian Sdn Bhd), 198501008724 (141172-W), Loji Daerah - No 16, Jalan U8/88, Taman Perindustrian Bukit Jelutong, 40150 Shah Alam, Selangor.
Lot 322 & 323, Kawasan Perindustrian Perai, 13600 Perai, Pulau Pinang. 1 2 3 4
Diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M'sia) Bhd. 196101000449 (4485-H), 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.